JUZU' KE-22
SURAH
FAATIR

سُورَةُ فَاطِرٍ

SURAH KE 35 | JUMLAH AYAT 45

SURAH FAATIR

Surah Pencipta

(Makkiyah)

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 3)

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ جَاعِلِ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ
رُسُلًا أُو۟لِىٓ أَجْنِحَةٍ مَّثْنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَ ۚ يَزِيدُ فِى ٱلْخَلْقِ
مَا يَشَآءُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾
مَّا يَفْتَحِ ٱللَّهُ لِلنَّاسِ مِن رَّحْمَةٍ فَلَا مُمْسِكَ لَهَا ۖ وَمَا يُمْسِكْ
فَلَا مُرْسِلَ لَهُۥ مِنۢ بَعْدِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ ۚ هَلْ مِنْ خَٰلِقٍ
غَيْرُ ٱللَّهِ يَرْزُقُكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ ۚ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ
فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ ﴿٣﴾

"Segala kepujian terpulang kepada Allah Pencipta langit dan bumi juga Pencipta para malaikat sebagai utusan-utusan yang bersayap dua, tiga dan empat. Dia menambahkan pada makhluk-Nya apa sahaja bentuk rupa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu (1). Apa sahaja rahmat yang dibukakan Allah kepada manusia, maka tiada sesiapa pun yang berkuasa menahankannya dan apa sahaja rahmat yang ditahankannya, maka tiada siapa pun yang berkuasa melepaskannya selepas itu. Dan Dialah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (2). Wahai manusia! Kenangilah ni'mat Allah kepada kamu. Tiada pencipta selain Allah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi. Tiada Tuhan melainkan Dia. Mengapakah kamu sanggup dipesongkan (dari kebenaran)?"(3)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah Makkiyah ini mempunyai satu susunan yang khusus mengenai maudhu' pembicaraannya dan gaya penerangannya. Ia hampir sama dengan susunan Surah ar-Ra'd. Penerangannya dibuat dengan nada-nada yang bertalu-talu memukul hati dari awal sehingga akhir, iaitu nada-nada pernyataan yang menginsaf, menarik dan menggoncangkan hati dengan sekuat-kuatnya. Ia menyedarkan hati dari kelalaiannya agar bangun memerhatikan kebesaran dan keindahan alam buana ini, merenungi tanda-tanda kekuasaan Allah yang bertaburan di merata liku dan pelusuknya, mengenangkan ni'mat-ni'mat, rahmat dan ria'ayah-Nya dan memikirkan peristiwa-peristiwa kebinasaan umat-umat yang dahulukala dan pemandangan-pemandangan mereka pada hari Qiamat, juga supaya hati berdiri dengan khusyu' ketika melihat keindahan-keindahan ciptaan Allah dan kesan-kesan limpah kurnia-Nya di merata sudut alam buana, di lubuk-lubuk jiwa, dalam kehidupan manusia dan dalam peristiwa-peristiwa sejarah. Hati akan dapat melihat dan merasa bahawa di dalam keindahan-keindahan ciptaan dan kesan-kesan limpah kurnia itu terdapat kesatuan kebenaran, kesatuan undang-undang dan kesatuan tangan qudrat Yang Maha Kuat dan Gagah. Semuanya itu dijelaskan dengan uslub dan nada yang tidak tertahan oleh mana-mana hati yang peka, memahami dan menerima kesan seperti makhluk-makhluk yang bernyawa.

Surah ini merupakan satu kandungan yang padu, bersambung-sambung dan bertalu-talu nadanya yang sukar untuk dibahagi-bahagikan kepada bab-bab yang berbeza-beza maudhu' pembicaraannya. Seluruhnya membentuk satu maudhu' sahaja dan paluan nada-nadanya memukul tali hati manusia. Maudhu'-maudhu'nya dipetik dari sumber-sumber alam buana, sumber jiwa, sumber kehidupan, sumber sejarah dan sumber kebangkitan, selepas mati. Ia mempengaruhi seluruh jiwa manusia dan mengajak hati mereka kepada iman, khusyu' dan menyerah diri kepada Allah.

Ciri yang jelas dari nada-nada pernyataan itu ialah seluruh tali temalinya terkumpul di tangan qudrat Allah Yang Maha Kreatif, dan tangan inilah yang kelihatan menggerakkan tali temali itu atau mengumpulkannya, menggenggam atau menghulurkannya, menarik atau mengendurkannya, tiada siapa yang menjadi sekutu dan pembantu-Nya dan tiada siapa yang boleh mengubahkan keputusan-Nya.

Dari permulaan surah lagi kita dapat memerhatikan ciri yang jelas itu dan ia terus kelihatan begitu sehingga akhirnya. Kita dapat melihat tangan qudrat Ilahi Yang Maha Kuasa itu melahirkan alam buana yang lebar ini ke alam al-wujud mengikut bentuk rupa yang dikehendaki-Nya:

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ جَاعِلِ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ
رُسُلًا أُو۟لِىٓ أَجْنِحَةٍ مَّثْنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَ ۚ يَزِيدُ فِى ٱلْخَلْقِ

مَا يَشَآءُۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ١

"Segala kepujian terpulang kepada Allah Pencipta langit dan bumi juga Pencipta para malaikat sebagai utusan-utusan yang bersayap dua, tiga dan empat. Dia menambahkan pada makhluk-Nya apa sahaja bentuk rupa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(1)

Apabila genggaman tangan qudrat yang kuat itu terbuka ia melepaskan rahmat yang mencurah-curah dan melimpah-ruah, dan apabila tangan itu menggenggam, maka segala matair rahmat itu tertutup dan kering. Tiada siapa yang berkuasa mengubahkan keputusan-Nya dan tiada siapa yang menjadi sekutu-Nya:

مَّا يَفۡتَحِ ٱللَّهُ لِلنَّاسِ مِن رَّحۡمَةٖ فَلَا مُمۡسِكَ لَهَاۖ وَمَا يُمۡسِكۡ
فَلَا مُرۡسِلَ لَهُۥ مِنۢ بَعۡدِهِۦۚ وَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ٢

"Apa sahaja rahmat yang dibukakan Allah kepada manusia, maka tiada sesiapa pun yang berkuasa menahankannya dan apa sahaja rahmat yang ditahankannya, maka tiada siapa pun yang berkuasa melepaskannya selepas itu. Dan Dialah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(2)

Hidayat itu rahmat yang mencurah atau mengering, kesesatan juga melimpah atau merosot:

فَإِنَّ ٱللَّهَ يُضِلُّ مَن يَشَآءُ وَيَهۡدِي مَن يَشَآءُۖ

"Sesungguhnya Allah menyesatkan mereka yang dikehendaki-Nya memberi hidayat kepada mereka yang dikehendaki-Nya."(8)

إِنَّ ٱللَّهَ يُسۡمِعُ مَن يَشَآءُۖ وَمَآ أَنتَ بِمُسۡمِعٖ مَّن فِي
ٱلۡقُبُورِ ٢٢ إِنۡ أَنتَ إِلَّا نَذِيرٌ ٢٣

"Sesungguhnya Allah memperdengarkan hidayat-Nya kepada mereka yang dikehendaki-Nya. Dan engkau (wahai Muhammad) tidak dapat memperdengarkannya kepada mereka yang ada di dalam kubur. Engkau tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang menyampaikan amaran."(22-23)

Tangan qudrat inilah yang menciptakan kehidupan dunia dan membangkitkan orang-orang yang mati dalam kehidupan Akhirat:

وَٱللَّهُ ٱلَّذِيٓ أَرۡسَلَ ٱلرِّيَٰحَ فَتُثِيرُ سَحَابٗا فَسُقۡنَٰهُ إِلَىٰ بَلَدٖ
مَّيِّتٖ فَأَحۡيَيۡنَا بِهِ ٱلۡأَرۡضَ بَعۡدَ مَوۡتِهَاۚ كَذَٰلِكَ ٱلنُّشُورُ ٩

"Dan Allah yang melepaskan angin lalu ia menggerakkan awan (yang membawa hujan) dan Kami membawakannya ke negeri yang mati (gersang) lalu Kami hidupkan bumi itu dengannya sesudah matinya. Dan seperti itulah juga berlakunya kebangkitan manusia selepas mati."(9)

Seluruh kemuliaan itu milik Allah dan dari Allah Yang Maha Esa sahala dapat diambil kemuliaan itu:

مَن كَانَ يُرِيدُ ٱلۡعِزَّةَ فَلِلَّهِ ٱلۡعِزَّةُ جَمِيعًاۚ

"Barang siapa yang berkehendakkan kemuliaan, maka seluruh kemuliaan itu adalah milik Allah."(10)

Semua tali temali penciptaan, pembentukan, anak pinak dan penentuan ajal adalah berada di dalam tangan qudrat Ilahi yang tidak pernah terlepas dari-Nya:

وَٱللَّهُ خَلَقَكُم مِّن تُرَابٖ ثُمَّ مِن نُّطۡفَةٖ ثُمَّ جَعَلَكُمۡ
أَزۡوَٰجٗاۚ وَمَا تَحۡمِلُ مِنۡ أُنثَىٰ وَلَا تَضَعُ إِلَّا بِعِلۡمِهِۦۚ
وَمَا يُعَمَّرُ مِن مُّعَمَّرٖ وَلَا يُنقَصُ مِنۡ عُمُرِهِۦٓ إِلَّا فِي كِتَٰبٍۚ
إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٞ ١١

"Dan Allah telah menciptakan kamu dari tanah kemudian dari nutfah kemudian dia jadikan kamu berpasang-pasangan. Dan tiada betina yang mengandung dan tiada betina yang melahirkan anak melainkan semuanya berlangsung dengan ilmu Allah. Dan tidak dipanjangkan umur seorang yang berumur panjang dan tidak dipendekkan umurnya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab. Sesungguhnya urusan itu amat mudah kepada Allah."(11)

Di dalam genggaman tangan qudrat Ilahi terletak segala anak kunci langit dan bumi, segala pergerakan planet-planet dan bintang:

يُولِجُ ٱلَّيۡلَ فِي ٱلنَّهَارِ وَيُولِجُ ٱلنَّهَارَ فِي ٱلَّيۡلِ
وَسَخَّرَ ٱلشَّمۡسَ وَٱلۡقَمَرَۖ كُلّٞ يَجۡرِي لِأَجَلٖ
مُّسَمّٗىۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمۡ لَهُ ٱلۡمُلۡكُۚ وَٱلَّذِينَ
تَدۡعُونَ مِن دُونِهِۦ مَا يَمۡلِكُونَ مِن قِطۡمِيرٍ ١٣

"Dia memasukkan malam di dalam siang dan memasukkan siang di dalam malam, dan dia ciptakan matahari dan bulan dan masing-masing beredar hingga kepada satu masa yang telah ditentukan. Semuanya itu diciptakan Allah Tuhan kamu yang memiliki kerajaan (langit dan bumi) dan tuhan-tuhan palsu yang didakwakan kamu sebagai tuhan selain dari-Nya itu tidak memiliki sesuatu apa walaupun selaput biji kurma yang nipis."(13)

Tangan qudrat Ilahi juga yang bekerja di alam buana ini dengan caranya yang tersendiri. Dia mengadakan berbagai-bagai warna pada makhluk-makhluk pepejal, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan manusia:

أَلَمۡ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءٗ فَأَخۡرَجۡنَا بِهِۦ
ثَمَرَٰتٖ مُّخۡتَلِفًا أَلۡوَٰنُهَاۚ وَمِنَ ٱلۡجِبَالِ جُدَدُۢ بِيضٞ
وَحُمۡرٞ مُّخۡتَلِفٌ أَلۡوَٰنُهَا وَغَرَابِيبُ سُودٞ ٢٧

وَمِنَ ٱلنَّاسِ وَٱلدَّوَآبِّ وَٱلْأَنْعَٰمِ مُخْتَلِفٌ أَلْوَٰنُهُۥ

"Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit lalu kami keluarkan dengan siramannya buah-buahan yang beraneka warna? Dan di antara gunung-ganang itu terdapat jalur-jalur jalan putih dan merah yang berlain-lainan warnanya dan batu-batu yang hitam legam.(27) Dan di antara manusia, haiwan-haiwan dan binatang ternakan juga terdapat berbagai-bagai warna."(28)

Tangan qudrat Ilahi ini juga memindahkan langkah-langkah manusia dan memindahkan warisan-warisan dari satu generasi ke satu generasi:

ثُمَّ أَوْرَثْنَا ٱلْكِتَٰبَ ٱلَّذِينَ ٱصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا

"Dan kami mewariskan kitab Al-Qur'an itu kepada orang-orang yang Kami pilih dari hamba-hamba Kami."(32)

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ فِى ٱلْأَرْضِ

"Dialah Yang telah menjadikan kamu khalifah-khalifah di bumi."(39)

Tangan qudrat inilah yang memegang alam buana yang besar ini dan memeliharanya dari kemusnahan:

إِنَّ ٱللَّهَ يُمْسِكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ أَن تَزُولَا وَلَئِن زَالَتَآ إِنْ أَمْسَكَهُمَا مِنْ أَحَدٍ مِّنۢ بَعْدِهِۦٓ إِنَّهُۥ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٤١﴾

"Sesungguhnya Allahlah yang memelihara langit dan bumi supaya kedua-duanya tidak menyimpang (dari garisan peredaran masing-masing), dan andainya kedua-duanya menyimpang, maka tiada siapa yang dapat memeliharakan keduanya selain dari Allah."(41)

Tangan qudrat inilah yang memegang teraju segala urusan. Tiada sesuatu pun yang dapat menterjemahkannya:

وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُعْجِزَهُۥ مِن شَىْءٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ

"Dan tiada sesuatu pun yang dapat melemahkan Allah, tiada di langit dan tiada pula di bumi."(44)

Allah itu **"Maha Berkuasa di atas segala sesuatu"(على كل شيء قدير), "Maha Perkasa dan Maha Bijaksana"(العزيز الحكيم), "Dan kepada Allah dipulangkan segala urusan"(وإلى الله ترجع الأمور), "Maha Mengetahui apa yang dibuat mereka"(عليم بما يصنعون), "Memiliki kerajaan (di langit dan bumi)"(وله الملك), "Maha Kaya dan Maha Terpuji"(الغني الحميد), "Kepada Allah tempat kembali"(وإلى الله المصير), "Maha Perkasa dan Maha Pengampun"(عزيز غفور), "Maha Pengampun dan Maha Bersyukur"(غفورشكور), "Maha Mengetahui dan Maha Melihat segala pergerakan hamba-Nya"(لخبير بصير), "Mengetahui segala perkara yang ghaib di langit dan di bumi"(عالم غيب السماوات والأرض), "Maha Mengetahui segala rahsia di dalam dada"(عليم بذات الصدور), "Maha Sabar dan Maha Pengampun"(حليما غفورا), Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa" (عليماً قديرا) dan "Maha Melihat segala pergerakan hamba-Nya" (بعباده بصيرا).**

Dari ayat-ayat ini dan dari berbagai-bagai ulasannya terbentuklah gambaran suasana surah ini, juga gambaran ciri-cirinya yang utama dan gambaran bayangan-bayangannya yang ditinggalkan di dalam jiwa secara umumnya.

Memandang kepada tabi'at surah ini, kami bahagikannya kepada enam bahagian yang serupa maksudnya untuk memudahkan pemahamannya, jika tidak, seluruh surah ini hanya merupakan satu pusingan sahaja yang bersambung-sambung dari awal hingga akhirnya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 1)

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ جَاعِلِ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ رُسُلًا أُو۟لِىٓ أَجْنِحَةٍ مَّثْنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَ يَزِيدُ فِى ٱلْخَلْقِ مَا يَشَآءُ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾

"Segala kepujian terpulang kepada Allah Pencipta langit dan bumi juga Pencipta para malaikat sebagai utusan-utusan yang bersayap dua, tiga dan empat. Dia menambahkan pada makhluk-Nya apa sahaja bentuk rupa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(1)

Sekelumit Pengetahuan Kita Mengenai Planet-planet Dan Bintang-bintang

Surah ini dimulakan dengan memuji Allah, dan yang menjadi intisari tujuan surah ini ialah membimbing hati manusia kepada Allah dan menyedarkannya supaya memikirkan ni'mat Allah dan menginsafi rahmat dan limpah kurnia-Nya, juga meni'mati keindahan-keindahan ciptaan Allah pada para makhluk-Nya dan mengisikan hati dengan keindahan-keindahan dan limpah kurnia-Nya dengan bertasbih memuji Allah dan berdo'a kepada-Nya.

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ

"Segala kepujian terpulang kepada Allah."(1)

Kemudian diiringi dengan menyebut sifat kekuasaan mencipta dan mengada iaitu:

فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ

"Pencipta langit dan bumi."(1)

Allahlah yang mengadakan makhluk-makhluk yang amat besar ini, yang kita lihat setengahnya berada di atas kita dan setengah yang lain berada di bawah kita. Kita tidak banyak mengetahui tentang bintang-bintang dan planet-planet di langit kecuali sedikit

sahaja tentang planet-planet dan bintang-bintang yang terkecil dan terdekat kepada kita seperti ibunda kita bumi. Semua bintang dan planet itu dikendalikan oleh satu undang-undang yang mengawal dan memeliharanya dengan penuh keserasian, walaupun bintang-bintang dan planet-planet itu dipisahkan oleh jarak-jarak yang amat jauh, yang tidak dapat digambarkan oleh daya khayal kita melainkan dengan usaha yang amat sukar. Bintang-bintang dan planet-planet yang besar dan jauh itu pula mengandungi rahsia-rahsia keserasian dan keselarasan peredaran di antara satu sama lain yang begitu rapi dan halus hingga jika mungkir satu nisbah yang kecil sahaja akan membawa bintang-bintang dan planet-planet itu berlanggar dan hancur bertaburan.

Sesungguhnya kita seringkali menemui ayat-ayat Al-Qur'anul-Karim yang menyebut tentang penciptaan langit dan bumi, tetapi kita tidak berhenti lama-lama di hadapannya untuk memikirkan tujuan dan hikmatnya yang amat besar. Begitu juga kita sering kali melihat langit dan bumi ini sendiri dengan hati yang dungu dan bodoh. Kita hanya berhenti sejenak sahaja di hadapannya kerana hati kita telah menjadi begitu kebas dan tumpul hingga pemandangan-pemandangan itu tidak lagi mengeluarkan kesan-kesan yang memetikkan tali-tali perasaannya, menyedar dan menginsafkannya sebagaimana yang diterima oleh hati-hati yang sentiasa mengingati Allah, dan sentiasa sedar kepada kesan-kesan tangan qudrat Ilahi Yang Maha Kreatif di alam buana ini. Semuanya disebabkan oleh keterlaluan biasa dan lumrah kita dengan pemandangan-pemandangan itu. Keterlaluan biasa inilah yang menghilangkan rasa keterharuan yang dirasakan oleh hati ketika melihat pemandangan-pemandangan yang indah itu bagai kali yang pertama.

Hati yang terbuka, sedar dan sentiasa mengingati Allah tidak memerlukan kepada ilmu pengetahuan yang cukup halus tentang kedudukan bintang-bintang di langit, saiz-saiznya, nisbah-nisbahnya, nisbah-nisbah angkasa lepas di sekelilingnya, jalan-jalan peredarannya, hubungan di antaranya dari segi saiz, kedudukan dan peredarannya.... ia tidak memerlukan kepada ilmu pengetahuan yang seperti ini untuk mencapai rasa keterlaluan dan kehebatan di hadapan makhluk-makhluk yang amat besar, cantik dan menarik ini. Malah pemandangan-pemandangan makhluk ini sahaja sudah cukup untuk memetikkan tali rasa hatinya. Kepadanya sudah cukup dengan pemandangan bintang-bintang yang bertaburan di alam yang gelap-gelita. Kepadanya sudah cukup dengan pemandangan cahaya yang limpah benderang di malam-malam yang berbulan terang. Kepadanya sudah cukup dengan pemandangan fajar yang menyingsing membidaskan cahaya yang melambangkan pernafasan dan pergerakan, kepadanya sudah cukup dengan pergerakan matahari jatuh yang merangkak membawa kegelapan malam yang menyarankan selamat tinggal dan pengakhiran hari siang, malah kepadanya sudah cukup dengan bumi ini sahaja dengan segala pemandangannya yang tidak pernah habis, dini'mati dan dijelajahi walaupun seorang pelancong itu menghabiskan seluruh umurnya menjelajah, menonton dan melihat dengan sepuas hati, malah kepadanya cukup dengan pemandangan sekuntum bunga, di mana penelitian dan pemerhatian terhadap warna-warninya, rupa bentuk dan susunannya yang indah tidak pernah berakhir.

Al-Qur'an sentiasa memberi isyarat-isyarat yang menggalakkan kita supaya memikirkan semua makhluk ini sama ada kecil atau besar. Kepada hati yang sedar hanya cukup dengan salah satu dari makhluk itu sahaja untuk memahami keagungan Penciptanya dan bertawajjuh kepada-Nya dengan bertasbih, memuji dan berdo'a kepada-Nya:

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ جَاعِلِ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ رُسُلًا أُو۟لِىٓ أَجْنِحَةٍ مَّثْنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَ

"Segala kepujian terpulang kepada Allah Pencipta langit dan bumi juga Pencipta para malaikat sebagai utusan-utusan yang bersayap dua, tiga dan empat."(1)

Pembicaraan di dalam surah ini berlegar di sekitar rasul-rasul, wahyu dan kebenaran yang diturunkan Allah, juga malaikat yang menjadi utusan Allah untuk menyampaikan wahyu kepada para rasul yang dipilih dari hamba-hamba-Nya di bumi. Kerasulan ini merupakan suatu perkata yang paling besar. Oleh kerana itu Allah menyebut para malaikat dengan sifat mereka sebagai utusan-utusan selepas dia menyebut tentang penciptaan langit dan bumi. Merekalah penghubung di antara langit dengan bumi. Mereka telah melaksanakan tugas yang paling besar selaku utusan di antara Pencipta langit dan bumi dengan para Anbia' dan Rasul-Nya yang diutuskan kepada manusia.

Bagi kali yang pertama sejauh yang kita telah lalui lembaran-lembaran Al-Qur'an di dalam tafsir Fi Zilal ini, kita dapati sifat-sifat malaikat dari segi rupa dan bentuk mereka. Sebelum ini sifat-sifat mereka hanya diterangkan dari segi tabi'at dan tugas mereka sahaja seperti firman-firman Allah S.W.T.:

وَمَنْ عِندَهُۥ لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِۦ وَلَا يَسْتَحْسِرُونَ ﴿١٩﴾

يُسَبِّحُونَ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ لَا يَفْتُرُونَ ﴿٢٠﴾

"...... Dan para malaikat yang berada di sisi-Nya tidak merasa angkuh untuk beribadat kepada-Nya dan tidak pula merasa letih. Mereka bertasbih siang dan malam tanpa merasa lemah."

(Surah al-Anbia': 19-20)

إِنَّ ٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِۦ وَيُسَبِّحُونَهُۥ وَلَهُۥ يَسْجُدُونَ ۩ ﴿٢٠٦﴾

"Sesungguhnya para malaikat yang berada di sisi-Nya tidak merasa angkuh untuk beribadat kepada-Nya dan mereka bertasbih dan sujud kepada-Nya."

(Surah al-A'raf: 206)

Malaikat-malaikat Yang Bersayap

Tetapi di sini (dalam surah ini) kita dapati penjelasan mengenai sifat-sifat kejadian mereka yang lain iaitu:

أُو۟لِىٓ أَجْنِحَةٍ مَّثْنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَ

"Bersayap dua, tiga dan empat"(1)

sifat-sifat ini tidak dapat digambarkan dengan gambaran yang sebenar kerana kita tidak mengetahui bagaimana rupa mereka dan bagaimana bentuk sayap-sayap mereka? Kita tidak dapat menggambarkan mereka dengan satu gambaran yang tertentu melainkan, sekadar sifat-sifat yang dijelaskan oleh Al-Qur'an itu sahaja, kerana segala gambaran kita mungkin tersalah. Tidak ada keterangan yang menjelaskan rupa bentuk mereka yang tertentu yang sampai kepada kita dari saluran yang muktamad. Keterangan yang terdapat di dalam Al-Qur'an hanya sekadar ini sahaja iaitu di dalam firman-Nya mengenai Neraka Jahannam:

"Ia (Neraka) dikawal oleh malaikat-malaikat yang kasar dan keras. Mereka tidak menderhakai Allah terhadap apa sahaja yang diperintahkan kepada mereka. Mereka melaksanakan segala apa yang diperintah."

(Surah at-Tahrim: 6)

Di dalam ayat ini tidak juga diterangkan rupa bentuk mereka yang tertentu. Di dalam hadith terdapat keterangan yang mengatakan "Bahawa Nabi s.a.w. telah melihat Jibril dalam rupa bentuknya yang sebenar sebanyak dua kali", dan dalam satu riwayat yang lain menerangkan bahawa Jibril "Mempunyai enam ratus sayap".[1] Hadith-hadith ini tidak menyebut rupa bentuk yang tertentu. Jadi perkara ini adalah amat umum dan hanya Allah sahaja yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib seperti ini.

Sehubungan dengan keterangan sayap-sayap dua, tiga dan empat, sedangkan manusia hanya mengenal bentuk dua sayap sahaja pada burung-burung, maka Al-Qur'an iringi pula dengan menyebut bahawa Allah:

"Menambahkan pada makhluk-Nya apa sahaja bentuk rupa yang dikehendaki-Nya."(1)

Di sini ia menerangkan kebebasan kehendak masyi'ah Allah yang tidak terikat dengan mana-mana bentuk rupa makhluk-Nya. Sejauh yang kita lihat dan tahu disana terdapat berbagai-bagai rupa bentuk makhluk yang tidak terhingga bilangannya dan di sebalik segala rupa bentuk yang kita tahu itu terdapat lebih banyak lagi rupa bentuk yang lain:

إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾

"Sesungguhnya Allah itu Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(1)

Ulasan ini lebih luas lagi pengertiannya dari ulasan sebelumnya kerana pengertiannya mencakupi segala bentuk rupa penciptaan, pengubahan dan penukaran.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 2)

Hakikat Rahmat Allah

مَّا يَفْتَحِ ٱللَّهُ لِلنَّاسِ مِن رَّحْمَةٍ فَلَا مُمْسِكَ لَهَا ۖ وَمَا يُمْسِكْ فَلَا مُرْسِلَ لَهُۥ مِنۢ بَعْدِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢﴾

"Apa sahaja rahmat yang dibukakan Allah kepada manusia, maka tiada sesiapa pun yang berkuasa menahankannya, dan apa sahaja rahmat yang ditahankannya, maka tiada siapa pun yang berkuasa melepaskannya selepas itu. Dan Dialah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(2)

Di dalam ayat yang kedua dari surah ini dikemukakan satu gambaran dari gambaran-gambaran qudrat Allah yang mengakhiri penerangan ayat yang pertama. Apabila gambaran ini tertanam di dalam hati seseorang, maka satu perubahan yang besar akan berlaku di dalam kefahaman-kefahamannya, perasaan-perasaannya dan arah-arah tujuannya, pertimbangan-pertimbangannya dan nilai-nilainya dalam kehidupan ini seluruhnya.

Gambaran ini akan memutuskan manusia dari segala kuasa di langit dan di bumi dan menghubungkannya dengan kuasa Allah. Gambaran ini akan menutup segala pintu di langit dan di bumi dan hanya membuka pintu Allah sahaja di hadapannya. Ia akan menutup segala jalan di langit dan bumi dan hanya membuka jalan menuju Allah sahaja.

Rahmat Allah tergambar dalam berbagai-bagai fenomena yang tidak terhitung banyaknya. Manusia tidak mampu memeriksa dan mencatatkan rahmat Allah yang wujud pada dirinya sendiri, pada struktur kejadiannya, pada penghormatan-penghormatan Allah kepadanya, pada kemudahan-kemudahan yang disediakan Allah di sekelilingnya, di atas dan di bawahnya dan pada ilmu-ilmu pengetahuan yang dikurniakan kepadanya, sedangkan ilmu pengetahuan yang tidak diketahuinya adalah masih terlalu banyak lagi.

---

[1] *Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim dari riwayat Ibn Mas'ud.*

Rahmat Allah itu juga tergambar pada segala sesuatu yang dilarang dan segala sesuatu yang dihalal. Rahmat Allah boleh didapati oleh sesiapa sahaja yang dibukakan rahmat itu kepadanya dalam segala sesuatu, segala kedudukan dan keadaan dan di segala tempat. Dia boleh menemui rahmat-rahmat itu pada dirinya, pada perasaan-perasaannya, pada benda-benda di sekeliling tubuhnya dan di mana sahaja dia berada dan bagaimana sahaja keadaannya walaupun dia telah kehilangan segala-galanya dan dianggap orang sebagai penafian. Seseorang itu akan kehilangan rahmat dalam segala sesuatu apabila Allah menahankan rahmat itu darinya walaupun ia memiliki segala sesuatu yang dianggap orang sebagai tanda kesenangan dan mendapat keredhaan.

Setiap ni'mat yang ditahankan Allah rahmat-Nya akan berubah menjadi bala dan malapetaka dan sebaliknya setiap kesusahan yang dipayungkan rahmat Allah akan menjadi ni'mat. Seorang yang tidur di atas duri bersama rahmat Allah adalah tidur di atas tilam yang empuk dan, sebaliknya seorang yang tidur di atas tilam sutera yang ditahankan rahmat-Nya adalah tidur di atas tilam duri. Seseorang yang menghadapi kerja yang paling sukar dengan rahmat Allah dapat menyelesaikannya dengan mudah dan selesa sebaliknya seorang yang menghadapi kerja yang paling mudah dan senang tanpa rahmat Allah akan mengalami kesulitan dan kepayahan. Seseorang yang mengharungi bahaya dengan rahmat Allah akan dapat menjangkaunya dengan aman dan selamat, sebaliknya seorang yang mengharungi bahaya tanpa rahmat Allah akan menghadapi kebinasaan walaupun dia menggunakan segala macam jalan dan cara.

Tiada kesusahan di samping rahmat Allah. Kesusahan itu hanya wujud apabila rahmat Allah ditahankan dari seseorang. Tiada kesusahan walaupun seseorang yang mendapat rahmat itu berada dalam penjara yang gelap atau berada di dalam keseksaan atau berada di jalan kebinasaan, dan sebaliknya tiada kesenangan apabila rahmat itu ditahankan dari seseorang walaupun dia hidup dalam segala macam keni'matan dan kemewahan. Barang siapa yang jiwanya dimasuki rahmat Allah akan mengalirlah darinya matair-matair kebahagiaan, kerelaan dan ketenteraman dan barang siapa yang tertahan jiwanya dari rahmat Allah akan merangkaklah di dalam jiwanya segala kala jengking kegelisahan, keletihan, kemeranaan dan penderitaan batin yang teruk.

Andainya pintu rahmat ini sahaja yang terbuka, sedangkan seluruh pintu, seluruh jendela dan seluruh jalan yang lain ditutup belaka, maka ia tidak akan mendatangkan apa-apa kemudharatan kepada anda, malah itulah kelepasan, keluasan, kesenangan dan kemewahan kepada anda. Dan andainya pintu rahmat ini sahaja yang tertutup, sedangkan pintu-pintu, jendela-jendela dan jalan-jalan yang lain di buka belaka, maka ia tidak berguna apa-apa kepada anda, malah itulah kesempitan, kesusahan-kesusahan, kecelakaan dan bala kepada anda.

Harta kekayaan, anak-anak, kesihatan, kekuatan, pangkat dan kuasa akan menjadi punca kegelisahan, kepenatan, kesengsaraan dan kemeranaan apabila ia tertahan dari rahmat Allah. Tetapi apabila Allah membuka pintu rahmat-Nya, maka semuanya akan membawa ketenangan, kerehatan dan ketenteraman.

Apabila Allah melapangkan rezeki yang disertai dengan rahmat-Nya, maka itulah keni'matan dan kesenangan yang sebenar, itulah kemewahan hidup di dunia dan bekalan menuju Akhirat. Tetapi apabila Allah menahankan rahmat-Nya, maka rezeki yang luas itu akan menjadi punca kegelisahan, ketakutan, hasad dengki dan dendam kesumat. Kadang-kadang seseorang itu ternafi dari keni'matan dengan sebab dia terlalu bakhil atau sakit, dan kadang-kadang membawa kepada kebinasaan kerana keterlaluan dan kesewenang-wenangan.

Apabila Allah mengurniakan zuriat keturunan yang dibayung dengan rahmat-Nya, maka zuriat itu akan menjadi perhiasan hidup, punca kegembiraan dan keni'matan, punca mendapat pahala yang berganda di Akhirat kerana adanya zuriat yang soleh yang mengingati Allah, tetapi apabila Allah menahankan rahmat-Nya, maka zuriat itu akan menjadi punca kesusahan, kesengsaraan, penderitaan dan kecelakaan. Mereka tidak melenakan tidurnya di waktu malam dan memenatkan hatinya di waktu siang.

Apabila Allah mengurniakan kesihatan dan kekuatan yang disertai dengan cucuran rahmat-Nya, maka kesihatan dan kekuatan merupakan keni'matan, kehidupan yang nyaman dan kelazatan hidup yang citarasa, tetapi apabila Allah menahankan rahmat-Nya, maka kesihatan dan kekuatan akan menjadi suatu bala kepada seseorang. Dia akan menghabiskan kesihatan dan kekuatannya di dalam kegiatan-kegiatan yang tidak baik yang menjahanamkan tubuh badannya, merosakkan rohnya dan mengumpulkan dosa-dosa yang banyak bagi hari Hisab.

Apabila Allah mengurniakan kuasa dan pangkat kebesaran yang dipayungkan dengan rahmat-Nya, maka kuasa dan pangkat kebesaran itu akan menjadi alat islah, punca keamanan dan sarana mengumpulkan bekalan amalan-amalan yang soleh. Tetapi apabila Allah menahankan rahmat-Nya, maka pangkat kebesaran dan kuasa itu akan menjadi punca kegelisahan dan kebimbangan kerana takut kehilangannya, juga menjadi punca kezaliman dan kemaharajalelaan, punca hasad dengki dan dendam kesumat yang menghilangkan ketenteraman jiwa seseorang dan menyebabkannya tidak dapat merasakan ni'mat pangkat kebesaran dan kuasa itu dan menyebabkannya mengumpulkan bekalan-bekalan amalan yang jahat untuk Neraka.

Ilmu pengetahuan yang banyak, umur yang panjang dan kedudukan kehidupan yang baik adalah semuanya berubah-ubah dari satu keadaan kepada satu keadaan mengikut penahanan dan pelepasan rahmat Allah (atau mengikut keadaan seorang itu dikurniakan atau tidak dikurniakan rahmat Allah). Ilmu yang sedikit (yang disertai rahmat) menghasilkan buah yang berguna. Umur yang pendek (yang dipayungi rahmat) akan mendapat sepenuhnya keberkatan dari Allah. Ni'mat kesenangan hidup yang sedikit (yang disertai rahmat) dapat mencapai kebahagiaan dari Allah.

Kelompok-kelompok manusia sama sahaja dengan orang-orang perseorangan, umat-umat sama sahaja dengan individu-individu di dalam segala perkara dan keadaan, dan untuk membandingkan mereka dengan contoh-contoh ini tidak lagi merupakan sesuatu yang sukar.

Di antara rahmat Allah ialah anda dapat merasakan rahmat Allah itu. Sesungguhnya diri anda itu sentiasa dirangkul, dilimpah dan dicucuri rahmat Allah, tetapi perasaan dan kesedaran anda terhadap wujudnya rahmat itu sendiri merupakan suatu rahmat. Harapan dan cita-cita anda kepada rahmat itu sendiri merupakan suatu rahmat. Kepercayaan anda kepada rahmat Allah dalam segala keadaan itu sendiri merupakan suatu rahmat. Sebaliknya anda akan mengalami kesengsaraan batin andainya anda tidak dapat melihat rahmat Allah atau anda berputus asa darinya atau meraguinya. Itulah kesengsaraan batin yang tidak ditimpakan Allah selama-lamanya ke atas seorang Mu'min.

إِنَّهُۥ لَا يَاْيْـَٔسُ مِن رَّوْحِ ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْقَوْمُ ٱلْكَـٰفِرُونَ ﴿٨٧﴾

"Sesungguhnya tiada yang berputus asa dari rahmat Allah melainkan orang-orang yang kafir."

(Surah Yusuf: 87)

Rahmat Allah tidak sukar didapati oleh orang yang mencarinya. Ia boleh didapati di mana-mana tempat dan keadaan. Nabi Ibrahim a.s. telah menemui rahmat Allah dalam api yang bernyala-nyala. Nabi Yusuf a.s. telah menemuinya di dalam perigi dan penjara. Nabi Yunus a.s. telah menemuinya di dalam perut ikan yang gelap. Nabi Musa a.s. telah menemuinya di dalam sungai semasa beliau masih seorang bayi yang tidak mempunyai sebarang kekuatan dan tidak dijaga oleh sesiapa pun, begitu juga beliau telah menemuinya di dalam istana Fir'aun yang menjadi musuh ketat yang sentiasa mencari dan memburunya. Pemuda-pemuda Ashabul-Kahfi telah menemuinya di dalam gua setelah mereka tidak dapat menemuinya di dalam istana-istana dan rumah-rumah yang besar. Mereka telah berkata satu sama lain:

فَأْوُۥٓا۟ إِلَى ٱلْكَهْفِ يَنشُرْ لَكُمْ رَبُّكُم مِّن رَّحْمَتِهِۦ

"Pergilah kamu berlindung di dalam gua nescaya Tuhan kamu mencucurkan rahmat-Nya ke atas kamu."

(Surah al-Kahfi: 16)

Dan Rasulullah s.a.w. dan sahabat setianya (Abu Bakr) juga telah menemuinya di dalam gua ketika mereka dikejar, dicari dan dikesan oleh orang-orang kafir. Malah rahmat Allah itu dapat ditemui oleh setiap orang yang mencari perlindungan pada-Nya setelah ia berputus asa dari segala pertolongan yang lain dan setelah ia terputus dari segala kekuatan dan harapan. Dia akan menemui rahmat Allah apabila dia mengetuk pintu Allah sahaja bukannya pintu-pintu yang lain.

Kemudian apabila Allah telah membuka pintu rahmat-Nya, maka tiada siapa lagi yang dapat menahannya, dan apabila Allah menahankan rahmat-Nya, maka tiada siapa lagi yang dapat melepaskannya. Oleh kerana itu kita tidak perlu takut kepada sesiapa, tidak perlu mengharapkan sesiapa, tidak perlu takut kepada sesuatu dan tidak perlu meletakkan harapan pada sesuatu, tidak perlu takut hilangnya sesuatu sarana, tidak perlu mengharapkan sesuatu walaupun ada sarana, kerana sesungguhnya rahmat itu adalah bergantung kepada kehendak masyi'ah Allah. Apa sahaja rahmat yang dibukakan Allah, tiada siapa lagi yang berkuasa menghalangkannya, dan apa sahaja rahmat yang ditahankan Allah, tiada siapa lagi yang berkuasa melepaskannya. Segala urusan rahmat terserah secara langsung kepada kehendak Allah:

وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢﴾

"Dialah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana"(2)

Dialah yang menentu atau mengatur taqdir-Nya dan tiada siapa yang berkuasa mengubahkan keputusan Allah apabila Dia memberi atau menahan. Allah membuka dan menahankan rahmat-Nya mengikut hikmat kebijaksanaan-Nya yang tersembunyi.

"Apa sahaja rahmat yang dibukakan Allah kepada manusia, maka tiada sesiapa pun yang berkuasa menahankannya."(2)

Tiada apa-apa pakatan di antara manusia dengan rahmat Allah. Oleh itu hendaklah dia mencari rahmat itu secara langsung dari Allah. Tiada orang tengah dan tiada sarana yang lain melainkan hanya bertawajjuh kepada Allah dengan penuh keta'atan, harapan, keyakinan dan penyerahan diri.

وَمَا يُمْسِكْ فَلَا مُرْسِلَ لَهُۥ مِنۢ بَعْدِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢﴾

"Dan apa sahaja rahmat yang ditahankan-Nya, maka tiada siapa pun yang berkuasa melepaskannya selepas itu. Dan Dialah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(2)

Oleh itu kita tidak perlu mengharapkan sesiapa dari makhluk-Nya dan tidak perlu takut kepada sesiapa

dari makhluk-Nya, kerana tiada siapa yang berkuasa melepaskan rahmat yang telah ditahankan Allah.

Manakah ketenteraman dan keputusan yang lebih dari ini? Manakah kefahaman, perasaan, nilai dan pertimbangan yang lebih jelas dari kefahaman, perasaan, nilai dan pertimbangan yang telah ditanamkan ayat ini di dalam hati kita?

Sepotong ayat ini telah melukiskan (kepada manusia) satu gambaran hidup yang baru, menanamkan di dalam perasaan mereka sebuah nilai hidup yang teguh dan menegakkan sebuah neraca yang tidak bergoncang dan tidak terjejas kepada segala pengaruh luaran sama ada kecil atau besar, iaitu pengaruh yang terbit dari manusia, peristiwa-peristiwa atau pengaruh yang terbit dari apa sahaja.

Andainya gambaran ini tertanam di dalam hati seseorang, dia akan berdiri tegak seteguh gunung menghadapi segala peristiwa, segala benda, segala manusia, segala, kekuatan, segala nilai dan pertimbangan walaupun jin dan manusia bekerjasama menggugatkannya, kerana mereka tidak berkuasa membuka rahmat yang telah ditahankan Allah dan tidak berkuasa menahankan rahmat yang dibukakan Allah.

"Dialah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(2)

Demikianlah Al-Qur'an telah melahirkan dengan ayat dan surah ini satu angkatan manusia Mu'minin yang amat menakjubkan di permulaan Islam, iaitu satu angkatan yang dibentukkan Allah di bawah ri'ayah Allah dengan kitab Al-Qur'an-Nya sebagai alat qudrat-Nya yang dapat melahirkan di bumi apa sahaja 'aqidah, nilai-nilai, pertimbangan-pertimbangan, peraturan-peraturan dan undang-undang yang dikehendaki-Nya, juga dapat menegakkan apa sahaja contoh-contoh kehidupan yang dikehendaki Allah di alam kenyataan, iaitu contoh-contoh hidup yang dilihat hari ini sebagai dongeng-dongeng dan impian-impian. Angkatan ini merupakan salah satu alat taqdir yang dikuatkuasakan Allah ke atas siapa sahaja yang dikehendaki-Nya di bumi ini, di mana mereka akan bertindak menghapus dan menetap apa sahaja yang dikehendaki Allah di alam kenyataan dan kehidupan manusia, kerana golongan ini tidak berinteraksi dengan lafaz-lafaz Al-Qur'an, malah dengan makna-maknanya yang indah yang digambarkan oleh lafaz-lafaz itu. Mereka berinteraksi dengan hakikat-hakikat yang digambarkan oleh ayat-ayat Al-Qur'an, dan dengan hakikat-hakikat inilah mereka hidup dan berjuang untuknya di alam kenyataan.

Al-Qur'an yang ada di dalam tangan manusia sekarang ini masih mampu melahirkan, dengan perantaraan ayat-ayatnya, individu-individu dan kelompok-kelompok angkatan manusia Mu'minin yang dapat bertindak, dengan izin Allah, menghapus dan memantapkan apa sahaja yang dikehendaki Allah di bumi ini, iaitu apabila konsep-konsep yang ditanamkan oleh Al-Qur'an ini terpacak teguh di dalam hati mereka atau apabila gambaran-gambaran ini tertanam dalam hati mereka dan diambil dan dijelmakannya secara serius, dan dirasakan mereka dengan sungguh-sungguh seolah-olah dapat disentuh dengan tangan dan dilihat dengan mata.

* * * * * *

Kini biarlah aku pula mengadap Allah untuk mempersembahkan kepujian dan kesyukuranku atas limpah rahmat-Nya khusus kepadaku, yang aku dapat mengenalinya datang dari Allah di dalam ayat ini.

Sesungguhnya ayat inilah yang memberikanku di sa'at-sa'at aku sedang terlantar di dalam kesusahan, kesengsaraan, kesempitan dan kesulitan, sedang berada di dalam kekeringan jiwa dan penderitaan batin yang amat berat, di sa'at-sa'at inilah Allah memberi, taufiq-Nya kepadaku mengetahui hakikat tujuan ayat ini, dan hakikat ayat inilah yang dicurahkan ke dalam jiwaku seolah-olah air penawar yang amat jernih yang aku sedut dan terus merasakan daya mujarabnya menjalar di dalam tubuhku. Aku sungguh-sungguh merasakan hakikat ayat ini bukan hanya sekadar memahami maknanya, dan perasaan ini sendiri merupakan sesuatu rahmat kepada aku. Rahmat Allah mengemukakan kepadaku satu pentafsiran yang waqi'i (realistik) terhadap hakikat ayat ini yang terbuka kepadaku seperti sekarang ini. Sebelum ini aku telah membaca ayat ini berkali-kali, tetapi hanya pada sa'at ini sahaja, ia mencurahkan penawarnya dan menunjukkan maknanya yang sebenar di alam kenyataan atau menurunkan hakikatnya yang abstrak yang seolah-olah berkata: "Aku inilah contoh rahmat yang dibuka Allah. Oleh itu lihatlah bagaimana ia bertindak."

Walaupun segala sesuatu yang ada di sekelilingku tidak berubah, tetapi segala sesuatu di dalam hati dan perasaanku telah berubah. Aku kira itulah satu ni'mat yang amat besar apabila hati terbuka menerima satu hakikat yang agung dari hakikat-hakikat alam al-wujud seperti hakikat agung yang terkandung di dalam ayat ini, iaitu satu ni'mat yang dapat dirasa dan dihayati oleh seseorang, tetapi ni'mat itu jarang sekali dapat digambar atau dipindahkannya kepada orang lain melalui tulisan. Aku telah menghayati ni'mat itu, aku telah merasakannya dan mengenainya. Semuanya itu berlaku di sa'at-sa'at yang paling kering dan tandus yang dilalui hidupku. Tetapi kini aku telah menemui kelepasan, kegirangan, kepuasan, kesenangan dan kebebasan dari segala ikatan, dari segala kesusahan dan kesulitan. Aku tetap teguh ditempatku. Itulah pintu rahmat yang telah dibukakan Allah dan tercurah melimpah-ruah di dalam satu ayat dari ayat-ayat qalam-Nya. Ayat Al-Qur'an itu telah membuka satu lubang yang mengalirkan matair-matair rahmat dan membuka sebuah jalan menuju kerelaan, keyakinan, ketenangan dan kesenangan dalam sekelip mata, dalam sedegup jantung dan

sedebar hati sahaja. Ya Allah! Kepada-Mulah segala sanjungan dan kepujian. Ya Allah! Engkau telah menurunkan Al-Qur'an ini benar-benar menjadi hidayat dan rahmat kepada seluruh orang yang beriman.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 3)

Marilah kita kembali semula kepada ayat-ayat surah ini setelah merakamkan pandangan sepintas ini. Di sini kita dapati bahawa Al-Qur'an menguatkan di dalam ayat yang ketiga apa yang telah disarankan oleh ayat yang pertama dan kedua. Ia mengingatkan manusia terhadap ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada mereka dan menerangkan bahawa hanya Allah sahaja Tuhan Pencipta dan Dia sahaja yang memberi rezeki. Tiada Tuhan yang lain melainkan Dia. Dan pada akhirnya Al-Qur'an melahirkan kehairanannya bagaimana manusia dapat dipesongkan dari kebenaran yang amat jelas dan terang ini:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ ۚ هَلْ مِنْ خَٰلِقٍ غَيْرُ ٱللَّهِ يَرْزُقُكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ ۚ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ فَأَنَّىٰ تُؤْفَكُونَ ﴿٣﴾

"Wahai manusia! Kenangilah ni'mat Allah kepada kamu. Tiada pencipta selain Allah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi. Tiada Tuhan melainkan Dia. Mengapakah kamu sanggup dipesongkan (dari kebenaran)?"(3)

Ni'mat Allah hanya menuntut manusia mengingatinya sahaja. Ni'mat-ni'mat itu cukup jelas dan terang. Mereka melihat ni'mat-ni'mat itu dengan mata kepala mereka, mereka merasakannya dan mereka menjamahnya, tetapi mereka lupa dan kerana itu mereka tidak mengingatinya.

Mereka dilingkungi langit dan bumi yang sentiasa mencurahkan ni'mat-ni'mat Allah dan rezeki-rezeki kepada mereka. Pada setiap langkah dan sa'at mereka dilimpahkan dengan kebajikan-kebajikan dan ni'mat-ni'mat Allah dari langit dan bumi. Ni'mat-ni'mat itu dikurniakan Allah Pencipta kepada seluruh makhluk-Nya. Manakah pencipta yang lain dari Allah yang mengurniakan kepada mereka segala rezeki yang melimpah-ruah di tangan mereka? Mereka tidak mampu menunjuk dan mendakwa walaupun mereka berada di dalam kepercayaan syirik dan kesesatan yang paling kasar. Oleh sebab itu, jika di sana tiada pencipta dan pemberi rezeki yang lain dari Allah, mengapa mereka tidak mengingati dan bersyukur kepada Allah? Mengapa mereka berpaling dari memuji, bertawajjuh dan memohon kepada Allah?

لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ

"Sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Dia."(3)

Bagaimana mereka dapat dipesongkan dari beriman dengan kepercayaan yang benar, yang tidak dapat diragu-ragukan ini? "Bagaimana mereka dapat dipesongkan?" Yakni sungguh aneh manusia sanggup berpaling dari kepercayaan yang benar, yang membuktikan kebenarannya kepada mereka dengan rezeki yang melimpah-ruah di tangan mereka. Sungguh hairan manusia sanggup berpaling dari memuji dan bersyukur kepada Allah, sedangkan mereka tidak dapat lari dari mengakui kepercayaan yang benar dan terang itu!

* * * * * *

Itulah pernyataan-pernyataan tiga ayat yang kuat dan mendalam dalam bahagian pertama surah ini, dan setiap ayat mengemukakan satu gambaran yang dapat membentuk manusia menjadi insan yang baru apabila hakikat gambaran yang mendalam itu tertanam dalam lubuk hatinya. Ketiga-tiga ayat itu merupakan ayat-ayat yang sepadu dan selaras di dalam berbagai-bagai arah tujuan.

(Kumpulan ayat-ayat 4 - 8)

وَإِن يُكَذِّبُوكَ فَقَدْ كُذِّبَتْ رُسُلٌ مِّن قَبْلِكَ ۚ وَإِلَى ٱللَّهِ تُرْجَعُ ٱلْأُمُورُ ﴿٤﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ ۖ فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَا يَغُرَّنَّكُم بِٱللَّهِ ٱلْغَرُورُ ﴿٥﴾

إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ لَكُمْ عَدُوٌّ فَٱتَّخِذُوهُ عَدُوًّا ۚ إِنَّمَا يَدْعُوا۟ حِزْبَهُۥ لِيَكُونُوا۟ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلسَّعِيرِ ﴿٦﴾

ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۖ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿٧﴾

أَفَمَن زُيِّنَ لَهُۥ سُوٓءُ عَمَلِهِۦ فَرَءَاهُ حَسَنًا ۖ فَإِنَّ ٱللَّهَ يُضِلُّ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ ۖ فَلَا تَذْهَبْ نَفْسُكَ عَلَيْهِمْ حَسَرَٰتٍ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٨﴾

"Dan jika mereka mendustakan engkau (Muhammad), maka para rasul sebelum engkau juga telah didustakan. Dan hanya kepada Allah dikembalikan segala urusan (4). Wahai manusia! Sesungguhnya janji Allah itu benar. Oleh kerana itu janganlah kamu ditipukan kehidupan dunia dan janganlah kamu ditipukan syaitan yang amat penipu itu terhadap Allah (5). Sesungguhnya syaitan itu musuh kamu. Oleh kerana itu jadikannya sebenar-benar musuh. Sesungguhnya dia menyeru kuncu-kuncunya supaya mereka menjadi penghuni-penghuni Neraka yang bernyala-nyala (6). Orang-orang yang kafir akan memperolehi 'azab yang amat berat, dan orang-

orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh akan mendapat pengampunan dan pahala yang amat besar (7). Apakah orang yang didandankan syaitan perbuatannya yang buruk lalu dia memandangnya sebagai perbuatan yang baik itu (sama dengan orang yang mendapat hidayat dari Allah)? Sesungguhnya Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Oleh kerana itu janganlah dirimu binasa kerana dukacita terhadap kesesatan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dibuat mereka."(8)

Bahagian pertama surah ini berakhir dengan tiga pernyataan yang pertama yang amat mendalam yang telah menjelaskan hakikat-hakikat agung yang mutlak iaitu hakikat wahdaniyah Allah Yang Maha Pencipta, hakikat ikhtisas Allah dengan urusan rahmat dan hakikat ketunggalan-Nya sebagai Pemberi rezeki.

Di dalam bahagian yang kedua ini pula Al-Qur'an mula-mula berbicara dengan Rasulullah s.a.w. untuk menghiburkan hatinya terhadap perbuatan kaum Musyrikin yang mendustakan beliau dan memulangkan segala perkara dan urusan kepada Allah, kemudian yang kedua ia berbicara dengan manusia umumnya dengan menjelaskan kepada mereka bahawa janji Allah itu tetap benar dan mengingatkan mereka tentang permainan syaitan yang mahu menipu mereka mengenai hakikat-hakikat yang agung itu dengan tujuan untuk membawa mereka ke Neraka, kerana, syaitan adalah musuh semulajadi mereka. Al-Qur'an juga menerangkan kepada mereka tentang balasan orang-orang yang beriman dan balasan orang-orang yang ditipu syaitan musuh ketat mereka. Pada akhirnya Al-Qur'an kembali berbicara dengan Rasulullah s.a.w. supaya beliau jangan menaruh perasaan sedih dan dukacita terhadap sikap orang-orang yang tidak beriman itu, kerana teraju hidayat dan kesesatan itu berada di tangan Allah dan Allah mengetahui segala apa yang dibuat oleh mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 6)

Jangan Terpengaruh Kepada Keni'matan Dunia Dan Tipudaya Syaitan

Al-Qur'an menujukan pembicaraannya kepada Rasulullah s.a.w.:

وَإِن يُكَذِّبُوكَ فَقَدْ كُذِّبَتْ رُسُلٌ مِّن قَبْلِكَ ۚ وَإِلَى ٱللَّهِ تُرْجَعُ ٱلْأُمُورُ ﴿٤﴾

"Dan jika mereka mendustakan engkau (Muhammad), maka para rasul sebelum engkau juga telah didustakan. Dan hanya kepada Allah dikembalikan segala urusan."(4)

Hakikat-hakikat agung itu amat jelas dan nyata dan andainya mereka mendustakan engkau, maka itu tidak mengapa kerana engkau bukannya baru di kalangan rasul-rasul:

فَقَدْ كُذِّبَتْ رُسُلٌ مِّن قَبْلِكَ ۚ

"Para rasul sebelum engkau juga telah didustakan."(4)

Serahkan sahaja perkara itu kepada Allah kerana kepada-Nyalah sahaja terpulang segala perkara dan urusan. Kerja-kerja tabligh dan perbuatan-perbuatan pendustaan hanya sarana-sarana dan sebab-sebab sahaja, sedangkan seluruh akibatnya terserah kepada Allah sahaja. Dialah mentadbir seluruhnya mengikut kehendak iradat-Nya.

Al-Qur'an menyeru manusia:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ ۖ فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَا يَغُرَّنَّكُم بِٱللَّهِ ٱلْغَرُورُ ﴿٥﴾

"Wahai manusia! Sesungguhnya janji Allah itu benar. Oleh kerana itu janganlah kamu ditipukan oleh kehidupan dunia, dan janganlah kamu ditipukan syaitan yang amat penipu itu terhadap Allah."(5)

Janji Allah adalah janji yang benar. Ia tetap akan datang tanpa sebarang keraguan lagi. Ia tetap akan berlaku tanpa sebarang kemungkiran. Ia tetap benar dan sesuatu yang benar itu tetap berlaku. Ia tidak akan hilang, tidak akan terbatal, tidak akan meleset dan menyeleweng, tetapi kehidupan dunia itu selalu mengeliru dan menipu:

فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا

"Oleh kerana itu janganlah kamu ditipukan oleh kehidupan dunia"(5)

tetapi syaitan sentiasa mengeliru dan menipu kamu. Oleh sebab itu janganlah kamu menyerahkan diri kamu kepadanya.

وَلَا يَغُرَّنَّكُم بِٱللَّهِ ٱلْغَرُورُ ﴿٥﴾

"Dan janganlah kamu ditipukan syaitan yang amat penipu itu terhadap Allah"(5)

kerana syaitan telah pun mengisytiharkan permusuhannya terhadap kamu dan keazamannya untuk terus berseteru dengan kamu.

فَٱتَّخِذُوهُ عَدُوًّا ۚ

"Oleh kerana itu jadikannya sebenar-benar musuh."(6)

Yakni janganlah kamu bermesra dengannya, janganlah kamu jadikannya penasihat dan janganlah kamu menurut jejak langkahnya, kerana musuh tidak akan menjadi pak turut kepada musuhnya, sedangkan dia masih siuman. Syaitan tidak akan menyeru kamu kepada sesuatu kebajikan dan kebaikan dan tidak akan membawa kamu kepada keselamatan:

إِنَّمَا يَدْعُوا۟ حِزْبَهُۥ لِيَكُونُوا۟ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلسَّعِيرِ ﴿٦﴾

"Sesungguhnya dia menyeru kuncu-kuncunya supaya mereka menjadi penghuni-penghuni Neraka yang bernyala-nyala."(6)

Ini adalah satu kenyataan yang benar-benar menyentuh hati nurani, kerana apabila seseorang itu dapat mengingatkan gambaran pertarungan yang abadi di antaranya dengan musuhnya syaitan, maka dia akan bersedia dengan segala kekuatan dan kesedarannya, juga bersedia dengan naluri pertahanan dirinya untuk menentang tipu daya dan godaan syaitan itu. Dia akan berwaspada dan mengawal segala pintu yang dapat dimasuki syaitan, ke dalam dirinya. Dia akan berhati-hati terhadap setiap bisikan di dalam jiwanya dan akan bertindak segera memeriksakan bisikan itu dengan menggunakan neraca Allah untuk mengetahui hakikatnya yang sebenar, kerana mungkin bisikan itu merupakan satu tipu daya yang lincin dan halus dari musuh lamanya syaitan.

Inilah kesedaran yang mahu ditanamkan oleh Al-Qur'an di dalam hati manusia, iaitu kesedaran berwaspada dan berhati-hati untuk menepiskan bisikan dan godaan syaitan sama seperti seseorang itu berwaspada terhadap setiap tindak-tanduk dan gerak-geri musuhnya yang sulit. Itulah langkah berjaga-jaga untuk menentang kejahatan dan punca-punca yang membawa kepada kejahatan, iaitu menentang segala bisikan syaitan yang halus di dalam jiwa dan menentang segala bentuk godaannya yang dapat dilihat dengan mata kasar. Itulah kesediaan dan persiapan untuk menempuh pertarungan dengan syaitan yang tidak pernah reda walau sesa'at pun dan tidak akan berhenti di bumi ini buat selama-lamanya.

Kemudian ayat berikut menguatkan pula persiapan dan keadaan berjaga-jaga ini dengan satu penerangan yang menjelaskan keadaan akibat yang menimpa orang-orang kafir yang menyahut seruan syaitan dan keadaan kesudahan orang-orang yang beriman yang menentang syaitan:

"Orang-orang yang kafir akan memperolehi 'azab yang amat berat, dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh akan mendapat pengampunan dan pahala yang amat besar."(7)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 8)

Kemudian kenyataan ini diulaskan dengan menggambarkan cara godaan dan hakikat kerja-kerja yang dilakukan syaitan, juga menerangkan pintu yang dimasuki syaitan membawa segala kejahatannya, dan dari pintu inilah bermulanya jalan kesesatan yang akan membuat sesiapa sahaja yang mengikutinya tidak dapat kembali lagi apabila dia melangkah begitu jauh:

أَفَمَن زُيِّنَ لَهُۥ سُوٓءُ عَمَلِهِۦ فَرَءَاهُ حَسَنٗاۖ

"Apakah orang yang didandankan syaitan perbuatannya yang buruk lalu dia memandangnya sebagai perbuatan yang baik itu?"(8)

Inilah kunci seluruh kejahatan, iaitu syaitan yang bertindak menghiaskan perbuatan keji seseorang itu dengan hiasan yang indah hingga perbuatan yang keji itu ternampak kepadanya sebagai perbuatan yang baik dan elok dan menjadikannya begitu bangga dengan dirinya dan dengan perbuatan itu sehingga dia tidak lagi mahu memeriksa dan menyemakkannya untuk melihat titik-titik kesalahan dan kelemahan, kerana dia benar-benar percaya bahawa dia tidak salah dan yakin bahawa dia selama-lamanya benar. Dia begitu tertarik dengan perbuatan-perbuatannya dan terpesona dengan dirinya sendiri hingga tidak pernah terlintas di dalam hatinya untuk memeriksa dirinya mengenai mana-mana perbuatannya, dan sudah tentu pula dia sendiri tidak sanggup andainya sesuatu, perbuatan yang telah dilakukannya atau sesuatu fikiran yang telah difikirkannya itu ditegur atau dikritik oleh seseorang yang lain, kerana perbuatan itu memang elok pada pandangan dan hematnya, tiada apa-apa cacat cela dan tiada apa-apa kekurangan yang dapat dikritik.

Inilah bala yang ditimpakan syaitan ke atas seorang manusia, dan inilah tali yang digunakan syaitan untuk menarik manusia kepada kesesatan dan seterusnya kepada kebinasaan.

Seseorang yang telah ditetapkan Allah mendapat hidayat dan kebajikan akan diletakkan di dalam hatinya kesedaran, kewaspadaan, sikap berhati-hati dan membuat perhitungan yang teliti, dia tidak pernah merasa aman dari ujian Allah, aman dari perubahan-perubahan hatinya, aman dari salah silap dan aman dari cacat cela dan lemah, malah dia sentiasa memeriksa perbuatan-perbuatannya, sentiasa memeriksa diri sendiri, sentiasa berwaspada terhadap godaan-godaan syaitan dan sentiasa mengharapkan pertolongan Allah.

Inilah persimpangan jalan di antara hidayat dan kesesatan dan di antara keselamatan dan kebinasaan.

Itulah hakikat jiwa yang amat halus dan mendalam yang digambarkan oleh Al-Qur'an di dalam beberapa patah perkataan sahaja:

أَفَمَن زُيِّنَ لَهُۥ سُوٓءُ عَمَلِهِۦ فَرَءَاهُ حَسَنٗاۖ

"Apakah orang yang didandankan syaitan perbuatannya yang buruk, lalu dia memandangnya sebagai perbuatan yang baik itu?"(8)

Itulah contoh manusia yang sesat yang menuju kepada kebinasaan. Seluruh kuncinya terletak pada tipu daya syaitan yang membuat seseorang itu memandang elok terhadap perbuatan-perbuatannya yang keji dan tertipu dengan kebaikan diri sendiri. Itulah tabir yang membutakan hati dan matanya hingga dia tidak dapat melihat bahaya-bahaya di tengah jalan dan tidak berusaha memperelokkan amalannya, kerana dia yakin kepada kebaikan

amalannya walaupun keji dan buruk. Dia tidak berusaha membetulkan kesalahannya kerana dia percaya bahawa dia tidak bersalah. Dia tidak berusaha memperbaiki kerosakan dirinya kerana dia yakin bahawa dirinya tidak pernah rosak. Dia tidak pernah berhenti pada mana-mana batas kerana dia mengira bahawa setiap langkahnya adalah betul dan baik belaka.

Inilah pintu kejahatan, jendela keburukan dan kunci kesesatan yang akhir ....

Al-Qur'an mengemukakan pertanyaan itu tanpa jawapan.

أَفَمَن زُيِّنَ لَهُۥ سُوٓءُ عَمَلِهِۦ فَرَءَاهُ حَسَنًا ۖ

"Apakah orang yang didandankan syaitan perbuatannya yang buruk lalu dia memandangnya sebagai perbuatan yang baik itu?"(8)

supaya pertanyaan itu dapat merangkumi segala jawapan seperti adakah orang yang didandankan syaitan perbuatannya yang buruk, lalu dia memandangnya sebagai perbuatan yang baik itu .... dapat diharap menjadi baik atau bertaubat .... atau sama dengan orang yang selalu memeriksa dirinya dan bermuraqabah dengan Allah .... atau sama dengan orang-orang yang tawadhuk dan bertaqwa? Dan sebagainya dari jawapan-jawapan yang sesuai dengan pertanyaan yang seperti ini. Ini adalah satu uslub yang sering digunakan di dalam Al-Qur'an.

Al-Qur'an menjawab pertanyaan ini dengan salah satu dari jawapan-jawapan ini dari jauh:

فَإِنَّ ٱللَّهَ يُضِلُّ مَن يَشَآءُ وَيَهْدِى مَن يَشَآءُ ۖ فَلَا تَذْهَبْ نَفْسُكَ عَلَيْهِمْ حَسَرَٰتٍ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Oleh kerana itu janganlah dirimu binasa kerana dukacita terhadap kesesatan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dibuat mereka."(8)

Seolah-olah ia menjawab: Orang yang seumpama ini adalah telah ditetapkan Allah akan berada di dalam kesesatan dan dia memang wajar mendapat kesesatan kerana dia tertipu dengan tipu daya syaitan yang menghiaskan amalan-amalannya yang buruk hingga dilihatnya baik dan elok dan kerana terbuka kepadanya pintu kejahatan yang tidak mungkin lagi kembali bagi sesiapa yang telah memasukinya.

Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya dan memberi hidayat kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya mengikut tabi'at kesesatan dan tabi'at hidayat itu masing-masing, iaitu tabi'at kesesatan mendorong seseorang memandang perbuatan yang jahat sebagai perbuatan yang baik dan tabi'at hidayat mendorongnya memeriksa diri sendiri, berwaspada, mengirakan salah silap diri sendiri dan bertaqwa kepada Allah. Itulah persimpangan jalan di antara hidayat dan kesesatan.

Jika demikian keadaan dan kedudukan perkara itu, maka:

فَلَا تَذْهَبْ نَفْسُكَ عَلَيْهِمْ حَسَرَٰتٍ ۚ

Janganlah dirimu binasa kerana dukacita terhadap kesesatan mereka.(8)

Sesungguhnya urusan hidayat dan kesesatan ini bukannya dari urusan manusia walaupun manusia itu Rasulullah s.a.w. sendiri, malah ia adalah urusan Allah sahaja. Seluruh hati manusia berada di celah dua jari dari jari-jari qudrat Allah. Dialah yang mengubahkan hati dan pandangan mereka. Allah S.W.T. menghiburkan Rasul-Nya dengan menjelaskan hakikat ini supaya hati beliau yang besar dan pengasih itu tenang tenteram tidak gelisah dan duka kerana melihat kesesatan kaumnya dan kerana mengenangkan nasib mereka yang malang akibat kesesatan itu, juga supaya beliau meninggalkan rasa kehalobaan yang berkobar-kobar di dalam hatinya agar kaumnya mendapat hidayat dan agar beliau dapat melihat kebenaran yang dibawa oleh beliau itu dikenali dan diakui di kalangan mereka. Ini adalah hasrat dan kehalobaan biasa manusia. Allah mahu melembutkan tekanan rasa kehalobaan ini di dalam hati beliau lalu diterangkan kepadanya bahawa urusan hidayat itu bukan urusan beliau, malah ia adalah urusan Allah.

Itulah keadaan atau kehalobaan yang dialami para penda'wah apabila mereka berda'wah dengan penuh keikhlasan dan benar-benar menginsafi nilai dan keindahan da'wah dan kebaikan-kebaikan yang dikandunginya, sedangkan orang ramai di waktu itu tidak menghiraukannya dan enggan menerimanya. Mereka tidak mahu melihat kebajikan dan keindahan yang terkandung di dalam da'wah itu. Mereka enggan meni'mati kebenaran dan kesempurnaan yang dibawa da'wah itu. Oleh itu adalah amat baik bagi para penda'wah memahami hakikat ini yang dengannya Allah hiburkan Rasul-Nya, agar mereka menyampaikan da'wah mereka dengan segala daya upaya mereka, kemudian mereka tidak merasa terkilan dan dukacita andainya ada orang-orang yang tidak dikehendaki Allah menjadi baik dan mencapai keberuntungan itu.

إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang dibuat mereka." (8)

Yakni Allah membahagikan hidayat atau kesesatan kepada mereka mengikut ilmu-Nya yang mengetahui hakikat tindak-tanduk dan perbuatan mereka. Allah mengetahui hakikat tindak-tanduk dan perbuatan itu sebelum ianya terbit dari mereka dan mengetahuinya

setelah ianya terbit dari mereka. Allah membahagikan hidayat dan kesesatan kepada mereka mengikut ilmu azali-Nya, tetapi Allah tidak mengambil salah terhadap perbuatan-perbuatan yang belum lagi terbit dari mereka melainkan apabila perbuatan itu telah terbit dari mereka.

* * * * * *

Dengan itu tamatlah bahagian yang kedua dari surah ini. Ia berhubung rapat dengan bahagian yang pertama dan selaras dengan ayat yang berikut:

(Kumpulan ayat-ayat 9 - 14)

وَٱللَّهُ ٱلَّذِيٓ أَرۡسَلَ ٱلرِّيَٰحَ فَتُثِيرُ سَحَابٗا فَسُقۡنَٰهُ إِلَىٰ بَلَدٖ
مَّيِّتٖ فَأَحۡيَيۡنَا بِهِ ٱلۡأَرۡضَ بَعۡدَ مَوۡتِهَاۚ كَذَٰلِكَ ٱلنُّشُورُ ﴿٩﴾
مَن كَانَ يُرِيدُ ٱلۡعِزَّةَ فَلِلَّهِ ٱلۡعِزَّةُ جَمِيعًاۚ إِلَيۡهِ يَصۡعَدُ ٱلۡكَلِمُ
ٱلطَّيِّبُ وَٱلۡعَمَلُ ٱلصَّٰلِحُ يَرۡفَعُهُۥۚ وَٱلَّذِينَ يَمۡكُرُونَ
ٱلسَّيِّـَٔاتِ لَهُمۡ عَذَابٞ شَدِيدٞۖ وَمَكۡرُ أُوْلَٰٓئِكَ هُوَ يَبُورُ ﴿١٠﴾
وَٱللَّهُ خَلَقَكُم مِّن تُرَابٖ ثُمَّ مِن نُّطۡفَةٖ ثُمَّ جَعَلَكُمۡ
أَزۡوَٰجٗاۚ وَمَا تَحۡمِلُ مِنۡ أُنثَىٰ وَلَا تَضَعُ إِلَّا بِعِلۡمِهِۦۚ
وَمَا يُعَمَّرُ مِن مُّعَمَّرٖ وَلَا يُنقَصُ مِنۡ عُمُرِهِۦٓ إِلَّا فِي كِتَٰبٍۚ
إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٞ ﴿١١﴾
وَمَا يَسۡتَوِي ٱلۡبَحۡرَانِ هَٰذَا عَذۡبٞ فُرَاتٞ سَآئِغٞ
شَرَابُهُۥ وَهَٰذَا مِلۡحٌ أُجَاجٞۖ وَمِن كُلّٖ تَأۡكُلُونَ لَحۡمٗا
طَرِيّٗا وَتَسۡتَخۡرِجُونَ حِلۡيَةٗ تَلۡبَسُونَهَاۖ وَتَرَى ٱلۡفُلۡكَ
فِيهِ مَوَاخِرَ لِتَبۡتَغُواْ مِن فَضۡلِهِۦ وَلَعَلَّكُمۡ تَشۡكُرُونَ ﴿١٢﴾
يُولِجُ ٱلَّيۡلَ فِي ٱلنَّهَارِ وَيُولِجُ ٱلنَّهَارَ فِي ٱلَّيۡلِ
وَسَخَّرَ ٱلشَّمۡسَ وَٱلۡقَمَرَۖ كُلّٞ يَجۡرِي لِأَجَلٖ
مُّسَمّٗىۚ ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمۡ لَهُ ٱلۡمُلۡكُۚ وَٱلَّذِينَ
تَدۡعُونَ مِن دُونِهِۦ مَا يَمۡلِكُونَ مِن قِطۡمِيرٍ ﴿١٣﴾
إِن تَدۡعُوهُمۡ لَا يَسۡمَعُواْ دُعَآءَكُمۡ وَلَوۡ سَمِعُواْ مَا
ٱسۡتَجَابُواْ لَكُمۡۖ وَيَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ يَكۡفُرُونَ بِشِرۡكِكُمۡۚ
وَلَا يُنَبِّئُكَ مِثۡلُ خَبِيرٖ ﴿١٤﴾

"Dan Allahlah yang melepaskan angin, lalu ia menggerakkan awan (yang membawa hujan) dan Kami membawakannya ke negeri yang mati (gersang), lalu Kami hidupkan bumi itu dengannya sesudah matinya, dan seperti itulah juga berlakunya kebangkitan manusia selepas mati (9). Barang siapa yang berkehendakkan kemuliaan, maka seluruh kemuliaan itu adalah milik Allah. Kepada-Nyalah naik segala madah yang baik dan Dialah yang mengangkatkan amalan yang soleh. Dan orang-orang yang merancangkan kejahatan-kejahatan akan mendapat 'azab yang amat berat, dan rancangan jahat mereka akan binasa (10). Dan Allah telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari nutfah, kemudian Dia jadikan kamu berpasang-pasangan. Dan tiada betina yang mengandung dan tiada betina yang melahirkan anak melainkan semuanya berlangsung dengan ilmu Allah. Dan tidak dipanjangkan umur seorang yang berumur panjang dan tidak dipendekkan umurnya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab. Sesungguhnya urusan itu amat mudah kepada Allah (11). Tiada sama rasa dua lautan; lautan ini tawar dan nyaman rasanya, sedangkan lautan ini pula masin pahit, dan dari setiap lautan itu kamu dapat makan daging yang segar dan mengeluarkan benda-benda perhiasan yang dapat kamu pakaikannya, juga kamu dapat melihat kapal-kapal yang berlayar membelah lautan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur (12). Dia memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam, dan Dia ciptakan matahari dan bulan dan masing-masing beredar hingga kepada satu masa yang telah ditentukan. Semuanya itu diciptakan Allah Tuhan kamu yang memiliki kerajaan (langit dan bumi), dan tuhan-tuhan palsu yang didakwakan kamu sebagai tuhan selain dari-Nya itu tidak memiliki sesuatu apa walaupun selaput biji kurma yang nipis (13). Jika kamu berdo'a kepada mereka, mereka tidak mendengar do'a kamu dan jika mereka mendengar, mereka tidak dapat memperkenankan permintaan kamu. Dan pada hari Qiamat nanti mereka akan menyangkal perbuatan syirik kamu. Dan tiada siapa yang dapat menyampaikan berita kepada kamu sebaik yang disampaikan Allah Yang Maha Pakar."(14)

Bahagian yang ketiga merupakan penjelajahan-perjelajahan yang berturut-turut di ruang alam buana, di mana Al-Qur'an mengemukakan bukti-bukti keimanan dengan menggunakan pemandangan-pemandangan yang ditayangkan itu sebagai dalil-dalil dan hujah-hujahnya.

Penjelajahan-penjelajahan yang berturut-turut ini diterangkan di dalam surah ini selepas membicarakan persoalan hidayat dan kesesatan, juga selepas menghiburkan Rasulullah s.a.w. (kerana kesulitannya) menghadapi orang-orang yang menolak da'wahnya dan menyerahkan perkara-perkara ini kepada Allah yang mengetahui segala apa yang dibuat mereka... oleh itu barang siapa yang ingin beriman, maka inilah dalil-dalil keimanan yang telah dibentangkan dengan jelas di merata pelusuk alam buana, di mana tidak terdapat sebarang ketidakjelasan dan kesamaran, dan barang siapa yang ingin memilih kesesatan bererti dia telah memilih kesesatan itu dengan terang dan berdepan dengan dalil-dalil yang ada di sekelilingnya.

Pemandangan tumbuhan-tumbuhan yang hidup subur selepas tanah-tanah di situ mati dan kering kontang merupakan satu dalil keimanan di samping

menjadi dalil kebangkitan selepas mati. Penciptaan manusia dari tanah kemudian berkembang menjadi makhluk insan yang tinggi ini merupakan satu dalil yang lain pula. Setiap peringkat kejadian dan perkembangan hidup insan itu adalah berlangsung mengikut perencanaan Ilahi yang tercatat di dalam kitab yang amat nyata.

Pemandangan dua lautan yang berbeza rasa itu juga merupakan satu dalil dan di dalam kedua-dua lautan itu terdapat pula berbagai-bagai ni'mat yang dikurniakan kepada manusia yang wajar disyukuri dan dikenangkan mereka.

Pemandangan malam dan siang yang saling memasuki satu sama lain, memanjang dan memendek merupakan satu dalil yang lain pula. Kedua-dua gejala siang dan malam itu merupakan dalil wujudnya perencanaan dan pentadbiran Ilahi yang rapi. Begitu juga pemandangan matahari dan bulan kedua-duanya adalah diciptakan dengan peraturan yang amat rapi dan menakjubkan.

Semuanya ini merupakan hujah-hujah dan dalil-dalil yang ditayangkan di ruang alam buana yang amat luas dan lebar. Allahlah Tuhan yang mencipta dan memiliki semuanya itu, sedangkan sembahan-sembahan lain yang di dakwa manusia sebagai tuhan selain dari Allah itu tidak memiliki sesuatu apa walaupun selaput biji kurma yang nipis, dan mereka juga tidak dapat mendengar dan memperkenankan permintaan manusia dan pada hari Qiamat kelak mereka berlepas tangan dari perbuatan orang-orang yang sesat yang menyembah mereka. Apakah yang ada lagi selepas kebenaran selain dari kesesatan?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 9)

وَٱللَّهُ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ ٱلرِّيَٰحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَسُقْنَٰهُ إِلَىٰ بَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَحْيَيْنَا بِهِ ٱلْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا ۚ كَذَٰلِكَ ٱلنُّشُورُ ﴿٩﴾

"Dan Allahlah yang melepaskan angin, lalu ia menggerakkan awan (yang membawa hujan) dan Kami membawakannya ke negeri yang mati (gersang), lalu Kami hidupkan bumi itu dengannya sesudah matinya, dan seperti itulah juga berlakunya kebangkitan manusia selepas mati."(9)

Angin-angin Yang Menggerakkan Awan-awan Yang Membawa Hujan

Pemandangan-pemandangan ini mempamerkan dalil-dalil keimanan yang terbentang di alam buana yang disebut di dalam Al-Qur'an iaitu pemandangan angin yang menggerakkan awan dari laut-lautan. Angin-angin yang panas menggerakkan wap-wap dan angin yang sejuk pula mengumpulkan wap-wap itu hingga menjadi awan, kemudian awan-awan itu dibawa Allah dengan arus-arus angin yang ada di berbagai-bagai lapis udara. Awan-awan itu berarak ke kanan dan ke kiri ke tempat-tempat yang dikehendaki Allah mengikut arus angin yang menggerakkannya sehingga sampailah ke kawasan bumi yang gersang yang telah ditetapkan di dalam ilmu Allah bahawa ia akan tumbuh subur dengan air hujan yang dibawa oleh awan itu, kerana airlah punca hidupnya segala sesuatu di bumi ini:

فَأَحْيَيْنَا بِهِ ٱلْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا ۚ

"Lalu Kami hidupkan bumi itu dengannya sesudah matinya."(9)

Yakni dengan air hujan itu berlakulah mu'jizat hayat yang terjadi di setiap sa'at tanpa disedari manusia. Walaupun mu'jizat hayat itu berlaku di setiap sa'at, namun mereka masih menganggapkan persoalan hidup selepas mati di Akhirat itu sebagai perkara yang mustahil berlaku, sedangkan kisah hayat tumbuh-tumbuhan itu berlaku di hadapan mereka di dunia:

كَذَٰلِكَ ٱلنُّشُورُ ﴿٩﴾

"Seperti itulah juga kebangkitan manusia selepas mati."(9)

Hujah ini dikemukakan dengan cara mudah tanpa berbelit-belit dan tanpa perdebatan yang jauh.

Al-Qur'an menayangkan pemandangan yang mempamerkan dalil-dalil keimanan yang terbentang di alam buana kerana dalil-dalil ini merupakan dalil-dalil yang realistik yang dapat ditangkap pancaindera dan tidak dapat disangkal oleh sesiapa. Pada satu segi yang lain pula, dalil-dalil itu benar-benar dapat menginsafkan hati apabila seseorang itu memahaminya dengan penuh kesedaran. Ia benar-benar menyentuh perasaan dan memberi ilham apabila dia merenunginya dengan mendalam. Pemandangan itu sungguh indah dan menarik terutama di kawasan padang pasir yang dilalui oleh seseorang pada hari ini yang kelihatan gersang dan tandus dari tumbuh-tumbuhan, tetapi apabila ia melaluinya pada hari esok tiba-tiba dia dapati kawasan itu telah berubah subur menghijau hasil dari kesan-kesan siraman air itu. Al-Qur'an mengambil dalil-dalil yang memberi keinsafan itu dari kejadian-kejadian yang biasa dilihat manusia tetapi diabai dan tidak diperhatikan mereka, sedangkan kejadian-kejadian itu mengandungi bukti-bukti yang menakjubkan apabila difikir dan dimenungkan dengan teliti.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 10)

Dari pemandangan hayat yang subur di tanah gersang, Al-Qur'an berpindah pula kepada konsep yang ada hubungan dengan kehendak perasaan dan jiwa manusia iaitu konsep kemuliaan, ketinggian, kedudukan yang teguh dan kekuasaan. Al-Qur'an hubungkan konsep ini dengan madah-madah yang baik yang naik kepada Allah dan amalan yang soleh yang diangkatkan Allah. Di samping itu Al-Qur'an menunjukkan pula lembaran sebaliknya iaitu lembaran perancangan yang jahat yang berakhir dengan kebinasaan dan kegagalan.

Seluruh Kemuliaan Milik Allah

مَن كَانَ يُرِيدُ ٱلْعِزَّةَ فَلِلَّهِ ٱلْعِزَّةُ جَمِيعًا ۚ إِلَيْهِ يَصْعَدُ ٱلْكَلِمُ ٱلطَّيِّبُ وَٱلْعَمَلُ ٱلصَّٰلِحُ يَرْفَعُهُۥ ۚ وَٱلَّذِينَ يَمْكُرُونَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۖ وَمَكْرُ أُو۟لَٰٓئِكَ هُوَ يَبُورُ ﴿١٠﴾

"Barang siapa yang berkehendakkan kemuliaan, maka seluruh kemuliaan itu adalah milik Allah. Kepada-Nyalah naik segala madah yang baik dan Dialah yang mengangkatkan amalan yang soleh. Dan orang-orang yang merancangkan kejahatan-kejahatan akan mendapat 'azab yang amat berat, dan rancangan jahat mereka akan binasa."(10)

Mungkin sifat yang menjadi pengikat yang menghubungkan di antara hayat yang subur di bumi gersang dengan madah yang baik dan amalan yang soleh ialah hayat yang baik yang ada pada keduanya, juga hubungan yang wujud di antara keduanya di dalam tabi'at alam dan hayat, iaitu hubungan yang telah disebut di dalam Surah Ibrahim:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ ٱللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِى ٱلسَّمَآءِ ﴿٢٤﴾ تُؤْتِىٓ أُكُلَهَا كُلَّ حِينٍۭ بِإِذْنِ رَبِّهَا ۗ وَيَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٥﴾ وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ ٱجْتُثَّتْ مِن فَوْقِ ٱلْأَرْضِ مَا لَهَا مِن قَرَارٍ ﴿٢٦﴾

"Tidakkah engkau fikir bagaimana Allah membuat perumpamaan iaitu madah yang baik itu laksana pokok yang baik, akarnya teguh dan dahannya (menjulang) ke langit? Ia menghasilkan buah setiap waktu dengan izin Tuhannya. Dan Allah membuat berbagai-bagai perumpamaan kepada manusia supaya mereka mengambil pengajaran darinya. Dan bandingan madah yang keji adalah laksana pokok yang buruk yang telah dipotong akarnya dari permukaan bumi yang tidak mempunyai apa-apa keteguhan lagi."

(Surah Ibrahim: 24-26)

Di sini terdapat sifat keserupaan yang hakiki di antara tabi'at madah yang baik dengan tabi'at pokok yang baik, yang hidup dan subur. Madah yang baik itu subur, berdahan dan berbuah sama seperti pokok yang baik, ia subur, berdahan dan berbuah.

Tujuan kaum Musyrikin berpegang kukuh dengan kepercayaan syirik mereka ialah untuk mengekalkan kedudukan keagamaan mereka di Makkah, iaitu kedudukan yang menjadi asas yang membolehkan suku Quraysy menjadi ketua kepada suku-suku yang lain dengan pengaruh 'aqidah, di samping membolehkannya mendapat berbagai-bagai keuntungan terutama kedudukan yang mulia dan kukuh hingga mereka pernah berkata:

إِن نَّتَّبِعِ ٱلْهُدَىٰ مَعَكَ نُتَخَطَّفْ مِنْ أَرْضِنَآ ۚ

"Jika kami mengikut hidayat bersama kamu, nescaya kami akan diusir dari negeri kami."

(Surah al-Qasas: 57)

Lalu Allah menjawab kepada mereka:

مَن كَانَ يُرِيدُ ٱلْعِزَّةَ فَلِلَّهِ ٱلْعِزَّةُ جَمِيعًا ۚ

"Barang siapa yang berkehendakkan kemuliaan, maka seluruh kemuliaan itu adalah milik Allah."(10)

Apabila hakikat ini tertanam kukuh di dalam hati, ia akan menukarkan semua ukuran dan pertimbangan seseorang dan akan mengubahkan segala sarana dan segala rancangannya.

Seluruh kemuliaan itu adalah milik Allah. Tiada sedikit pun dimiliki oleh yang lain dari Allah. Oleh itu barang siapa yang mahukan kemuliaan, maka hendaklah dia mencari dari sumbernya yang sebenar iaitu mencari pada Allah. Di sanalah dia akan mencapai kemuliaan yang dicarinya dan dia tidak akan menemuinya pada orang lain, tidak pula pada mana-mana naungan yang lain dan tidak juga dengan mana-mana sebab yang lain kerana:

فَلِلَّهِ ٱلْعِزَّةُ جَمِيعًا ۚ

"Seluruh kemuliaan itu adalah milik Allah."(10)

Sesungguhnya qabilah-qabilah Arab yang mendorong kaum Quraysy mencari kemuliaan di sisi mereka dengan 'aqidah paganisme yang karut dan lemah itu dan takut mengikut hidayat yang diakui mereka kerana bimbang kedudukan mereka akan tergugat, sebenarnya mereka bukanlah punca kemuliaan, malah qabilah-qabilah itu tidak berkuasa memberi atau menahankan kemuliaan itu, kerana:

فَلِلَّهِ ٱلْعِزَّةُ جَمِيعًا ۚ

"Seluruh kemuliaan itu adalah milik Allah."(10)

Andainya qabilah-qabilah itu mempunyai kekuatan dan kekuasaan, maka sumber perdananya ialah Allah. Andainya mereka mempunyai kedudukan yang teguh, maka yang mengurniakannya ialah Allah. Jadi sesiapa yang inginkan kemuliaan dan kedudukan yang teguh, maka hendaklah dia pergi kepada sumber perdananya bukan pergi kepada pihak yang mengambil kemuliaan dari sumber perdana ini. Hendaklah dia mengambil kemuliaan itu dari sumber asal yang memiliki seluruh kemuliaan, dan janganlah dia pergi mencarinya dari sisa-sisa dan lebihan-lebihan manusia kerana mereka juga pencari-pencari yang lemah.

Itulah satu hakikat asasi dari hakikat-hakikat 'aqidah Islam, iaitu satu hakikat yang cukup untuk mengubahkan nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan, menukarkan keputusan dan penilaian, mengubahkan jalan dan tatalaku dan mengubahkan sarana-sarana dan punca-punca. Apabila hakikat ini tertanam di dalam hati, maka dengan hakikat ini

sahaja dia dapat berdiri di hadapan dunia sebagai seorang yang mulia, mempunyai kedudukan yang teguh dan sebagai seorang yang tahu di mana jalan kemuliaan iaitu satu jalan yang tunggal, yang tiada jalan lain selain darinya.

Dia tidak akan tundukkan kepalanya kepada mana-mana makhluk yang angkuh, kepada ribut yang kencang, kepada peristiwa yang besar kepada mana-mana undang-undang dan pemerintahan, kepada mana-mana kerajaan dan kepentingan, malah kepada mana-mana kuasa yang wujud di bumi ini kerana apakah perlunya dia berbuat begitu? Sedangkan seluruh kemuliaan itu adalah milik Allah dan tiada siapa yang dapat memiliki kemuliaan itu melainkan dengan keredhaan Allah?

Dari sini Al-Qur'an menyebut tentang madah yang baik dan amalan yang soleh:

إِلَيۡهِ يَصۡعَدُ ٱلۡكَلِمُ ٱلطَّيِّبُ وَٱلۡعَمَلُ ٱلصَّٰلِحُ يَرۡفَعُهُۥۚ

"Kepada-Nyalah naik segala madah yang baik dan Dialah yang mengangkatkan amalan yang soleh."(10)

Ulasan ini adalah dibuat secara langsung selepas menyebut hakikat yang agung ini. Ia mempunyai tujuan dan saranannya. Ia menunjukkan punca-punca dan sarana-sarana kepada mereka yang mahu mencari kemuliaan di sisi Allah, iaitu madah yang baik dan amalan yang soleh, madah yang baik yang naik kepada Allah dan amalan yang soleh yang diangkat dan dimuliakan oleh Allah. Oleh sebab itu orang yang menuturkan madah-madah yang baik dan mengerjakan amalan yang soleh itu dikurniakan kemuliaan dan darjat yang tinggi.

Hakikat Kemuliaan

Kemuliaan sejati merupakan satu hakikat yang tertanam di dalam hati seseorang sebelum ia menjelma menjadi gejala di dalam dunia manusia. Dengan hakikat yang tertanam di dalam hati inilah dia bertindak mengatasi segala punca kehinaan dan enggan tunduk kepada yang lain dari Allah. Dengan hakikat inilah dia bertindak mengatasi dan menguasai keinginan-keinginan nafsunya yang membawa kepada kehinaan, mengatasi ketakutan-ketakutan dan kehalobaan-kehalobaannya mengharapkan sesuatu dari manusia dan sesuatu dari yang bukan manusia. Apabila dia berjaya mengatasi semuanya ini, maka tiada seorang pun yang dapat menghina dan menundukkannya, kerana yang selalu menghina dan menjatuhkan manusia itu ialah nafsu-nafsu keinginan, ketakutan-ketakutan dan ketamak-ketamakan mereka. Apabila seseorang dapat mengawal dan menguasainya bererti dia dapat menguasai segala kedudukan, segala benda dan sekalian manusia. itulah kemuliaan hakiki yang mempunyai kekuatan kedudukan yang tinggi dan kekuasaan.

Kemuliaan bukannya suatu kedegilan yang liar dan angkuh terhadap kebenaran dan berbangga dengan kebatilan. Kemuliaan bukannya suatu kezaliman dan keterlaluan yang jahat, yang memukul dan membelasahkan orang lain dengan kejam, sewenang-wenang dan degil. Kemuliaan bukannya sikap terburu-buru yang tunduk kepada hawa nafsu dan keinginan. Kemuliaan bukannya kekuatan yang membabi buta yang menyerang tanpa kebenaran, tanpa keadilan dan tanpa maksud yang baik. Tidak sekali-kali begitu! Malah kemuliaan itu ialah kebolehan menundukkan nafsu keinginan, mengatasi ikatan dan kehinaan, mengatasi perasaan rendah diri kepada yang lain dari Allah. Kemuliaan itu ialah khudhu', khusyu', takut dan taqwa kepada Allah, juga bermurakabah dengan Allah sama ada di waktu senang atau di waktu susah. Dari sikap khudhuk kepada Allah manusia dapat mengangkatkan kepalanya, dan dari sifat takut kepada Allah dia dapat menahankan dirinya dari segala sesuatu yang tidak diingini Allah, dan dari murakabah dengan Allah dia tidak menghendaki sesuatu yang lain, kecuali keredhaan Allah.

Inilah tempat madah yang baik dan amalan yang soleh apabila memperkatakan tentang kemuliaan, dan inilah hubungan di antara makna madah yang baik dan amalan yang soleh dengan makna kemuliaan yang disebut di dalam ayat tadi. Kemudiaan ayat ini ditamatkan dengan kisah golongan sebaliknya:

وَٱلَّذِينَ يَمۡكُرُونَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ لَهُمۡ عَذَابٞ شَدِيدٞۖ وَمَكۡرُ أُوْلَٰٓئِكَ هُوَ يَبُورُ ١٠

"Dan orang-orang yang merancangkan kejahatan-kejahatan akan mendapat 'azab yang amat berat, dan rancangan jahat mereka akan binasa."(10)

Kata-kata "يمكرون" mengandungi makna membuat rancangan dan biasanya digunakan bagi rancangan yang jahat. Orang-orang yang membuat rancangan yang jahat akan mendapat 'azab yang amat berat di samping rancangan itu akan binasa. Ia tidak dapat hidup subur dan mengeluarkan buah. Pengertian ini diselaraskan dengan pengertian kesuburan bumi yang dapat mengeluarkan buah di dalam ayat yang silam.

Orang-orang yang merancang langkah-langkah yang keji itu adalah bertujuan untuk mendapat kemuliaan dan kuasa yahg palsu, dan pada lahirnya sahaja mereka kelihatan mempunyai kedudukan yang tinggi, mulia dan kuat, tetapi yang sampai kepada Allah dan yang diangkat tinggi oleh Allah ialah madah yang baik dan amalan yang soleh. Hanya dengan kedua-dua sarana ini sahaja dapat dicapaikan kemuliaan dalam erti katanya yang sempurna. Perancangan-perancangan yang jahat sama ada berupa kata-kata atau amalan-amalan bukanlah sarana yang menyampaikan kepada kemuliaan. Walaupun kadang-kadang kuasa yang zalim itu dapat mencapai kejayaan dengan perancangan-perancangan yang jahat, namun kejayaan itu akan

berakhir dengan kebinasaan dan 'azab yang amat pedih. Itulah janji Allah yang tidak pernah mungkir walaupun Dia menangguhkan balasan terhadap perancang-perancang yang jahat itu hingga ke satu masa yang tertentu yang telah ditetapkan dalam pentadbiran-Nya.

* * * * * *

(Pentafsīran ayat 11)

Kemudian ditayangkan pula pemandangan peringkat pertama pertumbuhan kejadian manusia setelah memperkatakan pertumbuhan seluruh kejadian yang hidup dengan perantaraan air. Di sini Al-Qur'an menyebut perkara-perkara yang sesuai dengan pertumbuhan itu seperti kandungan dalam perut dan penentuan umur yang panjang dan pendek. Semuanya tersimpan di dalam ilmu Allah yang tersembunyi.

Perpindahan Kejadian Manusia Dari Tanah Kepada Nutfah

وَاللَّهُ خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ جَعَلَكُمْ أَزْوَاجًا ۚ وَمَا تَحْمِلُ مِنْ أُنثَىٰ وَلَا تَضَعُ إِلَّا بِعِلْمِهِ ۚ وَمَا يُعَمَّرُ مِن مُّعَمَّرٍ وَلَا يُنقَصُ مِنْ عُمُرِهِ إِلَّا فِي كِتَابٍ ۚ إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿١١﴾

"Dan Allah telah menciptakan kamu dari tanah kemudian dari nutfah kemudian Dia jadikan kamu berpasang-pasangan. Dan tiada betina yang mengandung dan tiada betina yang melahirkan anak melainkan semuanya berlangsung dengan ilmu Allah. Dan tidak dipanjangkan umur seorang yang berumur panjang dan tidak dipendekkan umurnya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab. Sesungguhnya urusan itu amat mudah kepada Allah."(11)

Isyarat mengenai kelahiran kejadian manusia dari tanah itu sering kali disebut di dalam Al-Qur'an. Begitu juga isyarat mengenai peringkat pertama mengandung iaitu peringkat nutfah. Tanah merupakan unsur yang tidak mempunyai hayat, sedangkan nutfah pula merupakan unsur yang mempunyai hayat. Mu'jizat pertama di sini ialah mu'jizat hayat yang tidak diketahui dari mana ia datang dan bagaimana ia bercantum dengan unsur yang pertama itu? Hakikat ini masih menjadi rahsia yang tertutup kepada manusia. Ia merupakan hakikat yang wujud tersergam yang pasti dihadapi dan diakui. Ia memberi bukti di atas kewujudan Allah Pencipta dan Penghidup Yang Maha Kuasa yang tidak dapat ditolak dan disangkal.

Perpindahan dari makhluk yang tidak hidup kepada makhluk yang hidup adalah satu perpindahan yang amat jauh. Ia lebih jauh dari segala jarak jauh zaman dan tempat. Kerja memerhatikan perpindahan ini tidak bersut dan tidak membosankan hati yang hidup yang sentiasa memikirkan rahsia-rahsia alam buana yang amat menakjubkan ini. Setiap rahsianya lebih besar dan lebih menarik dari rahsianya yang lain.

Selepas itu berlakulah pula perpindahan dari nutfah dalam peringkat sel yang tunggal kepada perkembangan menjadi lembaga janin yang sempurna iaitu ketika janin lelaki dapat dibezakan dari janin perempuan sebagaimana yang digambarkan oleh Al-Qur'an di dalam firman-Nya:

ثُمَّ جَعَلَكُمْ أَزْوَاجًا ۚ

"Kemudian Dia jadikan kamu berpasang-pasangan."(11)

Yakni Allah jadikan kamu lelaki dan perempuan ketika kamu dalam peringkat janin, dan menjadikan kamu berpasang-pasangan selepas kamu dilahirkan ke dunia dan berkahwin. Perpindahan dari peringkat nutfah kepada peringkat perkembangan dua jenis manusia yang berlainan itu adalah satu perpindahan yang jauh juga. Di manakah sel tunggal yang kecil dalam nutfah itu dibandingkan dengan lembaga manusia yang tersusun dari berbagai-bagai sel yang rumit dan rencam, di samping berbagai-bagai alat dengan bermacam-macam fungsinya? Di manakah sel yang tidak dikenali sifat-sifatnya itu dibandingkan dengan lembaga manusia yang penuh dengan berbagai-bagai sifat dan ciri-ciri yang jelas?

Mengikuti perkembangan sel yang bersahaja ini ketika ia berubah, berbelah bagi (mutasi) dan membiak subur kepada berbagai-bagai kumpulan sel, setiap kumpulan sel itu bekerja untuk membentuk satu anggota yang tertentu yang mempunyai fungsi dan tabi'at yang tertentu, kemudian bagaimana anggota-anggota itu bekerjasama satu sama lain dengan selaras dan serasi untuk membentuk seorang insan dengan bentuk yang sedemikian menarik, iaitu satu insan yang berbeza dari insan-insan yang lain yang sejenis dengannya walaupun insan yang paling hampir kepadanya. Tiada dua insan yang serupa walaupun mereka semua berasal dari satu nutfah yang tidak dapat dibeza-bezakan, kemudian.... mengikuti proses perkembangan sel-sel ini hingga menjadi pasangan-pasangan suami isteri yang mampu mengulangkan kelahiran insan yang baru dengan nutfah-nutfah yang baru, yang berkembang melalui peringkat-peringkat perkembangan yang sama tanpa menyeleweng...... semuanya itu merupakan perkembangan-perkembangan yang amat menakjubkan dan keta'jubannya tak kunjung habis. Oleh sebab itulah Al-Qur'an seringkali menyebut kisah mu'jizat nutfah yang tidak diketahui rahsianya itu, juga kisah mu'jizat perkembangan-perkembangan nutfah yang tidak diketahui rahsianya spaya hati manusia sentiasa sibuk memikirkannya dan supaya jiwa mereka sentiasa jaga dan sedar apabila mendengar nada pernyataan ayat Al-Qur'an yang berulang-ulang itu.

Di samping menyebut kisah nutfah di sini, Al-Qur'an menayangkan pula satu gambaran global dari gambaran-gambaran ilmu Allah yang meliputi seluruh alam buana seperti gambaran-gambaran yang

ditayangkan di dalam Surah Saba, iaitu gambaran ilmu Allah yang mengetahui setiap kandungan yang dikandungi rahim setiap betina di seluruh pelusuk bumi ini:

وَمَا تَحْمِلُ مِنْ أُنثَىٰ وَلَا تَضَعُ إِلَّا بِعِلْمِهِۦ ۚ

"Dan tiada betina yang mengandung dan tiada betina yang melahirkan anak melainkan semuanya berlangsung dengan ilmu Allah."(11)

Nas ini merangkumi semua jenis betina dari betina-betina manusia kepada betina-betina haiwan, unggas, ikan, reptilia dan serangga dan sebagainya dari makhluk-makhluk yang kita tahu dan makhluk-makhluk yang kita tidak tahu. Semua makhluk ini mengandung dan melahirkan anak walaupun dalam bentuk telur, kerana telur juga merupakan sejenis mengandung. Ia merupakan janin yang belum sempurna kesuburannya di dalam badan ibunya kemudian lahir sebagai telur lalu menyambung proses kesuburannya di luar badan ibunya dengan pengeramannya sendiri atau dengan pengeraman tiruan supaya ia subur menjadi janin yang sempurna kemudian menetas dan menyambung proses kesuburannya yang biasa.

Ilmu Allah mengetahui setiap kandungan dan setiap kelahiran di alam yang amat luas ini.

Cara penggambaran ilmu Allah yang mutlak dengan gambaran yang seperti ini bukanlah dari tabi'at pemikirannya manusia, kerana pemikiran manusia, tidak dapat menggambar dengan mengungkapkan ilmu Allah seperti itu sebagaimana kami telah terangkan di dalam Surah Saba. Oleh itu gambaran ini sendiri membuktikan bahawa Al-Qur'an ini adalah diturunkan Allah. Inilah salah satu tanda yang menunjukkan sumber Al-Qur'an ini ialah Allah S.W.T. Yang Maha Esa.

Gambaran ini samalah dengan gambaran umur di dalam ayat yang berikut:

Hakikat Ajal

وَمَا يُعَمَّرُ مِن مُّعَمَّرٍ وَلَا يُنقَصُ مِنْ عُمُرِهِۦٓ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ ۚ

إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٌ ﴿١١﴾

"Dan tidak dipanjangkan umur seorang yang berumur panjang dan tidak dipendekkan umurnya melainkan semuanya tertulis di dalam kitab. Sesungguhnya urusan itu amat mudah kepada Allah."(11)

Apabila daya khayal manusia terus memikir dan memerhati segala makhluk hidup di alam ini seperti pokok, unggas, haiwan, insan dan lain-lain makhluk yang berbagai-bagai bentuk rupa, berbagai jenis dan bangsa, di berbagai-bagai tempat dan zaman, kemudian ia memikirkan pula bahawa setiap individu dari individu-individu makhluk-makhluk yang tidak terkira banyaknya - dan tidak diketahui bilangannya melainkan Allah - adalah masing-masing telah ditentukan umurnya. Yang dipanjangkan umurnya panjanglah masa hidupnya, dan yang dipendekkan umurnya pendeklah masa hidupnya. Masing-masing mengikut ketetapan yang telah ditetapkan Allah dan mengikut ilmu-Nya yang mengikuti setiap individu itu sama ada dia dipanjang atau dipendekkan umurnya.

Malah ilmu Allah meliputi segala Juzu' setiap individu itu sendiri sama ada yang dipanjang atau dipendekkan umurnya. Misalnya daun pokok apabila dipanjangkan umurnya (ia tahan lama) atau dipendekkan umurnya ia pun layu atau gugur dalam masa yang pendek. Bulu burung yang dipanjangkan umurnya akan tahan lama atau diterbangkan angin apabila dipendekkan umur. Tanduk binatang ini pula boleh tahan lama atau patah di dalam pertarungan. Begitu juga keadaan mata manusia dan rambutnya boleh tahan lama atau gugur mengikut taqdir yang telah ditentukan Allah.

"Semuanya tertulis di dalam kitab"(11)

Iaitu kitab yang menggambarkan ilmu Allah yang amat meliputi dan amat halus. Penentuan umur itu tidak membebankan Allah sedikit pun:

"Sesungguhnya urusan itu amat mudah kepada Allah."(11)

Apabila daya khayal manusia memikir dan memerhatikan semuanya ini dan merenungkan hikmat di sebaliknya tentulah dia akan dapati penentuan umur itu amat menakjubkan. Gambaran penentuan umur yang seperti ini adalah menjurus kepada satu hakikat yang tidak pernah difikir oleh pemikiran manusia. Ia menggambarkan hakikat ini dengan gambaran di luar kebiasaan manusia, malah gambaran penentuan umur ini merupakan bimbingan istimewa Ilahi untuk menunjukkan hakikat yang amat menakjubkan ini.

Pemanjangan umur itu berlaku dengan ajal yang panjang atau dengan bilangan tahun yang banyak, atau berlaku dengan adanya keberkatan pada usia seseorang atau dengan adanya taufiq dari Allah yang mendorongkan seseorang menghabiskan umurnya dengan usaha-usaha yang mendatangkan hasil yang baik atau memenuhkan masa hidupnya dengan perasaan-perasaan, kegiatan-kegiatan, amalan-amalan dan jasa-jasa yang baik. Demikianlah juga pemendekan umur. Ia berlaku dengan bilangan tahun-tahun hidup yang pendek atau dengan pencabutan keberkatan dari hidup seseorang, di mana ia menghabiskan umurnya dalam permainan, hiburan, kegiatan yang sia-sia, kemalasan dan kekosongan.

Banyak sekali masa satu jam yang dipenuhi dengan pemikiran-pemikiran dan perasaan-perasaan yang baik atau dipenuhi dengan kerja-kerja dan jasa-jasa

itu menyamai umur hidup yang panjang. Banyak sekali setahun hidup yang berlalu kosong tanpa sebarang nilai dalam neraca hidup dan tanpa sebarang harga di sisi Allah.

Semua umur itu tercatat dalam kitab Ilahi, iaitu umur seluruh makhluk alam ini yang tiada sesiapa mengetahui bilangannya kecuali Allah.

Kelompok-kelompok manusia sama seperti individu-individu. Umat-umat manusia sama dengan individu-individu. Semuanya ditentukan umur masing-masing sama ada panjang atau pendek kerana nas Al-Qur'an merangkumi seluruh mereka.

Malah benda-benda juga sama seperti makhluk-makhluk yang bernyawa. Kini terlintas dalam fikiran saya batu dan gua yang panjang umur, juga sungai yang panjang umur. Batu yang sampai ajalnya atau pendek umurnya menjadi hancur reput. Sungai yang sampai ajalnya atau pendek umurnya menjadi kering dan hilang.

Benda-benda yang dibuat oleh tangan manusia juga mempunyai umurnya. Ada bangunan yang panjang atau pendek umurnya. Ada alat yang panjang ajalnya dan ada pula yang pendek ajalnya. Ada baju yang panjang usianya dan ada pula yang pendek. Seluruh umur itu tertulis di dalam kitab Allah sama seperti umur-umur manusia.

Seluruhnya dari urusan Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar.

Pemikiran yang seperti ini boleh menyedarkan hati dan menggerakkannya untuk memerhatikan alam ini dengan hati dan perasaan yang baru dan dengan gaya dan cara yang baru. Hati yang menginsafi adanya tangan qudrat dan penglihatan Ilahi yang menguasai dan mengawasi segala sesuatu itu dengan peraturan yang sehalus ini tentulah sukar kepadanya untuk melupa atau mengabaikannya atau menjadi sesat, kerana ke mana sahaja dia menoleh dia bersua dengan tangan qudrat Allah, dengan penglihatan Allah dan dengan Inayah Allah yang menguasai dan merangkumi segala sesuatu di alam al-wujud ini.

Demikianlah cara Al-Qur'an membentuk hati manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 12)

Lautan Air Tawar Dan Lautan Air Masin

Satu lagi perhatian dari perhatian-perhatian yang ditayangkan oleh Al-Qur'an di dalam penjelajahan meninjau alam buana ini, iaitu ia membawa kita kepada pemandangan air di bumi dari satu sudut yang tertentu iaitu sudut keragaman air iaitu ada jenis air tawar yang nyaman rasanya dan ada pula jenis air masin yang asin rasanya. Kedua-duanya berpisah tetapi bertemu dengan kuasa Allah untuk faedah manusia:

وَمَا يَسْتَوِي ٱلْبَحْرَانِ هَٰذَا عَذْبٌ فُرَاتٌ سَآئِغٌ شَرَابُهُۥ وَهَٰذَا مِلْحٌ أُجَاجٌ ۖ وَمِن كُلٍّ تَأْكُلُونَ لَحْمًا طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُونَ حِلْيَةً تَلْبَسُونَهَا ۖ وَتَرَى ٱلْفُلْكَ فِيهِ مَوَاخِرَ لِتَبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِهِۦ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢﴾

"Tidak sama rasa dua lautan; lautan ini tawar dan nyaman rasanya, sedangkan lautan ini pula masin rasanya dan dari setiap lautan itu kamu dapat makan daging yang segar dan mengeluarkan benda-benda perhiasan yang dapat kamu pakaikannya, juga kamu dapat melihat kapal-kapal yang berlayar membelah lautan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur."(12)

Iradat Allah yang hendak mempelbagaikan jenis-jenis air itu memang jelas dan tujuannya juga jelas sekadar yang kita tahu. Kita mengetahui sebahagian dari hikmat kejadian air tawar yang nyaman, dan mudah diminum itu dari penggunaan kita (seharian) kerana air tawarlah menjadi asas hayat bagi setiap yang hidup, sedangkan hikmat dijadikan air lautan itu masin telah dinyatakan oleh seorang ahli sains ketika menjelaskan perencanaan Ilahi yang amat menakjubkan dalam merangkakan bentuk rupa alam buana yang luas ini katanya:

> *"Walaupun di sepanjang zaman bumi mengeluarkan berbagai-bagai gas dan kebanyakannya beracun, namun udara bumi tetap bersih dari kecemaran yang boleh mengubahkan nisbahnya yang imbang yang perlu bagi kewujudan manusia. Kemudi besar yang mengendalikan imbangan itu ialah air lautan-lautan yang amat luas itu. Ia merupakan punca hayat, makanan, iklim yang sederhana, tumbuh-tumbuhan dan akhirnya manusia sendiri."*[2]

Inilah sebahagian hikmat dari penciptaan air yang berjenis-jenis itu yang diketahui oleh kita. Dalam penciptaan-Nya itu nampak jelas tujuan dan tadbir-Nya yang rapi, di mana dapat dilihat keselarasan-keselarasan dan imbangan-imbangan yang menegakkan satu sama lain dalam kehidupan alam buana dan peraturan-peraturannya. Susunan yang seperti ini tidak mungkin diadakan melainkan oleh Allah yang menciptakan alam buana ini dengan segala isi dan penghuninya, kerana susunan yang rapi ini tidak mungkin wujud secara kebetulan dengan apa cara sekali pun. Perbezaan dua lautan yang tawar dan yang masin yang diisyaratkan oleh ayat ini menyarankan adanya iradat Allah yang telah mengadakan perbezaan lautan-lautan ini dan segala perbezaan yang lain. Di dalam surah ini akan disebut

---

[2] *Dipetik dari buku A. Cressy Morrison, "Man Does Not Stand Alone" (1944), terjemahan Mahmud Soleh al-Falaki dengan judul "Sains Menyeru Kepada Iman"*(العلم يدعو إلى الإيمان).

contoh-contoh perbezaan yang lain di alam perasaan, tujuan, nilai-nilai dan neraca-neraca pertimbangan.

Kemudian kedua-dua lautan yang berlainan itu bertemu pada tujuan untuk memberi kemudahan kepada manusia.

Mutiara Dan Batu Karang

وَمِن كُلٍّ تَأْكُلُونَ لَحْمًا طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُونَ حِلْيَةً تَلْبَسُونَهَا ۖ وَتَرَى الْفُلْكَ فِيهِ مَوَاخِرَ لِتَبْتَغُوا مِن فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٢﴾

"Dan dari setiap lautan itu kamu dapat makan daging yang segar dan mengeluarkan benda-benda perhiasan yang dapat kamu pakaikannya, juga kamu dapat melihat kapal-kapal yang berlayar membelah lautan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur."(12)

Yang dimaksudkan dengan daging yang segar ialah ikan-ikan dan binatang-binatang laut yang lain dari berbagai-bagai jenis. Yang dimaksudkan dengan benda-benda perhiasan ialah mutiara dan marjan (batu karang). Mutiara terjadi di dalam berbagai-bagai gewang. Ia terbentuk di dalam tubuh-tubuh gewang akibat dimasuki benda yang asing seperti biji-biji pasir atau titisan air. Apabila benda yang asing ini masuk, maka gewang itu akan mengeluarkan sejenis lilihan khas mengelilingi benda yang asing itu supaya tidak menyakiti tubuh gewang yang lembut itu. Selepas dilalui masa tertentu, lilihan itu menjadi keras dan berubah kepada mutiara. Marjan pula ialah sejenis tumbuhan haiwan yang hidup. Ia membentuk cabang-cabangnya yang menghulur kadang-kadang berbatu-batu panjangnya dan membiak hingga kadang-kadang mengancam keselamatan pelayaran. Ia juga merupakan bahaya kepada setiap makhluk hidup yang jatuh dalam cengkamannya. Batu-batu marjan dipotong dengan cara-cara yang tertentu dan darinya dibuat berbagai-bagai perhiasan.

Kapal-kapal dan bahtera-bahtera meredah lautan-lautan dan sungai-sungai dengan ciri-ciri yang dijadikan Allah pada benda-benda di alam ini. Kemampatan air dan kepadatan benda-benda yang menjadi bahagian-bahagian kapal itulah yang membolehkan kapal-kapal itu terapung-apung di permukaan air, dan berjalan di atasnya. Angin juga turut memain peranan (menggerakkan kapal-kapal itu) demikian juga kuasa-kuasa yang dijadikan Allah untuk faedah manusia dan diketahui mereka bagaimana cara menggunakannya seperti kuasa eletrik, kuasa wap dan sebagainya dari berbagai-bagai kuasa yang dijadikan Allah.

لِتَبْتَغُوا مِن فَضْلِهِ

"Supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya."(12)

Iaitu dengan perantaraan pelayaran, perniagaan, penggunaan daging-daging yang segar, perhiasan, penggunaan air dan kapal-kapal di lautan-lautan dan sungai-sungai.

"Dan supaya kamu bersyukur"(12)

kepada Allah yang telah menciptakan punca-punca kehidupan yang wajar disyukuri. Allah jadikannya terbentang di hadapan kamu untuk menolong kamu menunaikan kewajipan bersyukur.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 14)

Di Sebalik Penciptaan Matahari, Bulan, Siang Dan Malam

Bahagian ini diakhiri dengan satu penjelajahan kebuanaan meninjau pemandangan malam dan siang, penciptaan matahari dan bulan mengikut peraturan peredarannya yang telah ditetapkan sehingga kepada suatu masa yang tertentu:

يُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَيُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلٌّ يَجْرِي لِأَجَلٍ مُّسَمًّى

"Dia memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam, dan Dia ciptakan matahari dan bulan dan masing-masing beredar hingga kepada satu masa yang telah ditentukan."(13)

Mungkin yang dimaksudkan dengan masuknya malam ke dalam siang dan siang ke dalam malam ialah, dua pemandangan yang indah iaitu pemandangan masuknya malam ke dalam siang, di mana cahaya matahari menghilang sedikit demi sedikit dan kegelapan masuk sedikit demi sedikit hingga matahari membenamkan diri membawa kegelapan yang merangkak lambat, dan pemandangan masuknya siang ke dalam malam, di mana hari pagi mula bernafas dan cahaya matahari memancar perlahan-perlahan dan kegelapan menghilang perlahan-perlahan hingga terbitnya matahari membawa cahaya yang terang benderang. Mungkin pula yang dimaksudkan (dengan ungkapan itu) ialah kepanjangan hari malam yang memakan hari siang seolah-olah ia masuk ke dalamnya dan kepanjangan hari siang yang memakan hari malam seolah-olah ia masuk ke dalamnya. Mungkin juga Al-Qur'an maksudkan dengan satu ungkapan itu kedua-dua pemandangan itu sekali. Semuanya merupakan pemandangan-pemandangan yang membawa hati menjelajah dengan tenang penuh dengan perasaan takjub dan taqwa. Di sini ia melihat bagaimana tangan qudrat Allah memanjangkan hari siang dan memendekkan hari malam, memanjangkan hari

malam dan memendekkan hari siang mengikut satu peraturan yang amat halus yang tidak pernah mungkir dan kacau walaupun sekali, sehari atau setahun di sepanjang zaman.

Penciptaan matahari, bulan dan peredaran keduanya yang berlangsung sehingga ke satu masa yang tertentu, yang tidak diketahui melainkan Allah yang menciptakan keduanya merupakan satu lagi gejala yang dilihat oleh semua orang sama ada dia tahu tentang saiz kedua-dua cakerawala itu dan jenis keduanya sama ada dari bintang-bintang dan planet-planet, juga sama ada dia tahu tentang garis-garis peredaran keduanya atau dia tidak tahu langsung segala-galanya itu, kerana kedua-duanya terbit dan menghilang di hadapan setiap manusia dan turun naik di hadapan setiap mata. Pergerakan yang berterusan ini, yang tidak pernah mungkir merupakan satu pergerakan yang dapat disaksikan oleh semua orang tanpa memerlukan kepada ilmu pengetahuan dan hisab. Oleh kerana itu ia merupakan satu bukti kekuasaan Allah yang terbentang di alam kepada semua akal dan generasi manusia. Pada hari ini kita mungkin mengetahui pergerakan ini lebih banyak dari apa yang diketahui oleh manusia-manusia yang pertama menerima Al-Qur'an ini, tetapi ini tidak penting, kerana yang penting ialah pergerakan ini menyarankan kepada kita apa yang disarankan kepada mereka, ia mengocakkan hati kita sebagaimana ia mengocakkan hati mereka dan ia merangsangkan kita berfikir dan melihat tangan qudrat Allah Yang Maha Kreatif, yang bertindak di alam yang menakjubkan ini sama seperti ia merangsangkan mereka, kerana hayat yang haqiqi ialah hayat hati.

* * * * * *

Kedudukan Tuhan-tuhan Palsu

Di bawah bayangan berbagai-bagai pemandangan alam yang menyerapkan pengertian yang mendalam dan kesan yang kuat itu Al-Qur'an iringi dengan satu penjelasan yang menegakkan hakikat rububiyah dan meruntuhkan dakwaan kepercayaan syirik di samping menerangkan akibat kerugiannya pada hari Qiamat:

ذَٰلِكُمُ ٱللَّهُ رَبُّكُمْ لَهُ ٱلْمُلْكُ ۚ وَٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ مَا يَمْلِكُونَ مِن قِطْمِيرٍ ﴿١٣﴾

"Semuanya itu diciptakan Allah Tuhan kamu yang memiliki kerajaan (langit dan bumi), dan tuhan-tuhan palsu yang didakwakan kamu sebagai tuhan selain dari-Nya itu tidak memiliki sesuatu apa walaupun selaput biji kurma yang nipis."(13)

Yakni yang melepaskan angin membawa awan, yang menghidupkan bumi yang gersang, yang menciptakan kamu dari tanah, yang menjadikan kamu berpasang-pasangan, yang mengetahui anak yang dikandung dan dilahir oleh setiap betina, yang mengetahui mana yang pendek dan panjang umurnya, yang menciptakan dua jenis lautan, yang memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam dan yang menjadikan matahari dan bulan beredar hingga ke satu masa yang tertentu itu ialah **"Allah Tuhan kamu yang memiliki kerajaan (langit dan bumi)** dan:

وَٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ مَا يَمْلِكُونَ مِن قِطْمِيرٍ ﴿١٣﴾

"Tuhan-tuhan palsu yang didakwakan kamu sebagai tuhan selain dari-Nya itu adalah tidak memiliki sesuatu apa walaupun selaput biji kurma yang nipis."(13)

Yakni hingga selaput yang amat nipis itu pun tidak dimiliki oleh tuhan-tuhan yang lain yang didakwa oleh mereka selain dari Allah.

إِن تَدْعُوهُمْ لَا يَسْمَعُوا۟ دُعَآءَكُمْ وَلَوْ سَمِعُوا۟ مَا ٱسْتَجَابُوا۟ لَكُمْ ۖ وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يَكْفُرُونَ بِشِرْكِكُمْ ۚ وَلَا يُنَبِّئُكَ مِثْلُ خَبِيرٍ ﴿١٤﴾

"Jika kamu berdo'a kepada mereka, mereka tidak mendengar do'a kamu dan jika mereka mendengar, mereka tidak dapat memperkenankan permintaan kamu. Dan pada hari Qiamat nanti mereka akan menyangkal perbuatan syirik kamu. Dan tiada siapa yang dapat menyampaikan berita kepada kamu sebaik yang disampaikan Allah Yang Maha Pakar."(14)

Tuhan-tuhan palsu itu ialah berhala-hala atau patung-patung atau pokok-pokok atau binatang-bintang atau malaikat atau jin, semuanya tidak memiliki sesuatu apa walaupun selaput biji kurma yang amat nipis, dan semuanya tidak dapat mendengar rayuan-rayuan hamba-hamba-Nya yang sesat sama sahaja sama ada mereka tidak dapat mendengar langsung atau tidak dapat mendengar percakapan manusia sahaja.

وَلَوْ سَمِعُوا۟ مَا ٱسْتَجَابُوا۟ لَكُمْ ۖ

"Dan jika mereka mendengar, mereka tidak dapat memperkenankan permintaan kamu"(14)

Jika ada yang dapat mendengar seperti jin dan malaikat, maka jin dan malaikat juga tidak dapat memperkenankan permintaan orang-orang yang sesat itu. Ini di dunia, sedangkan di Akhirat pula sembahan-sembahan itu akan berlepas diri dari kesesatan yang dilakukan manusia-manusia yang sesat itu:

وَيَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يَكْفُرُونَ بِشِرْكِكُمْ ۚ

"Dan pada hari Qiamat nanti mereka akan menyangkal perbuatan syirik kamu."(14)

Yang menceritakan hakikat ini ialah Allah sendiri Yang Maha Mengetahui segala sesuatu dan segala urusan di dunia dan di Akhirat:

"Dan tiada siapa yang dapat menyampaikan berita kepada kamu sebaik yang disampaikan Allah Yang Maha Pakar."(14)

Dengan ini berakhirlah bahagian ini dan tamatlah penjelajahan-penjelajahan dan pemandangan di alam buana, dan dari penjelajahan ini pulanglah hati membawa bekalan keinsafan yang cukup untuk saraan hidupnya andainya ia dapat mengambil manfa'at dari bekalan itu. Sebenarnya dengan satu bahagian dari satu surah sahaja sudah cukup kepada hati yang insaf jika ia mahu mencari hidayat atau mencari bukti dan dalil.

(Kumpulan ayat-ayat 15 - 26)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ أَنتُمُ ٱلْفُقَرَآءُ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَٱللَّهُ هُوَ ٱلْغَنِىُّ ٱلْحَمِيدُ ﴿١٥﴾

إِن يَشَأْ يُذْهِبْكُمْ وَيَأْتِ بِخَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿١٦﴾

وَمَا ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ بِعَزِيزٍ ﴿١٧﴾

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ۚ وَإِن تَدْعُ مُثْقَلَةٌ إِلَىٰ حِمْلِهَا لَا يُحْمَلْ مِنْهُ شَىْءٌ وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰٓ ۗ إِنَّمَا تُنذِرُ ٱلَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِٱلْغَيْبِ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ ۚ وَمَن تَزَكَّىٰ فَإِنَّمَا يَتَزَكَّىٰ لِنَفْسِهِۦ ۚ وَإِلَى ٱللَّهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٨﴾

وَمَا يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْبَصِيرُ ﴿١٩﴾

وَلَا ٱلظُّلُمَٰتُ وَلَا ٱلنُّورُ ﴿٢٠﴾

وَلَا ٱلظِّلُّ وَلَا ٱلْحَرُورُ ﴿٢١﴾

وَمَا يَسْتَوِى ٱلْأَحْيَآءُ وَلَا ٱلْأَمْوَٰتُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُسْمِعُ مَن يَشَآءُ ۖ وَمَآ أَنتَ بِمُسْمِعٍ مَّن فِى ٱلْقُبُورِ ﴿٢٢﴾

إِنْ أَنتَ إِلَّا نَذِيرٌ ﴿٢٣﴾

إِنَّآ أَرْسَلْنَٰكَ بِٱلْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا ۚ وَإِن مِّنْ أُمَّةٍ إِلَّا خَلَا فِيهَا نَذِيرٌ ﴿٢٤﴾

وَإِن يُكَذِّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ جَآءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَبِٱلزُّبُرِ وَبِٱلْكِتَٰبِ ٱلْمُنِيرِ ﴿٢٥﴾

ثُمَّ أَخَذْتُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۖ فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿٢٦﴾

"Wahai manusia! Kamu berkehendak kepada Allah dan Allah itu Maha Kaya dan Maha Terpuji (15). Jika Dia kehendaki nescaya Dia membinasakan kamu dan mendatangkan kaum yang baru (sebagai pengganti kamu) (16). Dan perkara yang sedemikian sama sekali tidak sukar kepada Allah (17). Dan seseorang yang berdosa tidak dapat menanggung dosa orang dan jika seorang yang menanggung dosa yang berat memanggil (orang lain) supaya memikulnya nescaya tiada sedikit pun dari dosa itu dapat dipikulkannya walaupun (yang dipanggilkan itu) mempunyai hubungan, kerabat yang dekat. Sesungguhnya engkau hanya dapat memberi amaran kepada orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka tanpa melihat-Nya dan mereka mendirikan solat. Dan barang siapa yang membersihkan diri, maka dia membersihnya untuk kebaikan dirinya sendiri, dan kepada Allah perkembalian (kamu) (18). Dan tidaklah sama di antara orang yang buta dan orang yang celik (19). Dan tidak juga sama di antara gelap dan cerah (20). Dan tidak pula sama di antara teduh dan panas (21). Dan tidak juga sama di antara orang-orang yang hidup dan orang-orang yang mati. Sesungguhnya Allah memperdengarkan (da'wah-Nya) kepada siapa yang dikehendaki-Nya, dan engkau tidak dapat memperdengarkan (da'wah) kepada mereka yang berada di dalam kubur (22). Engkau tiada lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi amaran (23). Sesungguhnya Kami utuskan engkau sebagai pembawa kebenaran, sebagai penyampai berita gembira dan pemberi amaran. Dan tiada satu umat pun melainkan telah dilalui Rasul yang memberi amaran (24). Dan jika mereka mendustakan engkau, maka orang-orang yang dahulu dari mereka juga telah mendustakan (rasul-rasul mereka). Mereka telah didatangi para rasul mereka yang membawa bukti-bukti yang jelas, lembaran-lembaran yang bertulis dan kitab yang jelas (25). Kemudian Aku binasakan orang-orang yang kafir, oleh itu (lihatlah) bagaimana dahsyatnya kemurkaan-Ku?."(26)

Sekali lagi Al-Qur'an kembali mengajak manusia supaya memperhatikan hubungan mereka dengan Allah dan memperhatikan hakikat diri mereka, juga kembali menghiburkan Rasulullah s.a.w. yang sedang menerima tentangan kaumnya dan menghadapi kesesatan mereka, samalah dengan tujuan kandungan bahagian yang kedua surah ini, tetapi yang ditambahkan di sini ialah keterangan bahawa tabi'at hidayat adalah tidak sama dengan tabi'at kesesatan. Perbezaan di antara keduanya adalah perbezaan semulajadi yang amat mendalam. Perbezaan di antara keduanya sama dengan perbezaan di antara buta dan celik, di antara gelap dan cerah, di antara teduh dan panas dan di antara mati dan hidup. Di antara hidayat, celik, cerah, bayang yang teduh dan hidup ada hubungan dan keserupaan. Begitu juga di antara buta, gelap, panas dan mati ada hubungan dan keserupaan. Kemudiaan pada akhirnya disebut pula kisah kebinasaan pendusta-pendusta untuk memberi peringatan dan kesedaran.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 17)

Manusia Memerlukan Allah Yang Sentiasa Memberi Ri'ayah Kepada Mereka

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ أَنتُمُ ٱلْفُقَرَآءُ إِلَى ٱللَّهِ ۖ وَٱللَّهُ هُوَ ٱلْغَنِىُّ ٱلْحَمِيدُ ﴿١٥﴾

إِن يَشَأْ يُذْهِبْكُمْ وَيَأْتِ بِخَلْقٍ جَدِيدٍ ﴿١٦﴾

وَمَا ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ بِعَزِيزٍ ﴿١٧﴾

"Wahai manusia! Kamu berkehendak kepada Allah dan Allah itu Maha Kaya dan Maha Terpuji (15). Jika Dia kehendaki nescaya Dia membinasakan kamu dan mendatangkan kaum yang baru (sebagai pengganti kamu) (16). Dan perkara yang sedemikian sama sekali tidak sukar kepada Allah."(17)

Manusia perlu diperingatkan dengan hakikat ini ketika mereka diseru kepada hidayat atau dicabar supaya keluar dari kegelapan kepada nur Allah dan hidayat-Nya. Mereka perlu diperingatkan bahawa mereka amat berkehendak kepada Allah dan bahawa Allah Maha Kaya dan sama sekali tidak memerlukan mereka. Apabila mereka diseru supaya beriman, beribadat kepada Allah dan memujinya kerana ni'mat-ni'mat yang dikurniakan-Nya, maka Allah sebenarnya tidak memerlukan kepada ibadat dan pujian mereka kerana zat Allah itu sendiri memang terpuji. Mereka tidak mampu mencabar Allah dan berlagak sombong, terhadap-Nya kerana andainya Allah kehendaki nescaya Dia bertindak menghapuskan mereka dan membawa kaum yang baru, yang sebangsa dengan mereka atau dari bangsa yang lain untuk mengganti mereka di dunia ini. Perkara ini merupakan satu perkara yang senang kepada Allah.

Mahusia perlu diperingatkan dengan hakikat ini supaya mereka merasa tidak begitu angkuh dan sombong apabila mereka melihat bahawa Allah Yang Maha Mulia mengambil berat terhadap mereka, mengirimkan para rasul kepada mereka. Kemudian rasul-rasul itu berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengembalikan mereka dari kesesatan kepada hidayat dan mengeluarkan mereka dari kegelapan jahiliah kepada nur agama yang terang dan supaya mereka tidak merasa takabur dan memandang diri mereka begitu besar di sisi Allah dan memandang penerimaan hidayat dan ibadat mereka menambahkan sesuatu kepada kebesaran kerajaan Allah S.W.T., sedangkan Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji.

Allah S.W.T. mengurniakan ri'ayah dan melimpahkan rahmat-Nya ke atas manusia dengan mengutuskan para rasul yang tabah menghadapi tentangan dan penindasan mereka dan terus sabar berda'wah kepada Allah selepas ditentang dan ditindas .... Allah S.W.T. melayani mereka seperti ini semata-mata kerana rahmat, kemurahan dan limpah kurnia dari-Nya sahaja, kerana inilah sifat-sifat zat-Nya, bukannya kerana manusia itu dapat menambahkan sesuatu kepada kebesaran kerajaan-Nya dengan sebab mereka menerima hidayat atau mengurangkan sesuatu dari kebesaran kerajaan-Nya dengan sebab kesesatan mereka, dan bukannya pula kerana manusia itu makhluk-makhluk yang unik, terlalu mahal dan sukar untuk diciptakan semula atau digantikan dengan makhluk yang lain, oleh kerana itu kesalahan-kesalahan mereka dimaafkan begitu sahaja.

Manusia sendiri akan hairan terhadap limpah kurnia Allah yang begitu murah terhadap mereka apabila mereka melihat diri mereka yang kecil, kerdil, jahil dan lemah itu menerima ri'ayah dan inayah Allah yang sebegitu besar.

Manusia hanya merupakan penghuni yang kecil di antara penghuni-penghuni bumi ini dan bumi pula hanya merupakan sebuah planet yang kecil dari planet-planet yang mengikuti matahari, sedangkan matahari pula hanya sebuah bintang dari bintang-bintang yang tidak terhingga bilangannya dan bintang-bintang itu pula hanya merupakan titik-titik yang kecil yang bertaburan di angkasa raya yang tiada manusia mengetahui garis-garis sempadannya. Dan angkasa rasa itu pula hanya merupakan sebahagian dari makhluk-makhluk Allah.

Kemudian si manusia ini mendapat ri'ayah yang amat besar dari Allah. Dia jadikan mereka sebagai khalifah di bumi dan mengurniakan kepada mereka segala alat-alat dan kelengkapan khilafah sama ada dari segi struktur bentuk kejadiannya atau menundukkan kepada mereka segala kekuatan dan kuasa-kuasa yang perlu untuk mereka menjalankan urusan pentadbiran khilafah, namun demikian si insan yang kerdil ini terus juga sesat dan angkuh hingga tergamak mempersekutui Allah atau mengingkarkannya, lalu Allah mengutuskan para rasul seorang demi seorang kepada mereka dan menurunkan kepada rasul-rasul itu kitab-kitab suci dan mu'jizat-mu'jizat, malah pengurniaan Allah terus melimpah-ruah hingga Dia menurunkan di dalam kitab-Nya (Al-Qur'an) yang akhir kepada manusia berbagai-bagai kisah untuk direnungi mereka. Allah menceritakan kepada mereka peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada umat-umat yang terdahulu dari mereka. Allah menceritakan tentang diri mereka sendiri dan mendedahkan segala daya tenaga, kekuatan dan kelemahan yang ada pada mereka, malah Allah S.W.T. menceritakan tentang individu-individu yang tertentu. Dia berfirman kepada si anu: "Awak telah melakukan ini dan itu, awak telah meninggalkan ini dan itu", dan berfirman kepada si anu yang lain: "Inilah penyelesaian masalah engkau dan inilah jalan keluar dari kesusahan engkau".

Semuanya itu dikurniakan kepada makhluk insan satu penghuni kecil dari penghuni-penghuni bumi, sebuah planet kecil dari planet-planet yang mengikut matahari yang mengelana di angkasa raya hingga kewujudannya hampir-hampir tidak dirasa, sedangkan Allah S.W.T. adalah Pencipta langit dan bumi,

Pencipta alam buana dengan segala isi dan penghuninya dengan sepatah perintah "كن" sahaja dan dengan semata-mata tawajjuh iradat-Nya sahaja dan Dia berkuasa menciptakan makhluk seperti manusia dengan sepatah perintah dan dengan semata-mata tawajjuh iradat-Nya.

Oleh itu amatlah wajar kepada manusia memahami hakikat ini supaya mereka dapat menginsafi betapa banyaknya limpah kurnia, ri'ayah dan rahmat Allah terhadap mereka dan supaya mereka merasa segan dan malu untuk menyambut dan membalas limpah kurnia, ri'ayah dan rahmat Allah yang tulus dan melimpah-ruah itu dengan sikap paling tadah dan ingkar.

Dari segi inilah ayat ini merupakan satu sentuhan yang memberi kesedaran dan keinsafan di samping menjelaskan satu hakikat yang waqi'i yang benar. Al-Qur'an sentiasa menyentuh hati manusia dengan mengemukakan hakikat-hakikat, kerana sesuatu hakikat yang dikemukakan itu akan mempengaruhi jiwa manusia, juga kerana Al-Qur'an itu sendiri merupakan kebenaran dan ia turun membawa kebenaran. Justeru itu ia tidak membicara melainkan mengenai kebenaran dan tidak meyakinkan manusia melainkan dengan kebenaran dan tidak mengemuka dan menyebut selain dari kebenaran.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 18)

Tiada Siapa Yang Boleh Menanggung Dosa Orang Lain

Ayat berikut menyentuh satu hakikat yang lain pula iaitu menyentuh hakikat tanggungjawab individu yang tidak dapat dipikul dan ditanggung oleh orang lain. Nabi s.aw. tidak mempunyai apa-apa tujuan peribadi yang mahu dicapaikannya untuk dirinya dari usaha beliau menyampaikan hidayat kepada mereka, kerana beliau hanya bertanggungjawab di atas amalan dirinya sahaja sebagaimana setiap orang dari mereka bertanggungjawab terhadap usaha dan amalan masing-masing. Oleh itu setiap individu akan mendapat hasilnya dari amalannya bukannya orang lain, dan segala urusan pembalasan dipulangkan kepada Allah:

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ۚ وَإِن تَدْعُ مُثْقَلَةٌ إِلَىٰ حِمْلِهَا لَا يُحْمَلْ مِنْهُ شَيْءٌ وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۗ إِنَّمَا تُنذِرُ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِالْغَيْبِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ ۚ وَمَن تَزَكَّىٰ فَإِنَّمَا يَتَزَكَّىٰ لِنَفْسِهِ ۚ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ ﴿١٨﴾

"Dan seseorang yang berdosa tidak dapat menanggung dosa orang lain dan jika seorang yang menanggung dosa yang berat memanggil (orang lain) supaya memikulnya nescaya tiada sedikit pun dari dosa itu dapat dipikulkannya walaupun (yang dipanggilkan itu) mempunyai hubungan kerabat yang dekat. Sesungguhnya engkau hanya dapat memberi amaran kepada orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka tanpa melihat-Nya dan mereka mendirikan solat. Dan barang siapa yang membersihkan diri, maka dia membersihnya untuk kebaikan dirinya sendiri, dan kepada Allah perkembalian (kamu)."(18)

Hakikat tanggungjawab individu dan balasan itu mempunyai kesan yang jelas kepada kesedaran akhlak dan tindak-tanduk manusia. Kesedaran setiap individu bahawa dia akan di balas dengan amalannya dan tidak akan diambil salah dengan perbuatan orang lain, juga tidak dapat berlepas diri dari perbuatan yang dilakukannya itu, merupakan satu faktor yang kuat yang mendorongnya untuk menghisabkan diri sendiri sebelum dihisab (pada hari Qiamat), di samping mendorongnya meninggalkan segala angan-angan palsu untuk mendapat pertolongan dari orang lain agar sesuatu dosanya dapat dipikul oleh orang lain. Begitu juga kesedaran ini merupakan faktor yang mententeramkan hatinya. Dia tidak lagi takut dan bimbang diambil salah dengan sebab perbuatan kelompok manusia yang lain hingga menyebabkannya berputus asa terhadap faedah amalan-amalan peribadinya yang baik selama dia telah menunaikan kewajipannya memberi nasihat kepada kelompok itu dan cuba mengembalikan mereka dari kesesatan itu dengan segala sarana yang ada padanya.

Allah S.W.T. tidak menghisabkan manusia secara borong mengikut senarai, malah dia menghisabkan mereka seorang demi seorang. Masing-masing dengan amalannya dan masing-masing mengikut batas kewajipannya. Kewajipan individu ialah memberi nasihat kepada kelompok dan berusaha membetulkan mereka sedaya upaya. Apabila dia telah melaksanakan kewajipan ini, maka dia tidak lagi menanggung dosa kejahatan kelompok tempat ia hidup, malah segala perbuatannya yang baik tetap akan dibalas. Begitu juga kebaikan kelompok itu tidak berguna kepadanya jika dia sendiri tidak baik. Justeru itu Allah tidak menghisabkan para hamba-Nya secara borong.

Ungkapan ayat Al-Qur'an yang menggambarkan hakikat ini mengikut cara penggambarannya yang tersendiri menanamkan kesan yang amat mendalam. Ia menggambarkan setiap orang itu menanggung dosa masing-masing dan tidak menanggung dosa orang lain. Andainya ada orang menanggung dosa yang berat kemudian dia meminta kerabatnya yang paling hampir supaya menanggung sebahagian dari dosanya itu, nescaya dia dapati tiada siapa pun yang sanggup menanggungnya atau meringankan beban dosanya.

Itulah pemandangan angkatan manusia, di mana setiap orang membawa beban amalannya masing-masing dan meneruskan perjalanannya hingga sampai di hadapan neraca amalan dan para penimbangnya. Angkatan itu kelihatan begitu penat dan letih lesu dan setiap orang sibuk dengan beban amalan masing-

masing tanpa menghiraukan orang-orang jauh dan orang-orang dekat dari kerabat sendiri.

Di hadapan pemandangan angkatan yang letih lesu dan berat menanggung beban inilah Allah berpaling kepada Rasulullah s.a.w. dan berfirman:

إِنَّمَا تُنذِرُ ٱلَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِٱلْغَيْبِ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ ۚ

"Sesungguhnya engkau hanya dapat memberi amaran kepada orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka tanpa melihat-Nya dan mereka mendirikan solat."(18)

Kumpulan orang-orang ini sahaja yang berguna diberi amaran. Mereka takut kepada Allah tanpa melihat-Nya dan mendirikan solat untuk berhubung dengan Allah dan beribadat kepada-Nya. Merekalah sahaja yang dapat mengambil faedah dari engkau dan menyahut seruan engkau, oleh itu tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada engkau dari perbuatan-perbuatan mereka yang tidak takut kepada Allah dan tidak mengerjakan solat.

وَمَن تَزَكَّىٰ فَإِنَّمَا يَتَزَكَّىٰ لِنَفْسِهِۦ ۚ

"Dan barang siapa yang membersihkan diri, maka dia membersihnya untuk kebaikan dirinya sendiri."(18)

Kebaikannya bukan untuk engkau dan bukan untuk yang lain dari engkau, malah hanya untuk dirinya sendiri sahaja. Ungkapan:

يتزكّى

"*Membersihkan diri*" itu mengandungi makna yang amat halus, yang meliputi pembersihan hati, dan perasaan-perasaannya, juga mengandungi pembersihan kelakuan-kelakuan dan arah-arah alirannya serta kesan-kesannya. Pengertian ini merupakan satu pengertian yang halus dan menarik.

"Dan kepada Allah perkembalian (kamu)."(18)

Allah yang bertindak sebagai Penghisab dan Pembalas kelak, oleh itu tiada satu amalan yang soleh yang akan hilang dan tiada satu amalan yang jahat yang akan terlepas dari balasan. Keputusan dan balasan tidak akan diserahkan kepada yang lain dari Allah iaitu ia tidak diserahkan kepada makhluk-makhluk yang memilih kasih atau pelupa atau cuai.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 26)

Ciri-ciri Perbezaan Di Antara Keimanan Dan Kekafiran

Di sisi Allah tidak akan sama di antara keimanan dan kekafiran, di antara kebaikan dan kejahatan, di antara hidayat dan kesesatan, sebagaimana tidak ada persamaan di antara buta dan celik, di antara gelap dan cerah, di antara bayang teduh dan panas, di antara hidup dan mati. Semuanya masing-masing mempunyai tabi'at yang berbeza-beza dari asas lagi:

وَمَا يَسْتَوِى ٱلْأَعْمَىٰ وَٱلْبَصِيرُ ﴿١٩﴾

وَلَا ٱلظُّلُمَٰتُ وَلَا ٱلنُّورُ ﴿٢٠﴾

وَلَا ٱلظِّلُّ وَلَا ٱلْحَرُورُ ﴿٢١﴾

"Dan tidaklah sama di antara orang yang buta dan orang yang celik (19). Dan tidak juga sama di antara gelap dan cerah (20). Dan tidak pula sama di antara teduh dan panas."(21)

وَمَا يَسْتَوِى ٱلْأَحْيَآءُ وَلَا ٱلْأَمْوَٰتُ ۚ

"Dan tidak juga sama diantara orang-orang yang hidup dan orang-orang yang mati."(22)

Di antara tabi'at kekafiran dan tabi'at buta, gelap, panas dan mati terdapat hubungan (yang rapat), begitu juga di sana terdapat hubungan yang rapat di antara tabi'at keimanan dan tabi'at cerah, celik, bayangan teduh dan hidup.

Iman itu nur yang menerangi hati, menerangi anggota dan menerangi pancaindera. Iman itu nur yang mendedahkan hakikat segala sesuatu, segala nilai dan segala peristiwa dan segala hubungan di antara keduanya iaitu segala nisbah dan dimensi. Orang-orang Mu'minin memandang dengan nur iman yang diciptakan Allah. Dengan nur inilah dia melihat hakikat-hakikat itu dan berinteraksi dengannya. Dia tidak terumbang-ambing dan meraba-raba di tengah jalannya dan tidak teragak-agak di dalam mengatur langkah-langkahnya.

Iman merupakan penglihatan. Ia melihat dengan wawasan yang haqiqi, benar dan tidak bergoyang. Ia membawa tuannya berjalan dengan nur, dengan penuh kepercayaan dan ketenangan.

Iman merupakan bayangan teduh yang menenangkan jiwa dan mententeramkan hati, iaitu teduh dari kepanasan keraguan, kegelisahan dan kebingungan di dalam padang belantara yang gelap tanpa pemandu.

Iman merupakan hayat iaitu hayat dalam hati dan perasaan, hayat dalam arah tujuan dan haluan. Iman juga merupakan pergerakan yang membina, berhasil, bermatlamat, tidak kaku beku dan tidak main-main dan sia-sia.

Kekafiran itu buta, iaitu buta di dalam tabi'at hati, buta dari melihat bukti-bukti kebenaran, buta dari melihat hakikat alam al-wujud, hakikat perhubungan-perhubungan di dalam alam al-wujud, hakikat nilai-nilai, tokoh-tokoh, peristiwa-peristiwa dan segala sesuatu.

Kekafiran merupakan kegelapan atau berbagai-bagai kegelapan. Apabila manusia jauh dari nur iman, mereka akan jatuh di dalam berbagai-bagai kegelapan yang bermacam-macam bentuk dan rupa, di mana segala sesuatu tidak dapat dilihat dengan penglihatan yang betul.

Kekafiran merupakan suatu kepanasan yang menyelar hati dengan selaran-selaran resah, gelisah, tidak mantap di atas satu matlamat, tidak tenang menghadapi sesuatu pertumbuhan dan kesudahan kemudian ia berakhir dengan kepanasan Neraka Jahannam dan selaran 'azab seksanya.

Kekafiran merupakan suatu kematian iaitu kematian di dalam hati nurani dari terputus dari sumber hayat yang tulen, terpisah dari jalan yang menyampaikan kepada Allah. Ia juga merupakan kelemahan dari diharui emosi dan kelemahan dari memberi sambutan kepada da'wah yang terbit dari sumber Ilahi yang haqiqi, yang memberi kesan di dalam perjalanan hidupnya.

Masing-masing mempunyai tabi'at dan balasannya dan kedua-keduanya tidak akan sama di sisi Allah.

* * * * * *

Batas Tugas Seorang Rasul

Di sini ayat yang berikut berpaling kepada Rasulullah s.a.w. untuk menghiburkannya dengan menjelaskan batas-batas tugas dan kewajipannya dalam da'wah Allah dan menyerahkan yang lain dari tugas-tugas itu kepada Allah tuanpunya urusan agar diputuskan mengikut apa yang dikehendaki-Nya:

إِنَّ ٱللَّهَ يُسْمِعُ مَن يَشَآءُ ۖ وَمَآ أَنتَ بِمُسْمِعٍ مَّن فِى ٱلْقُبُورِ ﴿٢٢﴾

إِنْ أَنتَ إِلَّا نَذِيرٌ ﴿٢٣﴾

إِنَّآ أَرْسَلْنَٰكَ بِٱلْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا ۚ وَإِن مِّنْ أُمَّةٍ إِلَّا خَلَا فِيهَا نَذِيرٌ ﴿٢٤﴾

وَإِن يُكَذِّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ جَآءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَبِٱلزُّبُرِ وَبِٱلْكِتَٰبِ ٱلْمُنِيرِ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya Allah memperdengarkan (da'wah-Nya) kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan engkau tidak dapat memperdengarkan (da'wah) kepada mereka yang berada dalam kubur (22). Engkau tiada lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi amaran (23). Sesungguhnya Kami utuskan engkau sebagai pembawa kebenaran, sebagai penyampai berita gembira dan pemberi amaran. Dan tiada satu umat pun melainkan semuanya telah dilalui Rasul yang memberi amaran (24). Dan jika mereka mendustakan engkau, maka orang-orang yang dahulu dari mereka juga telah mendustakan (rasul-rasul mereka). Mereka telah didatangi para rasul mereka yang membawa bukti-bukti yang jelas, lembaran-lembaran yang bertulis dan kitab yang jelas (25). Kemudian Aku binasakan orang-orang yang kafir, oleh itu (lihatlah) bagaimana dahsyatnya kemurkaan-Ku?"(26)

Perbezaan-perbezaan yang wujud di antara tabi'at alam buana dan tabi'at jiwa manusia adalah perbezaan-perbezaan semula jadi, begitu juga kelainan tabi'at-tabi'at manusia dan kelainan sambutan mereka kepada da'wah Allah adalah kelainan-kelainan semulajadi sama dengan perbezaan-perbezaan semula jadi yang wujud di alam di antara celik dengan buta, teduh dengan panas, gelap dengan cerah, hidup dengan mati. Di sebalik itulah terletaknya perencanaan Allah, hikmat kebijaksanaan dan qudrat-Nya yang berkuasa di atas segala sesuatu.

Jadi, seorang rasul itu tidak lebih dari seorang petugas yang menyampaikan peringatan dan amaran. Keupayaan kemanusiaannya hanya terhenti setakat ini sahaja. Dia tidak berkuasa memperdengarkan da'wah kepada mereka yang berada di dalam kubur dan kepada mereka yang hidup dengan hati yang mati. Mereka ini sama sahaja dengan orang-orang yang berada di dalam kubur. Hanya Allah sahaja yang berkuasa memperdengarkan da'wah itu kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya mengikut sebagaimana yang dikehendaki-Nya. Apakah kesalahan Rasul jika yang sesat itu sesat dan yang berpaling dari keimanan itu berpaling selama dia telah menunaikan amanahnya dan menyampaikan risalahnya, lalu didengari oleh siapa yang dikehendaki Allah mendengarnya dan tidak didengari oleh siapa yang dikehendaki Allah berpaling darinya?

Sebelum ini Allah telah berfirman kepada Rasulullah s.a.w.:

فَلَا تَذْهَبْ نَفْسُكَ عَلَيْهِمْ حَسَرَٰتٍ ۚ

"Janganlah engkau membinasakan dirimu kerana dukacita terhadap kesesatan mereka."(8)

Allah telah mengutuskan beliau membawa agama yang benar hanya sebagai penyampai berita gembira dan amaran sahaja. Kedudukan beliau sama sahaja dengan kedudukan saudara-saudaranya para rasul yang lain alaihim salawattullah. Bilangan para rasul itu amat ramai, kerana setiap umat masing-masing dilalui seorang rasul.

وَإِن مِّنْ أُمَّةٍ إِلَّا خَلَا فِيهَا نَذِيرٌ ﴿٢٤﴾

"Dan tiada satu umat pun melainkan semuanya telah dilalui rasul yang memberi amaran."(24)

Andainya beliau menerima pendustaan dari kaumnya, maka itu memang tabi'at biasa kaum-kaum manusia yang menerima para rasul. Itu bukannya kelemahan para rasul dan bukannya kekurangan dalil-dalil dan hujah-hujah (dari mereka):

وَإِن يُكَذِّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ جَآءَتْهُمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَبِٱلزُّبُرِ وَبِٱلْكِتَٰبِ ٱلْمُنِيرِ ﴿٢٥﴾

"Dan jika mereka mendustakan engkau, maka orang-orang yang dahulu dari mereka juga telah mendustakan (rasul-rasul mereka). Mereka telah, didatangi para rasul mereka yang membawa bukti-bukti yang jelas, lembaran-lembaran yang bertulis dan kitab yang jelas."(25)

Yang dimaksudkan dengan **"bukti-bukti yang jelas"**(البينات) ialah hujah-hujah dan alasan-alasan yang berbagai-bagai bentuk di antaranya termasuk mu'jizat-mu'jizat yang diminta atau dicabar oleh mereka. Yang dimaksudkan dengan **"lembaran-lembaran yang bertulis"**(الزبر) ialah suhuf-suhuf yang mengandungi nasihat-nasihat, bimbingan-bimbingan dan taklif-taklif. Yang dimaksudkan dengan **"kitab yang jelas"**(الكتاب المنير) ialah Taurat kitab yang diturun kepada Musa mengikut pendapat yang lebih rajih. Mereka telah mendustakan keterangan-keterangan yang jelas lembaran-lembaran yang bertulis dan kitab Taurat yang jelas.

Itulah keadaan kebanyakan umat dalam menerima para rasul dan dalil-dalil hidayat yang dibawa mereka. Jadi, perkara ini bukannya baru, bukannya unik, malah telah berlaku kepada umat-umat yang terdahulu.

Di sini Al-Qur'an menayangkan kepada kaum Musyrikin pemandangan nasib kesudahan yang telah diterima oleh para pendusta supaya mereka mengambil peringatan:

ثُمَّ أَخَذْتُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ ۖ فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿٢٦﴾

"Kemudian Aku binasakan orang-orang yang kafir, oleh itu (lihatlah) bagaimana dahsyatnya kemurkaan-Ku?"(26)

Tujuan pertanyaan di dalam ayat ini ialah menyatakan kehairanan dan kedahsyatan. Kemurkaan Allah, iaitu kemurkaan-Nya amat besar dan balasan-Nya ialah kebinasaan yang dahsyat. Oleh itu hendaklah orang-orang yang mahu mengikuti jejak orang-orang yang dahulu itu mengambil perhatian dan pengajaran supaya mereka tidak ditimpa kebinasaan yang telah menimpa orang-orang yang dahulu itu.

Itulah cubitan Al-Qur'an yang mengakhiri bahagian dan penjelajahan ini, kemudian dimulakan pula dengan satu penjelajahan baru di bidang yang baru.

* * * * *

(Kumpulan ayat-ayat 27 - 38)

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجْنَا بِهِۦ
ثَمَرَٰتٍ مُّخْتَلِفًا أَلْوَٰنُهَا ۚ وَمِنَ ٱلْجِبَالِ جُدَدٌۢ بِيضٌ
وَحُمْرٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَٰنُهَا وَغَرَابِيبُ سُودٌ ﴿٢٧﴾
وَمِنَ ٱلنَّاسِ وَٱلدَّوَآبِّ وَٱلْأَنْعَٰمِ مُخْتَلِفٌ أَلْوَٰنُهُۥ
كَذَٰلِكَ ۗ إِنَّمَا يَخْشَى ٱللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ ٱلْعُلَمَٰٓؤُا۟ ۗ إِنَّ
ٱللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ﴿٢٨﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَٰبَ ٱللَّهِ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ
وَأَنفَقُوا۟ مِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَٰرَةً
لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾
لِيُوَفِّيَهُمْ أُجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِۦٓ ۚ إِنَّهُۥ
غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٠﴾
وَٱلَّذِىٓ أَوْحَيْنَآ إِلَيْكَ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ هُوَ ٱلْحَقُّ مُصَدِّقًا
لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ بِعِبَادِهِۦ لَخَبِيرٌۢ بَصِيرٌ ﴿٣١﴾
ثُمَّ أَوْرَثْنَا ٱلْكِتَٰبَ ٱلَّذِينَ ٱصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا ۖ
فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِۦ وَمِنْهُم مُّقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ
سَابِقٌۢ بِٱلْخَيْرَٰتِ بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَضْلُ
ٱلْكَبِيرُ ﴿٣٢﴾
جَنَّٰتُ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ
مِن ذَهَبٍ وَلُؤْلُؤًا ۖ وَلِبَاسُهُمْ فِيهَا حَرِيرٌ ﴿٣٣﴾
وَقَالُوا۟ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِىٓ أَذْهَبَ عَنَّا ٱلْحَزَنَ ۖ إِنَّ
رَبَّنَا لَغَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٤﴾
ٱلَّذِىٓ أَحَلَّنَا دَارَ ٱلْمُقَامَةِ مِن فَضْلِهِۦ لَا يَمَسُّنَا فِيهَا
نَصَبٌ وَلَا يَمَسُّنَا فِيهَا لُغُوبٌ ﴿٣٥﴾
وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَهُمْ نَارُ جَهَنَّمَ لَا يُقْضَىٰ عَلَيْهِمْ
فَيَمُوتُوا۟ وَلَا يُخَفَّفُ عَنْهُم مِّنْ عَذَابِهَا ۚ كَذَٰلِكَ نَجْزِى
كُلَّ كَفُورٍ ﴿٣٦﴾
وَهُمْ يَصْطَرِخُونَ فِيهَا رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا نَعْمَلْ
صَٰلِحًا غَيْرَ ٱلَّذِى كُنَّا نَعْمَلُ ۚ أَوَلَمْ نُعَمِّرْكُم مَّا
يَتَذَكَّرُ فِيهِ مَن تَذَكَّرَ وَجَآءَكُمُ ٱلنَّذِيرُ ۖ فَذُوقُوا۟

فَمَا لِلظَّٰلِمِينَ مِن نَّصِيرٍ ﴿٣٧﴾
إِنَّ ٱللَّهَ عَٰلِمُ غَيۡبِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۚ إِنَّهُۥ
عَلِيمُۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٣٨﴾

"Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan siramannya buah-buahan yang beraneka warna. Dan di antara gunung-ganang itu terdapat jalur-jalur jalan putih dan merah, yang berlain-lainan warnanya dan batu-batu yang hitam legam (27). Dan di antara manusia, haiwan-haiwan dan binatang ternakan juga terdapat berbagai-bagai warna. Sesungguhnya orang-orang yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya ialah para ulama'. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Pengampun (28). Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa membaca kitab Allah dan mendirikan solat serta mendermakan sebahagian rezeki yang Kami telah kurniakan kepada mereka secara sulit dan secara terang-terangan adalah mengharapkan satu perniagaan yang tidak akan rugi (29). Agar Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Bersyukur (30). Dan kitab yang Kami telah wahyukan kepadamu itu adalah (kitab) yang benar yang mengesahkan kitab-kitab (yang diturunkan) sebelumnya. Sesungguhnya Allah Maha Pakar mengenai para hamba-Nya dan Maha Melihat (31). Dan Kami mewariskan kitab Al-Qur'an itu kepada orang-orang yang Kami pilih dari hamba-hamba Kami. Di antara mereka ada yang zalim terhadap diri sendiri dan di antara mereka ada pula yang sederhana dan di antara mereka juga ada yang mendahului (orang lain) membuat berbagai-bagai kebajikan dengan izin Allah. Semuanya itu adalah limpah kurnia yang amat besar (32). (Balasan mereka) ialah Syurga-syurga 'Adni yang dimasuki mereka, di mana mereka akan dihiaskan dengan gelang-gelang tangan dari emas dan mutiara dan pakaian mereka di sana ialah sutera (33). Dan mereka mengucap: (Syukur) Alhamdulillah Tuhan yang telah menghapuskan kerunsingan dari kami. Sesungguhnya Tuhan kami Maha Pengampun dan Maha Bersyukur (34). Tuhan yang telah menempatkan kami di tempat tinggal yang kekal abadi semata-mata dari limpah kurnia-Nya, di sini kami tidak disentuh sebarang kepenatan, dan tidak juga kami disentuh sebarang kelesuan (35). Dan orang-orang kafir akan memperolehi Neraka Jahannam. Mereka tidak dibinasakan hingga mati dan mereka tidak akan diringankan dari 'azab Neraka. Demikianlah Kami membalas setiap orang yang amat kufur (36). Dan mereka menjerit-jerit di dalam Neraka: Wahai Tuhan Kami! Keluarkanlah Kami (dari Neraka ini), nescaya kami mengerjakan amalan yang soleh yang bukan amalan yang telah kami lakukannya (lalu dijawab): Tidakkah Kami telah melanjutkan umur kamu yang cukup untuk diambil peringatan oleh mereka yang ingin mengambil peringatan? Sedangkan kamu telah pun didatangi Rasul yang memberi peringatan. Oleh itu, rasakanlah ('azab itu), kerana orang-orang yang zalim (kafir) tidak akan mendapat sebarang penolong (37). Sesungguhnya Allah mengetahui segala perkara ghaib di langit dan di bumi. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada."(38)

Penjelajahan kali ini merupakan bacaan-bacaan kitab alam buana dan kitab suci yang diturunkan Allah, iaitu membaca lembaran-lembaran Allah, membaca lembaran-lembaran kitab alam buana yang indah, menarik, beraneka warna, ragam dan jenis, iaitu buah-buahan yang beraneka warna, gunung-ganang yang mempunyai jalur-jalur jalan yang bermacam-macam warna, juga manusia, haiwan-haiwan dan binatang-binatang ternakan yang berbagai-bagai warna dan jenis yang amat banyak. Inilah lembaran-lembaran yang indah di dalam kitab alam buana yang terbuka. Kemudian membaca kitab suci Al-Qur'an yang mengandungi kebenaran dan mengesahkan kitab-kitab suci yang lain yang diturunkan sebelumnya, kemudian menerangkan bahawa kitab suci Al-Qur'an ini diwariskan pula kepada umat Muslimin yang mempunyai berbagai-bagai darjat, juga menerangkan balasan-balasan ni'mat yang menanti mereka setelah Allah mengurniakan keampunan kepada orang-orang yang bersalah dari mereka, iaitu dengan menayangkan pemandangan hidup mereka di dalam Syurga dan pemandangan hidup orang-orang kafir yang mendapat 'azab seksa yang amat pedih. Kemudian penjelajahan yang menarik, jauh dan berwarna-warni ini ditamatkan dengan kenyataan bahawa semuanya berlaku mengikut ilmu Allah Yang Maha Mengetahui segala rahsia di dalam hati manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 28)

Pameran Warna-warni

أَلَمۡ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءٗ فَأَخۡرَجۡنَا بِهِۦ
ثَمَرَٰتٖ مُّخۡتَلِفًا أَلۡوَٰنُهَاۚ وَمِنَ ٱلۡجِبَالِ جُدَدُۢ بِيضٞ
وَحُمۡرٞ مُّخۡتَلِفٌ أَلۡوَٰنُهَا وَغَرَابِيبُ سُودٞ ﴿٢٧﴾
وَمِنَ ٱلنَّاسِ وَٱلدَّوَآبِّ وَٱلۡأَنۡعَٰمِ مُخۡتَلِفٌ أَلۡوَٰنُهُۥ
كَذَٰلِكَۗ إِنَّمَا يَخۡشَى ٱللَّهَ مِنۡ عِبَادِهِ ٱلۡعُلَمَٰٓؤُاْۗ إِنَّ
ٱللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ﴿٢٨﴾

"Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan siramannya buah-buahan yang beraneka warna. Dan di antara gunung-ganang itu terdapat jalur-jalur jalan putih dan merah, yang berlain-lainan warnanya dan batu-batu yang hitam legam." (27) Dan di antara manusia, haiwan-haiwan dan binatang ternakan juga terdapat berbagai-bagai warna. Sesungguhnya orang-orang yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya ialah para ulama'. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Pengampun."(28)

Ini adalah salah satu penerangan dari penerangan-penerangan mengenai alam buana yang amat menarik, yang membuktikan bahawa Al-Qur'an ini diturunkan Allah. Satu penerangan yang membawa kita menjelajah seluruh bumi untuk melihat keragaman warna-warni pada setiap kejadiannya iaitu pada buah-buahan, gunung-ganang, manusia,

haiwan-haiwan dan binatang-binatang ternakan. Penerangan ini hanya menggunakan kata-kata yang pendek tetapi merangkumi seluruh makhluk dibumi sama ada yang bernyawa dan yang tidak bernyawa. Penerangan ini membuat hati manusia kagum dan terpesona dengan pameran Ilahi yang cantik, indah dan besar yang meliputi seluruh bumi.

Penerangan ini dimulakan dengan turunnya hujan dari langit yang mengeluarkan berbagai-bagai buah-buahan yang beraneka warna kerana pameran di sini ialah pameran warna-warni. Oleh sebab itu apabila Al-Qur'an menyebut tentang buah-buahan ia hanya menyebut warna-warninya sahaja:

فَأَخْرَجْنَا بِهِۦ ثَمَرَٰتٍ مُّخْتَلِفًا أَلْوَٰنُهَا

"Kami keluarkan dengan siramannya buah-buahan yang beraneka warna."(27)

Warna-warni buah-buahan itu merupakan satu pameran warna yang indah yang tidak dapat dilukiskan walaupun sebahagiannya oleh para pelukis seluruh generasi manusia. Setiap jenis buah-buahan tidak sama warnanya dengan warna jenis buah-buahan yang lain, malah tidak ada sebiji buah yang serupa warnanya secara mutlak dengan warna saudara-saudaranya dari jenis buah yang sama apabila diperhatikan dengan teliti setiap dua biji buah yang bersaudara, di mana terdapat sedikit perbezaan pada warna keduanya.

Dari warna buah-buahan Al-Qur'an berpindah pula kepada warna-warni gunung-ganang. Perpindahan itu pada lahirnya menimbulkan kehairanan, tetapi dari segi kajian warna, perpindahan itu memang tabi'i, kerana di dalam warna-warni batu batan itu terdapat keserupaan yang menakjubkan dengan warna-warni buah-buahan yang berbagai-bagai jenis itu, malah batu batan itu juga kadang-kadang berbentuk seperti bentuk dan saiz setengah-setengah buah-buahan hingga kadang-kadang hampir-hampir tidak dapat dibezakan dari buah-buahan sama ada kecil atau besar.

وَمِنَ ٱلْجِبَالِ جُدَدٌۢ بِيضٌ وَحُمْرٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَٰنُهَا وَغَرَابِيبُ سُودٌ ﴿٢٧﴾

"Dan di antara gunung-ganang itu terdapat jalur-jalur jalan putih dan merah yang berlain-lainan warnanya dan batu-batu yang hitam legam."(27)

Inilah gambaran jalur-jalur jalan atau liku-likunya yang benar-benar yang terdapat pada gunung-ganang jalur-jalur jalan yang berwarna putih itu pula tidak sama di antara satu sama lain. Begitu juga jalur-jalur jalan yang berwarna merah tidak sama di antara satu dengan yang lain. Ia berbeza-beza tentang darjat tebal nipis warnanya, tentang bayang-bayang dan warna-warni lain yang bercampuraduk yang terdapat padanya. Sementara itu di sana terdapat pula batu-batu yang berwarna hitam pekat.

Penerangan mengenai warna-warni batu batan yang berbagai-bagai jenis yang terdapat dalam satu warna yang disebut di samping warna-warni buah-buahan itu adalah amat mengharukan hati. Ia membangkitkan dalam hati deria rasa estatika yang tinggi, yang melihat keindahan dengan pandangan abstrak, di mana ia melihat keindahan pada batu sama seperti ia melihatnya pada buah-buahan. Walaupun perbezaan tabi'at dan fungsi di antara kedua-dua benda itu amat jauh di dalam penilaian manusia, namun pandangan estatika yang abstrak itu melihat keindahan itu sebagai satu unsur yang dikongsi bersama oleh batu dan buah-buahan yang wajar mendapat perhatian.

Warna-warna manusia pula tidak hanya terhenti di atas warna-warni kulit yang umum yang membezakan jenis-jenis manusia kerana setiap individu berbeza dengan warna sendiri dengan individu-individu yang sejenis atau sebangsa dengannya, malah berbeza dengan saudara kembarnya yang hidup sekandung di dalam rahim.

Begitu juga warna-warni haiwan dan binatang ternakan. Pengertian haiwan lebih syumul dan pengertian binatang ternakan lebih khusus. Yang dimaksudkan dengan haiwan ialah seluruh haiwan dan yang dimaksudkan dengan binatang ternakan ialah unta, lembu, biri-biri dan kambing. Ia disebut secara khusus kerana hubungannya yang dekat dengan manusia dan warna-warninya merupakan satu pameran warna-warni yang indah sama seperti pameran warna-warni buah-buahan dan batu batan.

Kitab alam buana yang indah lembaran-lembarannya dan yang menarik bentuk rupa dan warna-warninya itu adalah dibuka oleh Al-Qur'an, dan ia membalik-balikkan lembaran-lembarannya dan berkata: "Sesungguhnya para ahli ilmu yang membacanya, memahaminya dan memikirkannya itulah orang-orang yang takut kepada Allah."

إِنَّمَا يَخْشَى ٱللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ ٱلْعُلَمَٰٓؤُا۟ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ﴿٢٨﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya ialah para ulama'. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Pengampun."(28)

Lembaran-lembaran yang dibalik-balikkan Al-Qur'an di dalam kitab alam buana ini hanya merupakan sebahagian dari lembaran sahaja. Para ahli ilmulah yang memerhati dan memikirkan kitab alam buana yang amat menakjubkan ini. Oleh sebab itu mereka mengenal Allah dengan makrifat yang haqiqi. Mereka mengenal Allah dengan kesan-kesan penciptaan-Nya. Mereka memahaminya dengan kesan-kesan qudrat-Nya dan mereka menginsafi hakikat kebesaran-Nya dengan melihat hakikat-hakikat penciptaan-Nya. Oleh sebab itu mereka takut, bertaqwa dan beribadat kepada Allah dengan sebenar-benarnya bukan dengan perasaan kabur di hadapan keindahan alam,

malah dengan ilmu pengetahuan yang halus dan ilmu secara langsung. Lembaran-lembaran ini merupakan satu contoh dari kitab alam buana, sedangkan warna-warni itu pula merupakan satu contoh dari keindahan penciptaan dan penyusunan kejadian alam yang selaras yang tidak disedari melainkan oleh para ahli ilmu yang mengetahui kitab alam buana ini, dengan ilmu yang menyampaikan kepada Allah dan diinsafi hati. Dengan ilmu inilah dia bergerak dan melihat tangan qudrat Ilahi yang menciptakan aneka warna, mengadakan bentuk rupa dan penyelarasan yang rapi di alam buana yang indah ini.

Unsur keindahan nampak jelas merupakan satu perkara yang dirancangkan di dalam penciptaan dan penyelarasan alam buana ini. Di antara kesempurnaan keindahan ini ialah fungsi-fungsi segala kejadian dilaksanakan melalui keindahannya. Misalnya warna-warni yang indah pada bunga-bunga itu dapat menarik jantan-jantan lebah dan kupu-kupu bersama-sama dengan bau istimewanya yang harum semerbak. Kecantikan dan ketampanan pada jantan dan betina itulah sarana yang menarik satu sama lain untuk melaksanakan tugas seks. Demikianlah fungsi-fungsi itu terlaksana dengan sempurna melalui sarana keindahan.

Tegasnya unsur keindahan itu merupakan satu perkara yang memang dirancangkan dalam penciptaan dan penyelarasan alam buana ini. Oleh sebab itulah kitab suci Al-Qur'an yang diturunkan Allah ini menarik perhatian manusia supaya memerhati dan meneliti keindahan yang terdapat di dalam kitab alam buana yang terbentang lebar itu.

إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ﴿٢٨﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Pengampun".(28)

Allah amat berkuasa menciptakan sesuatu dengan indah dan membalas (segala perbuatan manusia) serta mengurniakan keampunan kepada mereka yang cuai dan lalai dari menunjukkan ketakutan mereka kepada Allah walaupun mereka melihat keindahan ciptaan-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 30)

Dari kitab alam buana Al-Qur'an berpindah pula memperkatakan tentang kitab suci yang diturunkan Allah dan orang-orang yang membacanya serta harapan mereka dari bacaan itu juga balasan yang menunggu mereka:

Perniagaan Yang Terjamin Untung

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَٰبَ ٱللَّهِ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنفَقُوا۟ مِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَٰرَةً لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾ لِيُوَفِّيَهُمْ أُجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِۦٓ ۚ إِنَّهُۥ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٠﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa membaca kitab Allah dan mendirikan solat serta mendermakan sebahagian rezeki yang Kami telah kurniakan kepada mereka secara sulit dan secara terang-terangan adalah mengharapkan satu perniagaan yang tidak akan rugi (29). Agar Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Bersyukur."(30)

Membaca kitab Allah bukannya bererti mengikuti kalimat-kalimat-Nya dengan suara atau tanpa suara, malah bererti membacanya dengan penelitian yang membawa kepada kefahaman yang memberi kesan kepada jiwa dan seterusnya membawa kepada tindakan mengamalkannya dan mengubahkan tingkahlaku. Oleh sebab itulah bacaan kitab suci itu harus diiringi dengan amalan mendirikan solat, mengeluarkan derma secara diam-diam atau secara terang-terang dari rezeki yang dikurniakan Allah dengan harapan mendapat keuntungan dari:

تِجَٰرَةً لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾

"Satu perniagaan yang tidak akan rugi."(29)

Mereka sedar bahawa balasan di sisi Allah itu lebih baik dari harta yang didermakan mereka. Mereka menjalankan satu perniagaan yang terjamin keuntungannya. Mereka bermu'amalah dengan Allah iaitu satu mu'amalah yang paling untung. Mereka menjalankan perniagaan ini di Akhirat iaitu satu perniagaan yang paling laba, satu perniagaan yang memberikan mereka balasan pahala yang sempurna dan limpah kurnia Allah yang semakin bertambah banyak:

إِنَّهُۥ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٠﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Bersyukur."(30)

Yakni Allah mengampunkan kecuaian dan memberi kesyukuran kerana mereka, menunaikan kewajipan. Maksud dari kesyukuran Allah ialah keredhaan dan balasan yang baik yang biasanya mengikuti kesyukuran, tetapi ungkapan "syukur" yang menyarankan kepada manusia bahawa Allah berterima kasih kepada mereka adalah semata-mata menyerupai adat manusia dengan (meminjam istilah yang sama) dengan tujuan merangsangkan perasaan malu (pada manusia) kerana jika Allah memberi kesyukuran kepada mereka di atas penunaian kewajipan mereka yang baik, maka mengapakah pula mereka tidak bersyukur kepada Allah di atas limpah kurnia-Nya yang baik?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 31 - 38)

Kemudian diterangkan pula tentang tabi'at kitab Al-Qur'an yang mengandungi kebenaran itu sebagai pendahuluan kepada pembicaraan yang menjelaskan tentang kaum Muslimin yang menjadi pewaris-pewaris kitab Al-Qur'an ini:

وَٱلَّذِيٓ أَوۡحَيۡنَآ إِلَيۡكَ مِنَ ٱلۡكِتَٰبِ هُوَ ٱلۡحَقُّ مُصَدِّقٗا لِّمَا بَيۡنَ يَدَيۡهِۗ إِنَّ ٱللَّهَ بِعِبَادِهِۦ لَخَبِيرُۢ بَصِيرٞ ٣١

"Dan kitab yang Kami telah wahyukan kepadamu itu adalah (kitab) yang benar yang mengesahkan kitab-kitab (yang diturunkan) sebelumnya. Sesungguhnya Allah Maha Pakar mengenai para hamba-Nya dan Maha Melihat."(31)

Kedudukan Al-Qur'an Di Antara Kitab-kitab Suci Yang Terdahulu

Bukti-bukti kebenaran yang terdapat di dalam Al-Qur'an amat jelas pada isi kandungannya. Al-Qur'an merupakan terjemahan yang tepat bagi hakikat alam buana ini atau Al-Qur'an merupakan kitab suci yang dibaca, sedangkan alam buana merupakan kitab suci yang senyap. Al-Qur'an mengesahkan kitab-kitab suci yang diturunkan dari sumber yang sama sebelumnya. Kebenaran itu satu sahaja dan tidak berbilang-bilang sama ada di dalam kitab-kitab suci yang terdahulu atau di dalam kitab Al-Qur'an. Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an kepada manusia adalah Maha Mengetahui tentang hakikat mereka dan segala apa yang boleh memberi kebaikan dan kebajikan kepada mereka:

إِنَّ ٱللَّهَ بِعِبَادِهِۦ لَخَبِيرُۢ بَصِيرٞ ٣١

"Sesungguhnya Allah Maha Pakar mengenai para hamba-Nya dan Maha Melihat."(31)

Allah telah mewariskan kitab suci Al-Qur'an kepada umat Muslimin. Allah telah memilih mereka untuk memegang warisan ini sebagaimana diterangkan di sini:

Pewaris Kitab Suci Al-Qur'an

ثُمَّ أَوۡرَثۡنَا ٱلۡكِتَٰبَ ٱلَّذِينَ ٱصۡطَفَيۡنَا مِنۡ عِبَادِنَاۖ

"Dan Kami mewariskan kitab Al-Qur'an itu kepada orang-orang yang Kami pilih dari hamba-hamba Kami."(32)

Pernyataan ini adalah cukup untuk menyarankan kepada umat Muslimin betapa, mulianya kedudukan mereka di sisi Allah di samping menyarankan betapa besarnya tanggungjawab mereka sebagai hasil dari pilihan Allah dan penyerahan warisan itu. Ia merupakan tanggungjawab yang amat besar yang mempunyai tugas-tugas dan kewajipannya. Apakah umat Muslimin yang terpilih itu dengar pernyataan ini dan menerima cabarannya?

Sesungguhnya Allah telah memuliakan umat Muslimin dengan memilih mereka sebagai pewaris Al-Qur'an, kemudian Allah muliakan mereka dengan limpah kurnia-Nya memberi balasan yang wajar kepada mereka walaupun kepada mereka yang melakukan amalan yang tidak baik:

فَمِنۡهُمۡ ظَالِمٞ لِّنَفۡسِهِۦ وَمِنۡهُم مُّقۡتَصِدٞ وَمِنۡهُمۡ سَابِقُۢ بِٱلۡخَيۡرَٰتِ بِإِذۡنِ ٱللَّهِۚ

"Di antara mereka ada yang zalim terhadap diri sendiri dan di antara mereka ada pula yang sederhana dan di antara mereka juga ada yang mendahului (orang lain) membuat berbagai-bagai kebajikan dengan izin Allah."(32)

Golongan pertama - yang disebut awal-awal lagi mungkin kerana mereka merupakan satu golongan yang paling ramai - ialah:

ظَالِمٞ لِّنَفۡسِهِۦ

"Golongan yang zalim terhadap diri sendiri"(32)

iaitu golongan yang mempunyai amalan-amalan yang tidak baik melebihi amalan-amalannya yang baik, Golongan yang kedua ialah golongan:

مُّقۡتَصِدٞ

"Sederhana"(32)

iaitu golongan yang mempunyai amalan-amalan yang tidak baik sama dengan amalan-amalan yang baik. Golongan yang ketiga ialah golongan yang:

سَابِقُۢ بِٱلۡخَيۡرَٰتِ بِإِذۡنِ ٱللَّهِۚ

"Mendahului (orang lain) membuat berbagai-bagai kebajikan dengan izin Allah"(32)

iaitu golongan yang mempunyai amalan-amalan yang baik melebihi amalan-amalannya, yang tidak baik, tetapi limpah kurnia Allah merangkumi semua golongan Muslimin ini dan seluruh mereka akan berakhir dengan kemasukan ke dalam Syurga dan mendapat ni'mat-ni'mat yang diterangkan di dalam ayat-ayat yang berikut mengikut perbezaan darjat masing-masing.

Di sini kami tidak masuk ke dalam huraian yang terperinci lebih dari keterangan yang telah dibentangkan Al-Qur'an di tempat ini mengenai kemuliaan darjat umat Muslimin di sisi Allah yang telah dipilih olehnya dan mengenai limpah kurnia Allah yang memberi balasan kepadanya. Inilah bayangan yang dapat difaham dari nas-nas ini dan inilah kesudahan seluruh umat Muslimin dengan berkat limpah kurnia Allah dan kami tinggalkan sahaja persoalan balasan yang telah ditetapkan didalam ilmu Allah sebelum kesudahan ini untuk terus sampai kepada balasan baik yang telah ditetapkan Allah kepada umat Muslimin yang merangkumi tiga golongan tersebut:

ذَٰلِكَ هُوَ ٱلۡفَضۡلُ ٱلۡكَبِيرُ ٣٢

جَنَّٰتُ عَدۡنٖ يَدۡخُلُونَهَا يُحَلَّوۡنَ فِيهَا مِنۡ أَسَاوِرَ

مِن ذَهَبٍ وَلُؤْلُؤًا وَلِبَاسُهُمْ فِيهَا حَرِيرٌ ﴿٣٣﴾ وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنَّا الْحَزَنَ إِنَّ رَبَّنَا لَغَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٤﴾ الَّذِي أَحَلَّنَا دَارَ الْمُقَامَةِ مِن فَضْلِهِ لَا يَمَسُّنَا فِيهَا نَصَبٌ وَلَا يَمَسُّنَا فِيهَا لُغُوبٌ ﴿٣٥﴾

"Semuanya itu adalah limpah kurnia yang amat besar."(32) "(Balasan mereka) ialah Syurga-syurga 'Adni yang dimasuki mereka, di mana mereka akan dihiaskan dengan gelang-gelang tangan dari emas dan mutiara, dan pakaian mereka di sana ialah sutera (33). Dan mereka mengucap: (Syukur) Alhamdulillah Tuhan yang telah menghapuskan kerunsingan dari kami. Sesungguhnya Tuhan kami Maha Pengampun dan Maha Bersyukur (34). Tuhan yang telah menempatkan kami ditempat tinggal yang kekal abadi semata-mata dari limpah kurnia-Nya, di sini kami tidak disentuh sebarang kepenatan, dan tidak juga kami disentuh sebarang kelesuan."(35)

Pemandangan itu[3] memperlihatkan ni'mat kebendaan yang dapat dijamah dan ni'mat kejiwaan yang dapat dirasa.

يُحَلَّوْنَ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِن ذَهَبٍ وَلُؤْلُؤًا وَلِبَاسُهُمْ فِيهَا حَرِيرٌ ﴿٣٣﴾

"Mereka akan dihiaskan dengan gelang-gelang tangan dari emas dan mutiara dan pakaian mereka di sana ialah sutera."(33)

Itulah keni'matan dalam bentuk benda yang dapat memenuhi keinginan setengah-setengah orang, dan di samping keni'matan ini ialah ni'mat keredhaan, keamanan dan ketenteraman:

وَقَالُوا الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنَّا الْحَزَنَ

"Dan mereka mengucap syukur: Alhamdulillah Tuhan yang telah menghapuskan kerunsingan dari kami."(34)

Kehidupan dunia yang penuh dengan kegelisahan memikirkan untung nasib kesudahan dan menghadapi berbagai-bagai urusan adalah dikira suatu "kerunsingan" dibandingkan dengan keni'matan Akhirat yang kekal abadi. Kegelisahan pada hari manusia dikumpulkan di padang Mahsyar menunggu untung nasib kesudahan merupakan punca kerunsingan dan kedukacitaan yang amat besar.

إِنَّ رَبَّنَا لَغَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٤﴾

"Sesungguhnya Tuhan kami Maha Pengampun dan Maha Bersyukur." (34)

Yakni Allah mengurniakan keampunan kepada kami dan memberi kesyukuran-Nya kepada kami di atas amalan-amalan kami dengan balasan-balasan yang baik yang dikurniakan kepada kami.

الَّذِي أَحَلَّنَا دَارَ الْمُقَامَةِ

"Tuhan yang telah menempatkan kami di tempat tinggal yang kekal abadi"(35)

untuk kamu hidup selama-lamanya:

مِن فَضْلِهِ

"Dari limpah kurnia-Nya"(35)

semata-mata, kami tidak mempunyai apa-apa hak di atas Allah, malah apa yang dikurniakan kepada kami itu hanya semata-mata limpah kurnia yang diberikan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya:

لَا يَمَسُّنَا فِيهَا نَصَبٌ وَلَا يَمَسُّنَا فِيهَا لُغُوبٌ ﴿٣٥﴾

"Di sini kami tidak lagi disentuh oleh sebarang kepenatan dan tidak juga kami disentuh sebarang kelesuan."(35)

Malah di dalam Syurga segala ni'mat terkumpul untuk kami iaitu ni'mat-ni'mat keni'matan, kerehatan dan ketenteraman.

Suasana di sini semuanya serba senang, rehat dan ni'mat. Segala kata-kata di dalam ayat ini dipilih agar bunyi dan rentak nadanya selaras dengan suasana yang penuh mesra ini hingga kata-kata "الحزن" tidak dibunyikan zaynya dengan baris mati yang keras malah dibunyikan dengan baris atas yang lembut dan ringan. Syurga merupakan tempat tinggal yang kekal abadi, Mereka tidak disentuh kepenatan dan kelesuan sedikit pun. Nada-nada ayat ini semuanya tenang, lembut dan harmoni.

Kemudian kita menoleh ke sebelah yang satu lagi, di sana kita melihat semua orang di sebelah itu keluh kesah dan gelisah.

وَالَّذِينَ كَفَرُوا لَهُمْ نَارُ جَهَنَّمَ لَا يُقْضَىٰ عَلَيْهِمْ فَيَمُوتُوا وَلَا يُخَفَّفُ عَنْهُم مِّنْ عَذَابِهَا كَذَٰلِكَ نَجْزِي كُلَّ كَفُورٍ ﴿٣٦﴾

"Dan orang-orang kafir akan memperolehi Neraka Jahannam. Mereka tidak dibinasakan hingga mati dan mereka tidak akan diringankan dari 'azab Neraka. Demikianlah Kami membalas setiap orang yang amat kufur."(36)

Mereka tidak memperolehi segala-galanya walaupun rahmat dengan mati:

كَذَٰلِكَ نَجْزِي كُلَّ كَفُورٍ ﴿٣٦﴾

"Demikian Kami membalas setiap orang yang amat kufur."(36)

---

[3] *Dari buku "مشاهد القيامة في القرآن" m.s. 100-101.*

Kemudian kita mendengar suara laungan yang kasar dan garau bergema di merata pelusuk. Itulah suara laungan orang-orang yang dicampakkan ke dalam Neraka:

وَهُمْ يَصْطَرِخُونَ فِيهَا

"Mereka menjerit-jerit di dalam Neraka."(37)

Bunyi sebutan kata-kata "يصطرخون" (menjerit) itu sendiri membayangkan semua pengertian itu. Sekarang marilah kita pastikan apakah yang dikatakan suara-suara jeritan itu? Mereka berkata:

رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا نَعْمَلْ صَٰلِحًا غَيْرَ ٱلَّذِى كُنَّا نَعْمَلُ

"Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami (dari Neraka ini), nescaya kami mengerjakan amalan yang soleh yang bukan amalan yang telah kami lakukannya."(37)

Itulah kata-kata taubat, mengaku salah dan menyesal, tetapi sayang masanya telah terluput kerana itu kita mendengar jawapan yang tegas yang mengandungi kecaman yang amat keras.

أَوَلَمْ نُعَمِّرْكُم مَّا يَتَذَكَّرُ فِيهِ مَن تَذَكَّرَ

"Tidakkah Kami telah melanjutkan umur kamu yang cukup untuk diambil peringatan oleh mereka yang ingin mengambil peringatan"(37)

tetapi malangnya kamu tidak mengambil peluang kelanjutan umur ini, sedangkan peluang itu cukup untuk diambil peringatan oleh sesiapa yang mahu mengambil peringatan. Selain dari itu:

وَجَآءَكُمُ ٱلنَّذِيرُ

"Kamu telah pun didatangi rasul yang memberi peringatan"(37)

mengapa kamu tidak mengambil peringatan?

فَذُوقُوا۟ فَمَا لِلظَّٰلِمِينَ مِن نَّصِيرٍ ﴿٣٧﴾

"Oleh itu, rasakanlah ('azab itu) kerana orang-orang yang zalim (kafir) tidak akan mendapat sebarang penolong."(37)

Itulah dua gambaran yang bertentangan; satu menggambarkan keamanan dan kerehatan dan satu lagi menggambarkan keluh kesah dan gelisah. Bunyi ucapan bersyukur dan berdo'a ditandingi dengan bunyi laungan dan seruan. Pemandangan 'inayah dan penghormatan ditandingi dengan pemandangan pengabaian dan kecaman. Bunyi nada yang lemah lembut ditandingi dengan bunyi nada yang kasar dan keras. Dengan gambaran ini terlaksanalah perbandingan dan keselarasan dalam butir-butir keterangan terperinci dan butir-butir keterangan umum.[4]

Pada akhirnya dibentangkan pula satu pernyataan umum yang merangkumi semua pandangan ini dan meliputi segala ni'mat pemilihan dan pewarisan:

إِنَّ ٱللَّهَ عَٰلِمُ غَيْبِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ إِنَّهُۥ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٣٨﴾

"Sesungguhnya Allah mengetahui segala perkara ghaib di langit dan di bumi. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada."(38)

Ilmu yang meliputi, seni dan halus merupakan pernyataan yang paling munasabah dengan limpah kurnia Allah yang menurunkan Al-Qur'an dan memilih umat Muslimin sebagai pewaris dan penanggung Al-Qur'an, juga munasabah dengan limpah kurnia-Nya yang mengampunkan kesalahan golongan orang-orang Islam yang menganiayai diri sendiri, juga munasabah dengan keputusan Allah yang telah menetapkan nasib kesudahan yang malang itu ke atas orang-orang yang kafir, kerana Allah mengetahui segala urusan yang ghaib sama ada di langit atau di bumi, juga kerana Allah mengetahui segala rahsia hati manusia. Dengan ilmu-Nya yang sempurna, seni dan halus inilah Allah memutuskan segala perkara dan urusan.

(Kumpulan ayat-ayat 39 - 45)

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ فَمَن كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرُهُۥ ۖ وَلَا يَزِيدُ ٱلْكَٰفِرِينَ كُفْرُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ إِلَّا مَقْتًا ۖ وَلَا يَزِيدُ ٱلْكَٰفِرِينَ كُفْرُهُمْ إِلَّا خَسَارًا ﴿٣٩﴾

قُلْ أَرَءَيْتُمْ شُرَكَآءَكُمُ ٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَرُونِى مَاذَا خَلَقُوا۟ مِنَ ٱلْأَرْضِ أَمْ لَهُمْ شِرْكٌ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ أَمْ ءَاتَيْنَٰهُمْ كِتَٰبًا فَهُمْ عَلَىٰ بَيِّنَتٍ مِّنْهُ ۚ بَلْ إِن يَعِدُ ٱلظَّٰلِمُونَ بَعْضُهُم بَعْضًا إِلَّا غُرُورًا ﴿٤٠﴾

إِنَّ ٱللَّهَ يُمْسِكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ أَن تَزُولَا ۚ وَلَئِن زَالَتَآ إِنْ أَمْسَكَهُمَا مِنْ أَحَدٍ مِّنۢ بَعْدِهِۦٓ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٤١﴾

وَأَقْسَمُوا۟ بِٱللَّهِ جَهْدَ أَيْمَٰنِهِمْ لَئِن جَآءَهُمْ نَذِيرٌ لَّيَكُونُنَّ أَهْدَىٰ مِنْ إِحْدَى ٱلْأُمَمِ ۖ فَلَمَّا جَآءَهُمْ نَذِيرٌ مَّا زَادَهُمْ إِلَّا نُفُورًا ﴿٤٢﴾

---

[4] *Dari buku "مشاهد القيامة في القرآن" m.s. 100-101.*

ٱسْتِكْبَارًا فِى ٱلْأَرْضِ وَمَكْرَ ٱلسَّيِّئِ ۚ وَلَا يَحِيقُ ٱلْمَكْرُ ٱلسَّيِّئُ إِلَّا بِأَهْلِهِۦ ۚ فَهَلْ يَنظُرُونَ إِلَّا سُنَّتَ ٱلْأَوَّلِينَ ۚ فَلَن تَجِدَ لِسُنَّتِ ٱللَّهِ تَبْدِيلًا ۖ وَلَن تَجِدَ لِسُنَّتِ ٱللَّهِ تَحْوِيلًا ﴿٤٣﴾

أَوَلَمْ يَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَيَنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَـٰقِبَةُ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَكَانُوٓا۟ أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً ۚ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُعْجِزَهُۥ مِن شَىْءٍ فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَلَا فِى ٱلْأَرْضِ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ عَلِيمًا قَدِيرًا ﴿٤٤﴾

وَلَوْ يُؤَاخِذُ ٱللَّهُ ٱلنَّاسَ بِمَا كَسَبُوا۟ مَا تَرَكَ عَلَىٰ ظَهْرِهَا مِن دَآبَّةٍ وَلَـٰكِن يُؤَخِّرُهُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۖ فَإِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِعِبَادِهِۦ بَصِيرًۢا ﴿٤٥﴾

"Dialah yang menjadikan kamu generasi-generasi yang bersilih ganti di bumi. Oleh itu barang siapa yang kafir, maka dialah yang menanggung akibat kekafirannya, sedangkan kekafiran itu tidak menambahkan kepada orang-orang kafir melainkan hanya kemurkaan di sisi Tuhan mereka. Dan kekafiran itu tidak menambahkan kepada orang-orang kafir melainkan kerugian semata-mata (39). (Wahai Muhammad) katakanlah: Terangkanlah kepadaku tentang sekutu-sekutu yang kamu sembah selain dari Allah. Tunjukkan kepadaku, apakah sesuatu di bumi ini yang telah diciptakan mereka atau apakah mereka mempunyai saham dalam penciptaan langit-langit atau apakah Kami telah memberikan kepada mereka sebuah kitab lalu mereka mendapat keterangan yang jelas darinya? Malah yang sebenarnya orang-orang yang zalim (kafir) itu tidak menjanjikan satu sama lain melainkan hanya janji-janji palsu sahaja (40). Sesungguhnya Allahlah yang menahan langit dan bumi supaya kedua-duanya tidak menyimpang (dari garisan peredaran masing-masing), dan jika kedua-duanya menyimpang, maka tiada siapa yang dapat menahankan keduanya selain dari Allah. Sesungguhnya Dia adalah Maha Sabar dan Maha Pengampun (41). Dan mereka telah bersumpah dengan nama Allah dengan sekuat-kuat sumpah bahawa sesungguhnya jika datanglah kepada mereka seorang rasul yang memberi peringatan nescaya mereka akan lebih mendapat hidayat dari salah satu dari umat-umat yang lain, tetapi apabila datang kepada mereka seorang rasul yang memberi peringatan, maka kedatangannya tidak menambahkan kepada mereka selain dari bertambah liar (dari hidayat) (42). Kerana mereka merasa angkuh di muka bumi dan kerana mereka membuat rancangan-rancangan yang jahat, sedangkan (akibat) rancangan yang jahat itu tidak akan menimpa ke atas yang lain dari para perancangnya. Mereka tidak menunggu melainkan hanya Sunnatullah yang telah bertindak ke atas umat-umat yang terdahulu. Oleh itu engkau tidak akan mendapat sebarang pertukaran dalam Sunnatullah itu dan seterusnya engkau tidak akan mendapat sebarang perubahan dalam Sunnatullah itu (43). Tidakkah mereka menjelajah di muka bumi dan melihat bagaimana akibat yang telah menimpa umat-umat yang terdahulu dari mereka, sedangkan umat-umat itu lebih kuat dari mereka? Dan tiada sesuatu pun yang dapat melemahkan Allah, tiada di langit dan tiada pula di bumi. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa (44). Dan sekiranya Allah terus menyeksakan manusia dengan sebab dosa-dosa yang telah dilakukan mereka nescaya Dia tidak meninggalkan di muka bumi satu makhluk pun yang bergerak, tetapi Dia menangguhkan (penyeksaan) mereka kepada satu masa yang telah dibantukannya. Maka apabila datang masa yang ditetapkan kepada mereka, maka sesungguhnya Allah amat melihat (segala gerak-geri) hamba-Nya."(45)

Bahagian akhir surah ini mengandungi penjelajahan-penjelajahan yang luas, berbagai-bagai sentuhan hati dan saranan iaitu penjelajahan meninjau generasi-generasi manusia yang bersilih ganti, penjelajahan meninjau langit dan bumi untuk mencari kesan-kesan tuhan-tuhan sekutu yang disembah kaum Musyrikin selain dari Allah, juga untuk melihat tangan qudrat Allah yang kuat memelihara langit dan bumi dari penyimpangan (dari jalan-jalan peredarannya yang tetap), penjelajahan melihat golongan pendusta yang menolak bukti-bukti dan ayat-ayat Allah semuanya, sedangkan dahulunya mereka berjanji andainya datang kepada mereka rasul yang memberi peringatan, nescaya mereka akan lebih mendapat hidayat dari mana-mana umat yang lain. Mereka telah membatal dan melanggar perjanjian ini, malah apabila rasul datang memberi peringatan, mereka bertambah liar dan jauh. Juga penjelajahan melihat kebinasaan-kebinasaan yang menimpa para pendusta dari umat-umat sebelum mereka dan mereka sendiri telah pun melihat kesan-kesan kebinasaan yang menimpa umat-umat itu, tetapi malangnya mereka tidak takut ditimpa malapetaka kebinasaan dan dari terkena tindakan Sunnatullah yang tetap itu. Pada akhirnya ditamatkan dengan satu pernyataan yang menginsaf dan menyedarkan hati serta menimbulkan perasaan takut:

وَلَوْ يُؤَاخِذُ ٱللَّهُ ٱلنَّاسَ بِمَا كَسَبُوا۟ مَا تَرَكَ عَلَىٰ ظَهْرِهَا مِن دَآبَّةٍ وَلَـٰكِن يُؤَخِّرُهُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۖ فَإِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِعِبَادِهِۦ بَصِيرًۢا ﴿٤٥﴾

"Dan sekiranya Allah terus menyeksakan manusia dengan sebab dosa-dosa yang telah dilakukan mereka nescaya Dia tidak meninggalkan di muka bumi satu makhluk pun yang bergerak, tetapi Dia menangguhkan (penyeksaan) mereka kepada satu masa yang telah dibantukannya. Maka apabila datang masa yang ditentukan kepada mereka, maka

sesungguhnya Allah amat melihat (segala gerakgeri-gerakgeri) hamba-Nya.(45)

Allah telah menunjukkan kemurahan-Nya yang amat besar dengan menangguhkan 'azab seksanya yang dahsyat ini terhadap manusia (yang berdosa).

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 39)

Pengajaran Di Sebalik Kemunculan Generasi-generasi Yang Bersilih Ganti

"Dialah yang menjadikan kamu generasi-generasi yang bersilih ganti di bumi. Oleh itu barang siapa yang kafir, maka dialah yang menanggung akibat kekafirannya, sedangkan kekafiran itu tidak menambahkan kepada orang-orang kafir melainkan hanya kemurkaan di sisi Tuhan mereka. Dan kekafiran itu tidak menambahkan kepada orang-orang kafir melainkan kerugian semata-mata."(39)

Bersilih gantinya generasi-generasi manusia di muka bumi, di mana berlalunya satu generasi datang pula satu generasi yang baru. Generasi yang pergi menyerahkan warisan kepada generasi yang datang. Berakhirnya satu kerajaan bangun pula satu kerajaan yang baru. Padamnya sebatang obor, nyala pula satu obor yang lain. Pertukaran hilang dan muncul ini adalah berlangsung di sepanjang zaman. Merenungi pergerakan pertukaran yang terus menerus ini sepatutnya dapat memberikan kesedaran dan pengajaran dan sepatutnya dapat menginsafkan generasi yang ada sekarang ini bahawa mereka juga tidak lama lagi akan berlalu (dari dunia ini) dan kesan-kesan mereka akan diperhatikan oleh generasi yang datang dan kisah-kisah mereka akan menjadi kisah-kisah perbualan generasi baru sebagaimana mereka memperhatikan kesan-kesan dan memperkatakan kisah-kisah generasi sebelum mereka. Ia juga sepatutnya dapat menyedarkan orang-orang yang lalai agar mereka insaf terhadap qudrat Ilahi yang mengaturkan umur, menukarkan kuasa, mengubahkan kerajaan, menentukan warisan pemerintahan dan menjadikan generasi baru menggantikan generasi lama. Segala sesuatu itu akan berlaku, berakhir dan hilang. Hanya Allah sahaja yang kekal abadi yang tidak akan hilang dan berubah.

Sesiapa yang keadaannya akan berakhir dan berlalu bererti dia tidak akan kekal. Sesiapa yang berada dalam satu perjalanan yang berakhir dengan satu masa yang tertentu, sesiapa yang akan digantikan oleh orang yang datang selepasnya, yang akan melihat peninggalan dan amalannya, sesiapa yang pada akhirnya akan mengadap Allah yang akan menghisabkan segala perkataan dan perbuatannya .... sesiapa yang berkeadaan seperti ini sepatutnya menggunakan masa tinggalnya di dunia yang pendek ini dengan baik dan meninggalkan di belakangnya sebutan yang harum dan membuah bekalan amalan yang berguna untuk negeri Akhirat.

Inilah berapa fikiran yang sepatutnya terlintas di hati seseorang apabila dibentangkan di hadapannya pemandangan-pemandangan yang menggambarkan kehapusan dan kemunculan, naik dan turun, kerajaan-kerajaan yang bertukar ganti, kehidupan dunia yang hilang dan warisan yang bergilir-gilir generasi demi generasi:

هُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ فِي الْأَرْضِ

"Dia yang menjadikan kamu generasi-generasi yang bersilih ganti di bumi."(39)

Di bawah bayangan pemandangan yang menarik ini Al-Qur'an menyebut persoalan tanggungjawab individu iaitu tiada seorang pun yang boleh menanggung dosa orang lain. Dan tiada seorang pun yang dapat mempertahankan orang lain. Seterusnya Al-Qur'an menyebut sikap mereka yang derhaka, kafir dan sesat dan akibat kerugian yang akan menimpa mereka di penghabisan perjalanan hidup mereka:

فَمَن كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرُهُ ۖ وَلَا يَزِيدُ الْكَافِرِينَ كُفْرُهُمْ عِندَ رَبِّهِمْ إِلَّا مَقْتًا ۖ وَلَا يَزِيدُ الْكَافِرِينَ كُفْرُهُمْ إِلَّا خَسَارًا ﴿٣٩﴾

"Barang siapa yang kafir, maka dialah yang menanggung akibat kekafirannya, sedangkan kekafiran itu tidak menambahkan kepada orang-orang kafir melainkan hanya kemurkaan di sisi Tuhan mereka. Dan kekafiran itu tidak menambahkan kepada orang-orang kafir melainkan kerugian semata-mata."(39)

Barang siapa yang dimurkai Allah, maka apakah satu kerugian lain yang lebih besar dari kemurkaan itu? Bukankah kemurkaan itu sendiri merupakan kerugian yang mengatasi segala kerugian yang lain?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 40)

Penjelajahan yang kedua ialah meninjau langit dan bumi untuk mencari kesan atau berita tuhan-tuhan sekutu yang disembahkan mereka selain dari Allah, sedangkan langit dan bumi tidak merasa apa-apa kesan dan tidak mendapat apa-apa berita dari mereka:

Hakikat Tuhan-tuhan Palsu

قُلْ أَرَأَيْتُمْ شُرَكَاءَكُمُ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ أَرُونِي مَاذَا خَلَقُوا مِنَ الْأَرْضِ أَمْ لَهُمْ شِرْكٌ فِي السَّمَاوَاتِ أَمْ آتَيْنَاهُمْ كِتَابًا فَهُمْ عَلَىٰ بَيِّنَتٍ مِّنْهُ ۚ بَلْ إِن يَعِدُ

ٱلظَّٰلِمُونَ بَعْضُهُم بَعْضًا إِلَّا غُرُورًا ﴿٤٠﴾

"(Wahai Muhammad) katakanlah: Terangkanlah kepadaku tentang sekutu-sekutu yang kamu sembah selain, dari Allah. Tunjukkan kepadaku, apakah sesuatu di bumi ini yang telah diciptakan mereka atau apakah mereka mempunyai saham dalam penciptaan langit-langit atau apakah Kami telah memberikan kepada mereka sebuah kitab lalu mereka mendapat keterangan yang jelas darinya? Malah yang sebenarnya orang-orang yang zalim (kafir) itu tidak menjanjikan satu sama lain melainkan hanya janji-janji palsu sahaja."(40)

Hujah ini amat jelas dan bukti ini cukup nyata, bumi dengan segala isi dan penghuninya dapat disaksi dan dilihat. Oleh itu manakah dan apakah sesuatu dari bumi ini yang boleh didakwa adanya pencipta yang lain dari Allah yang telah menciptakannya? Segala sesuatu di bumi ini menyangkal dakwaan itu, kerana segala sesuatu di bumi ini membuktikan bahawa yang menciptakannya ialah Allah. Segala sesuatu di bumi ini membawa kesan penciptaan Ilahi yang tidak boleh didakwakan oleh sesiapa pun selain-Nya, kerana ciptaan Allah tidak sama dengan ciptaan yang lain yang diciptakan oleh makhluk-makhluk yang lemah dan fana.

أَمْ لَهُمْ شِرْكٌ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ

"Apakah mereka mempunyai saham dalam penciptaan langit-langit?"(40)

Dakwaan ini lebih tidak mungkin, kerana tiada seorang pun yang berani mengatakan bahawa sekutu-sekutu yang disembahkan mereka itu turut serta dalam menciptakan langit atau berfungsi dalam memiliki langit walaupun mereka dari golongan manusia yang menyembah jin dan malaikat sebagai sekutu-sekutu Allah. Dakwaan yang paling tinggi yang sanggup dikatakan mereka ialah mereka meminta pertolongan syaitan-syaitan supaya menyampaikan kepada mereka berita-berita langit atau mereka memohon syufa'at di sisi Allah dengan perantaraan malaikat. Dakwaan mereka tidak meningkat hingga ke darjat mengatakan bahawa sekutu-sekutu yang disembahkan mereka itu mempunyai saham dalam penciptaan langit.

أَمْ ءَاتَيْنَٰهُمْ كِتَٰبًا فَهُمْ عَلَىٰ بَيِّنَتٍ مِّنْهُ

"Apakah Kami telah memberi kepada mereka sebuah kitab lalu mereka mendapat keterangan yang jelas darinya?"(40)

Hinggakan ke darjat ini pun tidak tercapai oleh sekutu-sekutu itu, iaitu darjat mereka dikurniakan Allah sebuah kitab yang dipercayai benar oleh mereka. Pertanyaan di dalam ayat ini mungkin juga dituju kepada kaum Musyrikin itu sendiri bukannya kepada sekutu-sekutu mereka kerana kedegilan mereka berpegang dengan kepercayaan syirik itu seolah-olah membayangkan bahawa mereka mengambil 'aqidah syirik itu dari sebuah kitab suci yang difahami oleh mereka dengan bukti-bukti yang jelas. Ini tidak benar! Dan mereka tidak mungkin mendakwa begitu. Dengan pengertian ini ayat ini memberi saranan bahawa urusan 'aqidah itu pastilah diterima dari kitab suci yang jelas yang diturunkan Allah. Inilah satu-satunya sumber yang boleh dipegang dan mereka tidak mempunyai sesuatu apa pun dari sumber ini, sedangkan Rasulullah s.a.w. telah membawa kepada mereka kitab suci Al-Qur'an yang amat jelas yang diturunkan Allah kepadanya. Oleh itu mengapa mereka menolaknya, sedangkan Al-Qur'an merupakan satu-satunya jalan untuk mengambil 'aqidah yang benar?

بَلْ إِن يَعِدُ ٱلظَّٰلِمُونَ بَعْضُهُم بَعْضًا إِلَّا غُرُورًا ﴿٤٠﴾

"Malah yang sebenarnya orang-orang yang zalim (kafir) itu tidak menjanjikan satu sama lain melainkan hanya janji-janji palsu sahaja."(40)

Yakni orang-orang yang zalim itu menjanjikan satu sama lain bahawa jalan yang diikuti mereka adalah jalan yang paling sempurna dan mereka akan mencapai kemenangan pada akhirnya, sedangkan mereka sebenarnya tertipu. Mereka menipu satu sama lain dan hidup dalam kekeliruan dan kepalsuan yang tidak memberi apa-apa faedah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 41)

Setelah menjelaskan bahawa tuhan-tuhan sekutu itu tidak mempunyai sebarang sebutan dan sebarang berita mengenai (kuasa dan peranan) mereka sama ada di langit atau di bumi, maka dalam penjelajahan yang ketiga dijelaskan pula tentang qudrat Allah Yang Maha Perkasa yang memegang, memelihara dan mentadbirkan langit dan bumi tanpa sebarang sekutu:

إِنَّ ٱللَّهَ يُمْسِكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ أَن تَزُولَا ۚ وَلَئِن زَالَتَآ إِنْ أَمْسَكَهُمَا مِنْ أَحَدٍ مِّنۢ بَعْدِهِۦٓ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٤١﴾

"Sesungguhnya Allahlah yang menahan langit dan bumi supaya kedua-duanya tidak menyimpang (dari garisan peredaran masing-masing), dan jika kedua-duanya menyimpang, maka tiada siapa yang dapat menahankan keduanya selain dari Allah. Sesungguhnya Dia adalah Maha Sabar dan Maha Pengampun."(41)

Kuasa Yang Memegang Cakerawala Di Angkasa Lepas

Dengan sekali pandang sahaja kepada langit, bumi dan bintang-bintang yang tidak terhingga banyaknya bertaburan di angkasa raya yang tidak diketahui garisan-garisan sempadannya, masing-masing tetap,di tempatnya dan beredar mengikut jalan peredaran masing-masing (dengan teratur) tidak pernah mungkir, tidak pernah menyimpang darinya, tidak pernah lambat atau cepat dalam perjalanannya dan semuanya tidak ditegakkan di atas tiang-tiang yang tertentu dan tidak ditambatkan dengan tali-tali yang

kukuh dan tidak berpegang kepada sesuatu apa pun sama ada dari sini atau dari sana....... dengan sekali pandang sahaja kepada makhluk-makhluk yang besar dan menakjubkan itu sudah cukup untuk membuka mata hati mereka melihat tangan qudrat Ilahi yang tersembunyi dan Maha Kuasa yang memelihara makhluk-makhluk itu dari menyimpang dari tempat-tempat peredarannya masing-masing.

Andainya langit dan bumi itu menyimpang dari tempatnya masing-masing hingga menyebabkannya kacau-bilau dan jatuh berguguran, maka tiada siapa pun lagi yang berkuasa memegang dan memeliharanya selepas itu. Itulah masa Qiamat yang banyak diperkatakan Al-Qur'an sebagai masa tamatnya riwayat alam ini. Tegasnya apabila peraturan peredaran bintang-bintang, planet-planet itu menjadi kacau-bilau menyebabkannya berlanggaran, pecah, hancur berkecai dan hilangnya segala sesuatu di angkasa raya, maka tiada siapa lagi dapat memegang dan memeliharakannya.

Itulah masa yang telah ditentukan untuk hisab dan balasan terhadap segala amalan yang telah dilakukan di dalam kehidupan dunia, dan itulah masa untuk memasuki alam Akhirat, di mana keadaannya berlainan sama sekali dari alam bumi.

Oleh sebab itu, keterangan memelihara langit dan bumi itu diiringi dengan kenyataan:

إِنَّهُۥ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٤١﴾

"Sesungguhnya Dia adalah Maha Sabar dan Maha Pengampun."(41)

"Maha Sabar" yakni Allah memberi tempoh kepada manusia dan tidak terus bertindak membinasakan alam ini dengan sebab mereka dan tidak terus membawa mereka untuk menerima hisab dan balasan melainkan pada masa yang telah ditentukan-Nya. Allah memberi peluang kepada mereka supaya bertaubat, beramal dan berusaha. **"Maha Pengampun"** yakni Allah tidak membalas segala dosa yang dilakukan manusia, malah Allah memberi keampunan kepada dosa-dosa mereka yang banyak apabila dia mengetahui wujudnya kebaikan pada mereka. Ini adalah satu pernyataan yang dapat menyedarkan orang-orang yang lalai dan cuai supaya merebut peluang yang terbuka sebelum ia terlepas hilang dan tidak kembali lagi.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 42 - 43)

Penjelajahan yang ke empat ialah meninjau keadaan kaum yang telah berjanji patuh kepada Allah, kemudian mereka telah membatalkan perjanjian itu dan melakukan kerosakan di bumi dan di sini mereka diperingatkan dengan tindakan Sunnatullah yang tidak pernah mungkir, berubah dan bertukar:

Tindakan Sunatullah Yang Tidak Pernah Berganjak Dari Titik Dasarnya

وَأَقْسَمُوا۟ بِٱللَّهِ جَهْدَ أَيْمَٰنِهِمْ لَئِن جَآءَهُمْ نَذِيرٌ لَّيَكُونُنَّ أَهْدَىٰ مِنْ إِحْدَى ٱلْأُمَمِ ۖ فَلَمَّا جَآءَهُمْ نَذِيرٌ مَّا زَادَهُمْ إِلَّا نُفُورًا ﴿٤٢﴾ ٱسْتِكْبَارًا فِى ٱلْأَرْضِ وَمَكْرَ ٱلسَّيِّئِ ۚ وَلَا يَحِيقُ ٱلْمَكْرُ ٱلسَّيِّئُ إِلَّا بِأَهْلِهِۦ ۚ فَهَلْ يَنظُرُونَ إِلَّا سُنَّتَ ٱلْأَوَّلِينَ ۚ فَلَن تَجِدَ لِسُنَّتِ ٱللَّهِ تَبْدِيلًا ۖ وَلَن تَجِدَ لِسُنَّتِ ٱللَّهِ تَحْوِيلًا ﴿٤٣﴾

"Dan mereka telah bersumpah dengan nama Allah dengan sekuat-kuat sumpah, bahawa sesungguhnya jika datanglah kepada mereka seorang rasul yang memberi peringatan, nescaya mereka akan lebih mendapat hidayat dari salah satu dari umat-umat yang lain, tetapi apabila datang kepada mereka seorang rasul yang memberi peringatan, maka kedatangannya tidak menambahkan kepada mereka selain dari bertambah liar (dari hidayat) (42) Kerana mereka merasa angkuh di muka bumi dan kerana mereka membuat rancangan-rancangan yang jahat, sedangkan (akibat) rancangan yang jahat itu tidak akan menimpa ke atas yang lain dari para perancangnya. Mereka tidak menunggu melainkan hanya Sunnatullah yang telah bertindak ke atas umat-umat yang terdahulu. Oleh itu engkau tidak akan mendapat sebarang pertukaran dalam Sunnatullah itu dan seterusnya engkau tidak akan mendapat sebarang perubahan dalam Sunnatullah itu."(43)

Orang-orang Arab melihat kaum Yahudi selaku Ahlil-Kitab yang hidup berjiran dengan mereka di Semenanjung Tanah Arab. Mereka melihat penyelewengan dan kelakuan-kelakuan mereka yang buruk. Mereka mendengar dari sejarah mereka bagaimana mereka membunuh rasul-rasul mereka dan menolak kebenaran yang dibawa oleh para rasul itu. Pada masa itu mereka mengecam orang-orang Yahudi, lalu mereka bersumpah, dengan sekuat-kuat sumpah:

لَئِن جَآءَهُمْ نَذِيرٌ لَّيَكُونُنَّ أَهْدَىٰ مِنْ إِحْدَى ٱلْأُمَمِ ۖ

"Sesungguhnya jika datanglah kepada mereka seorang rasul yang memberi peringatan, nescaya mereka akan lebih mendapat hidayat dari salah satu dari umat-umat yang lain."(42)

Mereka maksudkan dengan:

مِنْ إِحْدَى ٱلْأُمَمِ ۖ

"Salah satu dari umat-umat yang lain"(42)

itu ialah kaum Yahudi. Mereka menyebut mereka secara sindiran sahaja dan tidak terus terang.

Itulah keadaan orang-orang Arab dan sumpah mereka. Al-Qur'an membentangkan cerita ini seolah-olah untuk menyeru para pendengar supaya menyaksi keadaan orang-orang Arab itu di zaman jahiliah mereka, kemudian Al-Qur'an membentangkan pula cerita mereka selepas itu, iaitu ketika Allah telah memenuhi cita-cita mereka dengan mengutuskan seorang rasul yang memberi peringatan kepada mereka:

فَلَمَّا جَآءَهُمۡ نَذِيرٞ مَّا زَادَهُمۡ إِلَّا نُفُورًا ٤٢ ٱسۡتِكۡبَارٗا فِي ٱلۡأَرۡضِ وَمَكۡرَ ٱلسَّيِّيِٕۚ

"Tetapi apabila datang kepada mereka seorang rasul yang memberi peringatan, maka kedatangannya itu tidak menambahkan kepada mereka selain dari bertambah liar (dari hidayat). Kerana mereka merasa angkuh di muka bumi dan kerana mereka membuat rancangan-rancangan yang jahat."(42-43)

Amatlah keji kelakuan mereka yang bersumpah sekuat itu kemudian bertindak seburuk ini kerana dilambung perasaan sombong dan disebabkan oleh rancangan-rancangan mereka yang jahat. Al-Qur'an mendedahkan tembelang mereka dan merakamkan tindak-tanduk mereka yang keji ini. Kemudian di samping kecaman yang menghinakan ini, Al-Qur'an menokokkan pula dengan satu ancaman yang memberi amaran kepada setiap orang yang melakukan perbuatan yang keji itu:

وَلَا يَحِيقُ ٱلۡمَكۡرُ ٱلسَّيِّئُ إِلَّا بِأَهۡلِهِۦۚ

"Sedangkan (akibat) rancangan yang jahat tidak akan menimpa ke atas yang lain dari para perancangnya."(43)

Akibat rancangan mereka yang jahat itu tidak akan menimpa ke atas orang yang lain kecuali diri mereka sendiri. Rancangan yang jahat itu akan membinasakan diri sendiri dan mensia-siakan amalan mereka. Jika beginilah keadaannya apakah lagi yang ditunggukan mereka? Mereka hanya menunggu ditimpa malapetaka yang telah menimpa para pendusta dari umat yang terdahulu dari mereka dan umat-umat itu memang terkenal kepada mereka. Mereka hanya menunggu berlakunya tindakan Sunnatullah yang tetap berjalan mengikut relnya tanpa menyimpang darinya:

فَلَن تَجِدَ لِسُنَّتِ ٱللَّهِ تَبۡدِيلٗاۖ وَلَن تَجِدَ لِسُنَّتِ ٱللَّهِ تَحۡوِيلًا ٤٣

"Oleh itu engkau tidak akan mendapat sebarang pertukaran dalam Sunnatullah itu, dan seterusnya engkau tidak akan mendapat sebarang perubahan dalam Sunnatullah itu."(43)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 44)

Segala urusan dan segala perkara tidak berlaku di kalangan manusia secara kebetulan atau serampangan sahaja. Kehidupan di bumi ini juga tidak berlaku secara main-main sahaja, malah di sebaliknya terdapat undang-undang Allah yang tetap teguh yang tidak berubah dan bertukar. Al-Qur'an menjelaskan hakikat ini dan mengajarkannya kepada manusia supaya mereka tidak memandang peristiwa-peristiwa itu sebagai kejadian-kejadian menunggal yang berasing-asingan, supaya mereka tidak hidup dengan keadaan yang lalai terhadap undang-undang Allah yang tetap itu, atau hidup terkepung dalam satu masa yang pendek dan dalam satu ruang yang terbatas, juga supaya mereka tingkatkan kefahaman mereka terhadap konsep perhubungan-perhubungan di dalam kehidupan dan terhadap undang-undang Alamul-wujud. Oleh sebab itu Al-Qur'an sentiasa menarik perhatian mereka kepada undang-undang Allah yang tetap tidak berubah dan mungkir itu dan kepada bukti kebenarannya yang telah berlaku kepada umat-umat yang terdahulu. Peristiwa-peristiwa yang telah silam itu telah menunjukkan bahawa undang-undang Allah itu adalah undang-undang yang tetap teguh tidak berubah.

Penjelajahan yang kelima ini merupakan salah satu contoh dari contoh bimbingan ke arah perhatian ini setelah menjelaskan hakikat alam bahawa undang-undang Allah itu tetap tidak berubah dan berganjak:

Penjelajahan Meninjau Kesan-kesan Sunatullah

أَوَلَمۡ يَسِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَيَنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡ وَكَانُوٓاْ أَشَدَّ مِنۡهُمۡ قُوَّةٗۚ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيُعۡجِزَهُۥ مِن شَيۡءٖ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِي ٱلۡأَرۡضِۚ إِنَّهُۥ كَانَ عَلِيمٗا قَدِيرٗا ٤٤

"Tidakkah mereka menjelajah di muka bumi dan melihat bagaimana akibat yang telah menimpa umat-umat yang terdahulu dari mereka, sedangkan umat-umat itu lebih kuat dari mereka? Dan tiada sesuatu pun yang dapat melemahkan Allah, tiada di langit dan tiada pula di bumi Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa."(44)

Menjelajah di bumi dengan mata yang terbuka dan hati yang sedar, melihat malapetaka-malapetaka yang telah menimpa umat-umat yang terdahulu dan memperhatikan keadaan hidup mereka serta kesudahannya dapat menanamkan di dalam hati saranan-saranan yang menginsafkan dan menimbulkan perasaan-perasaan kesedaran dan taqwa.

Oleh sebab itulah di dalam Al-Qur'an terdapat bimbingan-bimbingan yang berulang-ulang ke arah menjelajah di bumi untuk meninjau kesan-kesan

malapetaka yang telah menimpa umat-umat yang terdahulu dan menyedarkan hati dari kelalaian yang tidak dapat melihat dan apabila ia melihat ia tidak merasa apa-apa dan apabila ia merasa ia tidak mengambil pengajaran. Dari kelalaian ini juga timbulnya kelalaian yang lain, iaitu kelalaian dari undang-undang Allah yang tetap dan kelemahan dari memahami peristiwa-peristiwa yang berlaku dan menghubungkannya dengan undang-undang Allah yang am yang mengendalikannya. Kefahaman yang seperti inilah merupakan satu sifat istimewa manusia yang membezakannya dari binatang yang tidak berakal, yang hidup dalam satu hayat, di mana masa-masa dan keadaan-keadaannya terpisah satu sama lain, iaitu tidak ada sesuatu yang mengikatkannya dan tidak ada sesuatu undang-undang yang mengendalikannya. Tetapi seluruh jenis manusia merupakan satu kesatuan di hadapan kesatuan undang-undang Allah.

Semasa berdiri melihat kesan-kesan malapetaka yang telah menimpa umat-umat yang terdahulu yang lebih kuat dari mereka, namun kekuatan itu tidak dapat menyelamatkan mereka dari kebinasaan yang telah ditetapkan Allah ... semasa berdiri melihat kesan-kesan itulah Al-Qur'an menarik hati supaya menyedari kekuatan Allah Yang Maha Agung, iaitu kekuatan yang tidak dapat dikalah dan dilemahkan oleh sesuatu apa pun, kekuatan yang telah membinasakan umat-umat yang terdahulu dan kekuatan yang berkuasa membinasakan mereka seperti umat-umat yang terdahulu:

"Tiada sesuatu yang dapat melemahkan Allah; tiada di langit dan tiada pula di bumi."(44)

Kemudian Al-Qur'an iringi pula dengan satu pernyataan yang menerangkan bukti-bukti hakikat yang telah dijelaskan itu:

إِنَّهُۥ كَانَ عَلِيمًا قَدِيرًا ﴿٤٤﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa."(44)

Ilmu Allah meliputi segala sesuatu yang ada di langit dan di bumi dan di samping ilmu-Nya yang luas ialah qudrat-Nya Yang Maha Perkasa. Oleh itu tiada sesuatu pun yang terlepas dari ilmu Allah dan tiada sesuatu pun yang dapat menghalang dan melemahkan qudrat-Nya baik di langit mahupun di bumi dan tiada ruang untuk melepaskan diri dari qudrat Allah dan menyembunyikan diri dari ilmu-Nya:

"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Berkuasa."(44)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 45)

Di Sebalik Penangguhan 'Azab Ke Atas Manusia

Pada akhirnya ditamatkan dengan ayat yang mendedahkan sifat Allah Yang Maha Sabar di samping sifat-sifat-Nya Yang Maha Mengetahui dan Maha Kuasa, dan menegaskan bahawa penangguhan 'azab terhadap manusia yang berdosa yang terbit dari kesabaran dan rahmat Allah itu tidak akan menjejaskan kehalusan Hisab dan keadilan balasannya pada hari Qiamat:

وَلَوْ يُؤَاخِذُ ٱللَّهُ ٱلنَّاسَ بِمَا كَسَبُوا۟ مَا تَرَكَ عَلَىٰ ظَهْرِهَا مِن دَآبَّةٍ وَلَٰكِن يُؤَخِّرُهُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۖ فَإِذَا جَآءَ أَجَلُهُمْ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِعِبَادِهِۦ بَصِيرًۢا ﴿٤٥﴾

"Dan sekiranya Allah terus menyeksakan manusia dengan sebab dosa-dosa yang telah dilakukan mereka, nescaya Dia tidak meninggalkan di muka bumi satu makhluk pun yang bergerak, tetapi Dia menangguhkan (penyeksaan) mereka kepada satu masa yang telah ditentukan-Nya. Maka apabila datang masa yang ditentukan kepada mereka, maka sesungguhnya Allah amat melihat (segala gerakgeri-gerak geri) hamba-Nya."(45)

Kekufuran terhadap ni'mat Allah, kejahatan, kerosakan, dan kezaliman yang dilakukan manusia, di bumi ini adalah amat keji. Andainya Allah terus menimpakan malapetaka 'azab ke atas mereka dengan sebab dosa-dosa yang amat keji dan buruk tentulah kesan malapetaka yang besar itu akan menjangkau setiap makhluk yang hidup di muka bumi ini dan tentulah bumi akan menjadi sebuah alam yang sama sekali tidak sesuai untuk hidup, bukan sahaja bagi manusia tetapi bagi semua makhluk hidup yang lain.

Pengungapan dengan uslub ini membayangkan kekejian perbuatan manusia dan kesannya yang boleh meleburkan seluruh kehidupan andainya Allah terus bertindak membalas perbuatan mereka dengan segera.

Tetapi Allah Maha Sabar dan tidak gopoh bertindak terhadap kesalahan-kesalahan manusia.

وَلَٰكِن يُؤَخِّرُهُمْ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ۖ

"Tetapi Dia menangguhkan (penyeksaan) mereka ke satu masa yang telah ditentukan-Nya."(45)

Allah memberi tempoh kepada individu-individu manusia sehingga sampai ajal mereka masing-masing, di mana tamatnya umur mereka di dunia ini, dan memberi tempoh kepada kumpulan-kumpulan generasi manusia sehingga sampai ajal pemerintahan mereka diserahkan kepada generasi yang baru dan Allah memberi tempoh kepada umat manusia seluruhnya sehingga sampai ajal alam buana dan datangnya Qiamat Yang Maha Besar. Allah memberi

tempoh dan peluang itu supaya mereka beramal dengan amalan-amalan yang baik.

"Maka apabila datang ajal mereka."(45)

Apabila berakhirnya masa beramal dan berusaha dan tibanya masa Hisab dan balasan, maka Allah tidak akan menganiayai mereka sedikit pun:

"Sesungguhnya Allah amat melihat (segala gerak-geri) hamba-Nya."(45)

Penglihatan Allah Yang Maha Halus terhadap gerak-geri hamba-Nya menjaminkan bahawa mereka akan dihisabkan dengan sempurna (dan adil) mengikut amalan dan usaha yang dilakukan mereka. Tiada satu amalan pun yang terluput dari mereka dan tiada satu balasan pun yang terluput ke atas mereka.

* * * * * *

Inilah nada pernyataan yang akhir surah ini. Ia dimulakan dengan memuji Allah yang menciptakan langit dan bumi, juga menciptakan malaikat-malaikat yang bersayap sebagai utusan-utusan yang membawa risalah Allah ke bumi yang mengandungi berita-berita gembira dan amaran-amaran kepada manusia sama ada mereka mahu ke Syurga atau ke Neraka.

Di antara awal surah dan akhirnya diisikan dengan penjelajahan-penjelajahan meninjau berbagai alam yang dibawa oleh surah ini, dan inilah penghabisan penjelajahan-penjelajahan itu, juga penghabisan hayat dan penghabisan insan.

(Tamat Juzu' Yang Kedua Puluh Dua)